

**Bil. 76**

**Isnin  
9 Disember 1996**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPANMULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Ruangan 1 )
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Ruangan 14)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 1997	
<u>Jawatankuasa:</u>	
<u>Jadual -</u>	
Maksud B.46	(Ruangan 14)
Maksud B.47	(Ruangan 42)
<b>USUL-USUL:</b>	
Anggaran Pembangunan 1997	
<u>Jawatankuasa:</u>	
Maksud P.46	(Ruangan 14)
Maksud P.47	(Ruangan 42)
Mengurangkan RM10 Daripada Emolumen Y.B. Menteri Pengangkutan di bawah Maksud B.47 - Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)	(Ruangan 42)
Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Ruangan 36)

Oktober, 1996.

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

- Yang Berhormat      Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “                      Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “                      Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “                      Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “                      Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “                      Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “                      Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “                      Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “                      Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “                      Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “                      Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “                      Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “                      Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “                      Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “                      Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “                      Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “                      Raja Dato' Ariffin bin RAja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “                      Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “                      Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “                      Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “                      Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “                      Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “                      Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “                      Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “                      Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “                      Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “                      Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)

- Yang Berhormat Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

- Yang Berhormat Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- Yang Berhormat Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

- Yang Berhormat      Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “                      Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “                      Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “                      Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “                      Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “                      Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “                      Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “                      Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “                      Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “                      Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “                      Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “                      Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “                      Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “                      Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “                      Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “                      Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.  
(Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,  
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.  
Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik  
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman  
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
Haji Suhor bin Husin  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaharah binti Naim  
Norwahidah binti Azizi  
Jainah binti Sakimin  
Shamsina binti Janor  
Pembaca Pruf : Abu Bakar Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Isnin, 9 Disember 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30  
petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji  
Juhar bin Haji Mahiruddin  
*mempengerusikan Mesyuarat*)]JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAANPELABURAN DI NEGARA ASING -  
JUMLAH

1. Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan banyak perjanjian peringkat antarabangsa antara negara Malaysia dan negara-negara asing mengenai perdagangan dan pelaburan:

- (a) berapakah bilangan pelabur-pelabur bumiputera yang telah berjaya membuat pelaburan di negara-negara asing mengikut bilangan negara-negara yang diceburinya dalam bentuk usaha sama; dan
- (b) berapakah bilangan pelabur-pelabur bukan bumiputera yang membuat pelaburan di luar negara.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Kerk Choo Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga Oktober 1996 sebanyak 50 Perjanjian Jaminan Pelaburan dan 46 Perjanjian Perdagangan telah ditandatangani di antara Malaysia dengan negara-negara asing. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri juga sedang merundingkan 4 Perjanjian Jaminan Pelaburan dengan negara-negara seperti Mesir, Turki, Algeria dan Afrika Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod Bank Negara bagi tempoh 1991 sehingga Ogos 1996, nilai pelaburan yang dibuat oleh syarikat-syarikat dari Malaysia di luar negara adalah

RM21,210.6 juta. Pelaburan-pelaburan ini merangkumi aktiviti-aktiviti pembelian dan pembangunan hartanah dan pelaburan ekuiti oleh syarikat-syarikat bumiputera dan bukan bumiputera dan juga syarikat-syarikat milik kerajaan. Kementerian tidak mempunyai angka-angka yang tepat mengenai jumlah keseluruhan syarikat-syarikat yang melabur di luar negeri termasuk pecahan ekuiti di antara bumiputera dan bukan bumiputera oleh kerana rekod yang ada hanya melibatkan pengaliran keluar nilai wang untuk tujuan pelaburan sahaja.

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah bilangan pelabur-pelabur yang dilaburkan oleh pelabur-pelabur Malaysia di luar negeri sebanyak RM21,000 juta seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, adakah termasuk pelaburan ataupun pembelian ekuiti oleh syarikat-syarikat yang disenaraikan di pasaran luar negara? Seperti mana yang dijelaskan oleh kerajaan baru-baru ini bahawa jika rakyat Malaysia mempunyai ekuiti 51% di dalam syarikat-syarikat yang disenaraikan di luar negara, maka syarikat itu boleh dibawa pulang ke Malaysia. Adakah di antara wang yang dilaburkan ini termasuk pembelian ekuiti dalam syarikat itu?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, nilai RM21 bilion itu termasuk syarikat-syarikat Malaysia yang membeli ekuiti di luar negeri.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai apakah persediaan kementerian di peringkat kedutaan bagi memudahkan rakyat Malaysia melabur di luar negeri dan tidak berlaku masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak syarikat yang membeli Lotus baru-baru ini?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta Yang Berhormat mengulangi sekali lagi apakah soalan itu?

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Terima kasih, saya ingin mengulangi sekali lagi iaitu apakah persediaan kementerian dan di peringkat kedutaan di luar negeri bagi memberi kemudahan kepada pelabur-pelabur Malaysia melabur di luar negeri supaya ianya tidak berlaku seperti mana yang berlaku dalam pembelian Lotus baru-baru ini?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini boleh dibahagikan kepada dua aspek. Aspek yang pertama iaitu kedutaan, ini bukan di bawah bidang kuasa MITI. Tetapi di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kita mempunyai sekurang-kurangnya tiga jabatan; jabatan yang pertama ialah MITI, yang kedua ialah MIDA dan yang ketiga ialah MATRADE. Kita akan membekalkan maklumat-maklumat kepada syarikat-syarikat yang ingin melabur di luar negara itu dan sekiranya pelabur-pelabur ingin mendapatkan maklumat yang terperinci, bolehlah berhubung dengan kementerian kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah.

*[Soalan No. 2 - Y.B. Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah (Tambun) tidak hadir]*

### BEKALAN AIR DI SELANGOR DAN KUALA LUMPUR-PENGUMUMAN MENGENAI GANGGUAN

3. **Tuan Lim Si Cheng [Senai]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sebab-sebab ketidakcekapan Jabatan Bekalan Air dalam memberikan informasi tepat dalam kenyataan akhbarnya mengenai perkhidmatan bekalan air dihentikan buat sementara waktu di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur, sehingga menyebabkan pengguna-penggunanya sentiasa terpaksa bertungkus-lumus membuat persediaan yang tidak bermakna.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat mengenai gangguan bekalan air sentiasa diumumkan melalui media massa dalam keadaan seperti berikut:-

- \* Jabatan Bekalan Air tidak dapat memberikan maklumat terlebih awal dalam keadaan seperti berikut:-
- \* sekiranya paip pecah, termasuk yang disebabkan oleh kerja-kerja pengorekan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi yang lain; dan
- \* sekiranya tekanan air menjadi rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Bekalan Air terus-menerus berusaha

untuk memberikan perkhidmatan bekalan air yang efisien sejauh mana yang dapat dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada pembangunan yang pesat, permintaan terhadap bekalan air juga meningkat tetapi maklumat yang tepat mengenai keperluan air jangka panjang tidak dimaklumkan kepada Jabatan Bekalan Air untuk perancangan keperluan jangka panjang. Dalam keadaan sedemikian, bekalan air yang sedia ada perlu dikongsi oleh semua pihak dan ini akan menyebabkan kekurangan air.

**Tuan Lim Si Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Apabila gangguan bekalan air berlaku, alasan yang sentiasa kita dapati iaitu termasuk pam rosak. Soalan saya, adakah pihak JBA bercadang atau bersedia mencari jalan lain seperti memasang peralatan sokongan di semua tangki besar di kawasan perumahan sebagai persediaan sekiranya berlaku gangguan atau sebaliknya?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, jika ada masalah-masalah seperti apa dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, jika kita tahu masalah ini akan berlaku kita boleh memberi sedikit maklumat mengenai masalah; jika gangguan itu disebabkan masalah berlaku kerosakan tanpa apa-apa notis kepada kita yang pertama.

Yang kedua, untuk mengadakan tangki-tangki baru di kawasan-kawasan perumahan akan mengambil perbelanjaan yang tinggi. Oleh kerana itu, saya percaya kita tidak boleh mengadakan tangki lebih daripada apa yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya dan juga pemaju-pemaju yang sedang menjalankan kerja pembinaan beberapa tangki air di kawasan-kawasan perumahan.

Walau bagaimanapun, saya telah memberi nasihat kepada JKR, jikalau ada masalah-masalah seperti itu lebih baik kita beritahu kepada RTM. Melalui itu kita boleh juga memberi maklumat kepada penduduk-penduduk di kawasan masing-masing.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada masalah kekurangan bekalan air ini benar-benar direkodkan oleh pihak kementerian. Sebab setakat hari ini kadang-kadang di Negeri Sembilan kita katakan bahawa dengan adanya loji baru yang begitu moden, masalah air tidak

akan berlaku. Tetapi sebenarnya, adakah Yang Berhormat Menteri maklum bahawa di waktu-waktu perayaan umpamanya hari raya satu musim cuti sekolah, masalah air ini memang selalu berlaku. Kadang-kadang JBA tidak dapat hendak supply, dengan izin, bekalan yang dimohon. Jadi, apakah tindakan sebenarnya, sebab di peringkat daerah kadang-kadang masalah ini JBA sendiri pun jam, tak tahu apa hendak buat?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun perancangan keseluruhan terletak di dalam tangan Kementerian Kerja Raya, tetapi tindakan untuk melaksanakan projek di tiap-tiap negeri itu dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Kerajaan Persekutuan mempunyai hak untuk memberi wang kepada mereka, tetapi tidak mempunyai apa-apa hak untuk menyoal kepada mereka, mengapakah projek-projek itu tidak dapat diselesaikan. Jika ada masalah mereka tidak lapor kepada kita. Pada akhirnya, apabila kita dengar masalah-masalah melalui surat khabar sahaja kita dapat lebih maklumat berkenaan dengan masalah.

Jadi, tiap-tiap tahun dan juga tiap-tiap tiga bulan sekali ada juga mesyuarat untuk menimbang, apakah masalah di beberapa kawasan di seluruh Semenanjung, tetapi ini tidak akan memberi banyak hasil kepada kita. Jadi, ini adalah di dalam kuasa kerajaan negeri sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Y.B. Mohd. Amar bin Abdullah.

*[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Cepa) tidak hadir]*

#### UNDANG-UNDANG PENCEMARAN DAN KEMUSNAHAN ALAM SEKITAR - CADANGAN KEPADA KEMENTERIAN

5. **Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan, menyedari betapa pentingnya kehijauan dan keindahan alam semula jadi serta kebersihan alam sekitar bagi keperluan hidup, persoalannya, apakah sesuatu tindakan tegas diambil oleh kerajaan dalam perkara-perkara seperti berikut:

- (a) menyelaraskan satu bentuk kuasa undang-undang yang tegas diberi

kepada sesuatu pihak seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar supaya segala tindakan penguatkuasaan dan sebagainya dapat senang diambil, kerana sekarang ini ada terdapat kuasa-kuasa yang sama bertindih (redundant or overlapping) dengan jabatan-jabatan lain, contohnya penguatkuasaan kebersihan oleh pihak-pihak kerajaan tempatan; dan

- (b) kemungkinan kerajaan mewujudkan melalui undang-undang Alam Sekitar yang tegas, suatu sistem simbiosis industri di Malaysia bagi tujuan mengelakkan pencemaran dan kemusnahan alam sekitar, dan jika tidak apakah sistem alternatif yang boleh mengatasi masalah yang berkenaan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Cadangan Ahli Yang Berhormat untuk menyelaraskan satu bentuk kuasa undang-undang diberikan kepada suatu pihak seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar supaya segala tindakan penguatkuasaan dan sebagainya senang diambil adalah satu cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, pada masa ini cadangan itu tidak dapat dilaksanakan kerana undang-undang tersebut telah pun dilulus dan diletakkan di bawah tanggungjawab dan bidang kuasa kementerian-kementerian tertentu.

Sungguhpun pada masa ini terdapat beberapa kementerian bertanggungjawab untuk memelihara dan mengawal alam sekitar, tiada terdapat pertindihan kuasa di antara kementerian-kementerian tersebut kerana mereka mempunyai kuasa dan tanggungjawab dalam bidang masing-masing. Perkara pertindihan kuasa di antara kementerian-kementerian tersebut mungkin merupakan pendapat atau persepsi orang ramai yang kurang jelas terhadap peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan berkenaan.

Sebagai contoh, di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta

Jalan, Parit dan Bangunan 1974, pihak kerajaan tempatan bertanggungjawab memastikan kebersihan secara umum di kawasan masing-masing. Manakala Jabatan Alam Sekitar di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, bertanggungjawab mengawal pencemaran alam sekitar daripada industri dan aktiviti lain yang boleh memberi kesan kepada alam sekitar seperti yang ditetapkan mengikut Perintah dan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 'sistem simbiosis' telah pun dilaksanakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Sistem ini sedang diperkukuhkan di bawah pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1996 melalui peruntukan-peruntukan baru yang diperkenalkan seperti kutipan ses daripada industri dan pihak tertentu bagi tujuan penyelidikan dan pembersihan alam sekitar.

Aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan ialah dialog Jabatan Alam Sekitar dengan pihak industri, NGO dan orang ramai, penyertaan pihak industri dalam program dan kempen, mengadakan anugerah dan insentif kepada sektor swasta dan industri yang aktif dalam program perlindungan alam sekitar. Selain daripada itu, kementerian saya juga menerbitkan berbagai garis panduan dan kod amalan untuk membantu mengelakkan berlakunya masalah alam sekitar sama ada di peringkat perancangan mahupun di peringkat pelaksanaan. Antara contoh garis panduan yang diterbitkan ialah Garis Panduan Pengezonan dan Penempatan Industri, Garis Panduan EIA bagi aktiviti-aktiviti yang spesifik dan sebagainya.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan dipertanggungjawabkan dalam banyak aspek demi untuk kemajuan sains dan kebersihan alam sekitar, persoalan saya ialah sudahkah kementerian mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mempertingkatkan dan memperlengkapkan lagi

keanggotaan-keanggotaan pegawai-pegawai, teknik dan berkeupayaan bagi tujuan menjalankan banyak tugas-tugas penguatkuasaan seperti pendakwaan dan sewajarnya yang lebih cekap dan efisien?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah ini sedang diambil oleh kementerian.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak ambil contoh case in point, dengan izin, macam pembinaan semula Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak. Kita dapati bahawa banyak bukit telah pun dipotong, dan kawasan yang dahulu berhutan telah pun dijadikan highway dan sebagainya. Siapakah yang sepatutnya diberikan tugas dan tanggungjawab untuk memulihkan kembali kawasan yang dahulu hutan tetapi sekarang ini macam 'padang jarak padang tekukur?' Adakah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) ataupun Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mahupun JKR mahupun MTD yang merupakan kontraktor itu? Itu yang saya hendak tanya.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, kontraktor akan mengambil langkah-langkah ini, kerana lebu raya ini sedang dalam pembinaan. Ianya begitulah kita nampak buruk sekali pada peringkat ini, kerana ianya belum siap. Jadi, perkara-perkara ini akan diambil tindakan oleh pihak kontraktor yang berkenaan, kerana sudah guidelinenya, dia kena restore balik pokok-pokok dan cerun-cerun bukit juga mesti dikerat mengikut standardnya.

#### JALAN DARI BROGA/LENGGING - CADANGAN PEMBINAAN

6. **Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan perkara berikut iaitu:

- (a) adakah cadangan kementerian beliau untuk membina jalan pilihan yang baru daripada Broga/Lengging ke Kampung Gagu, Jelebu sejauh 13 km. Jika ada bila dan anggaran kos terlibat, jika tiada mengapa; dan
- (b) apakah peruntukan RM3 juta di bawah RMK-7 mencukupi untuk membaiki dan menaikkan taraf jalan Kuala Klawang/Bukit Tangga Jelebu dan adakah cadangan untuk kementerian menambahnya bagi membantu

pembangunan prasarana di daerah berkenaan, jika tidak mengapa.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini kerajaan belum bercadang untuk membina jalan baru dari Broga/Lengging ke Kampung Gagu di daerah Jelebu kerana kajian yang telah dibuat melalui Road Traffic Volume Malaysia, dengan izin, pada tahun ini mendapati jalan sedia ada dari Broga ke Kuala Klawang masih mampu menampung aliran trafik sehingga tahun 2011.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang disediakan di bawah RMK-7 berjumlah RM3 juta bagi projek memperelokkan jalan Seremban - Kuala Klawang hanyalah untuk kerja-kerja reka bentuk. Peruntukan untuk kerja-kerja pembinaan akan dipohon di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Apa yang mendukacitakan orang Jelebu ialah masalah jalan yang antik di Jelebu - dari Seremban ke Kuala Klawang. Tetapi saya ingat kalau Yang Berhormat Menteri pergi ke Jelebu menaiki kereta, boleh rasalah macam mana dia punya thrill, dengan izin. Masalahnya, jalan itu merupakan satu-satu faktor untuk menolak sebarang pembangunan untuk dibawa ke Jelebu. Jadi, kalau kita melihat kepada keperluan ataupun kemampuan dan tanggungan jalan kepada kenderaan, memanglah tidak banyak kereta yang lalu kecuali dari Kuala Lumpur ke Jelebu mengikut jalan Hulu Langat kerana MRSM ada di situ, sekolah vokasional ada di situ. Jadi, kebanyakan orang ramai ataupun ibu bapa datang ke Jelebu di hujung minggu. Tetapi kalau kita tidak buat, tidak sediakan dan tidak "upgrade"kan jalan-jalan yang ada, saya ingat susah untuk pembangunan akan sampai ke Jelebu.

Jadi, saya ingin bertanya, boleh atau tidak kementerian, jangan fikirkan soal pembangunan sebagai keutamaan barulah buat jalan, buat jalan dahulu baru pembangunan akan datang. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri kalau dapat berilah peruntukan sebanyak RM40 juta atau

RM50 juta kepada Jelebu apa salahnya. Kita pun sudah lama tidak mendapat peruntukan sebanyak itu.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian RM3 juta atau RM5 juta, bukanlah kuasa Kementerian Kerja Raya. Peruntukan itu disediakan oleh Unit Perancang Ekonomi melalui Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun, masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya sendiri akan menimbang dan juga meminta JKR untuk mendapatkan lebih maklumat berkenaan dengan kegunaan jalan itu sekarang dan selepas itu saya akan bincang dengan Unit Perancang Ekonomi, jikalau boleh supaya mereka menimbang semula, oleh kerana kawasan ini boleh juga menjadi kawasan yang boleh dibangunkan di masa akan datang.

#### **PENGELUARAN SAYURAN/BUNGA - MENINGKATKAN PRODUKTIVITI**

**7. Tuan Amihamzah bin Ahmad [Lipis]** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah cadangan kementerian untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran sayur-sayuran dan bunga di Cameron Highlands sejajar dengan kedudukannya sebagai pengeluar bahan berkenaan yang tertinggi di Malaysia; dan
- (b) apakah teknologi terkini di bidang pertanian yang diperkenalkan di Cameron Highlands sebagai langkah memaksimumkan penggunaan tanah dan pemeliharaan alam sekitar.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di dalam meningkatkan produktiviti pengeluaran sayur-sayuran dan bunga-bunga di Cameron Highlands, Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pertanian dan Mardi, mengambil langkah-langkah seperti berikut:
  - (i) menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D). Dan di dalam memperkenalkan teknologi dan variasi-variasi baru tanaman yang mampu mengeluarkan hasil yang

- tinggi dan cepat serta mempunyai ketahanan terhadap serangan penyakit yang tinggi;
- (ii) memperkukuhkan khidmat nasihat dan sokongan teknikal untuk memastikan perancangan dan pengeluaran pertanian dilaksanakan dengan menggunakan pakej teknologi moden;
  - (iii) mempertingkatkan khidmat nasihat dan khidmat regulatory mengenai penggunaan racun makhluk perosak supaya pengeluar mengetahui cara-cara mengeluarkan hasil tanaman yang berkualiti dan selamat terutama sekali dari segi penyakit dan sisa baki racun; dan
  - (iv) memperluaskan khidmat pengesahan dan pengeluaran sijil fitosanitasi serta pembentukan methodology rawatan kuarantin supaya hasil keluaran dapat dieksport dengan mudah ke luar negara.
- (b) Teknologi-teknologi terkini di dalam bidang pertanian yang diperkenalkan di Cameron Highlands untuk memaksimumkan penggunaan tanah dan pemeliharaan alam sekitar adalah seperti berikut:
- (i) menggunakan sistem teres dan tanaman pelindung hakisan seperti rumput vertiver di mana ia mampu meningkatkan penggunaan tanah dan mengurangkan hakisan tanah;
  - (ii) penggunaan struktur pelindung hujan dan kalis serangga bagi mengelakkan penggunaan racun serangga yang boleh mencemar alam sekitar; dan
  - (iii) penggunaan media selain tanah seperti 'peat moss', sekam padi dan hidroponik serta teknik pembajaan melalui sistem pengairan bagi mengurangkan pembajakan tanah yang boleh memberi kesan terhadap hakisan di tanah-tanah curam di Cameron Highlands.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah Kementerian Pertanian menghebahkan maklumat terkini mengenai pasaran, teknologi dan pengurusan kepada pekebun sayur-sayuran dan bunga di Cameron Highland?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian melalui Jabatan Pertanian, Mardi dan pengurusan telah menjalankan kursus dan mengadakan pamphlet untuk diberikan kepada peserta-peserta dengan harapan mereka dapat mengeluarkan sayur-sayuran yang baik dan menghasilkan hasil yang baik.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada jawapan Setiausaha Parlimen tadi, tidak larilah bahawa dari segi mempertingkatkan produktiviti, soal penggunaan baja dan racun-racun itu timbul. Maka dalam perkara ini apakah tindakan pihak kementerian untuk mengawasi dan mengawal supaya penggunaan racun-racun dan baja ini tidak melebihi, bukan sahaja dari segi isi kandungan sayur-sayuran, tetapi juga adalah dari segi alam sekitar?

Jadi, apakah sistem kawalan yang sedia ada untuk kedua-dua perkara ini, iaitu menjamin supaya isi kandungan racun dan baja di dalam sayur-sayuran dan juga kepada alam sekitar?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya sudah katakan tadi bahawasanya pihak kementerian melalui Jabatan Pertanian mengadakan kursus-kursus tertentu untuk memberi maklumat dan tunjuk ajar kepada petani-petani, bukan sahaja dalam bidang penggunaan racun dan baja, malahan dari semua aspek sebab kita berkehendakkan kualiti dan mutu yang tinggi serta racun digunakan dengan sekurang yang mungkin.

#### **RUMAH PANGSA DBKL YANG DISEWA/DIJUAL - JUMLAH UNIT**

**8. Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah unit rumah pangsa DBKL yang disewa/dijual kepada penghuni sehingga 30.9.1996 dan nyatakan kedudukan permohonan menyewa dan membeli rumah DBKL yang masih menunggu.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang

Berhormat, jumlah unit rumah pangsa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang disewa dan dijual kepada penghuni sehingga kini adalah seperti berikut:

- (i) rumah pangsa yang disewa - 21,039 unit;
- (ii) rumah pangsa yang dijual - 13,529 unit.

Kedudukan permohonan untuk menyewa dan membeli rumah pangsa DBKL adalah seperti berikut:

- (i) permohonan menyewa - 86,254 unit;
- (ii) permohonan untuk membeli - 139,313 unit.

**Tuan Tan Kok Wai:** Isu jualan rumah pangsa DBKL kepada penghuni-penghuni yang menyewa unit mereka telah diperalatkan oleh calon-calon BN, khasnya mereka dari MCA.

**Beberapa Ahli:** [Sorak]

**Tuan Tan Kok Wai:** Ini kisah benar, boleh tanya doktor ayam.....diperalatkan oleh calon-calon BN untuk menipu pengundi dan selepas pilihan raya umum, DBKL dan pihak kerajaan berkata, keputusan untuk membekukan jualan tetap dikekalkan. Jadi, ini membuktikan penipuan. Jadi, saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah sebab-sebab kerajaan membekukan jualan sejak beberapa tahun yang lalu dan macam mana kerajaan atau JPM dapat memastikan keadilan kepada penghuni-penghuni yang sudah lama menyewa unit rumah mereka tetapi tidak layak untuk memilikinya.

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang pertama, tak payah saya jawablah, sebab itu pandangan beliau yang saya rasa tidak perlu dibangkitkan di sini.

Yang kedua, ialah berkenaan dengan 'sebab' dan sebagainya. Pertama sekali, kita harus ingat bahawa apabila dijual setengah dari flat ataupun rumah DBKL ini, telah menjadi polisi dan dasar juga bahawa rumah untuk disewa mesti ada di bandaraya ini. Sebab, walaupun kita tahu bahawa kebanyakan penduduk di bandaraya ini boleh membeli rumah yang berharga RM25,000, ada juga penduduk di bandaraya ini tidak boleh membeli rumah yang berharga RM25,000 pun.

Oleh sebab itu, maka kita sediakan rumah sewa yang hanya RM94 satu bilik dan RM124

dua bilik. Tetapi, kalau hendak beli, mungkin dia kena bayar RM200 hingga RM300 satu bulan. Jadi, hendak bayar RM200 hingga RM300 sebulan pun dia tidak mampu. Oleh sebab itu, telah menjadi dasar kerajaan untuk ada rumah-rumah sewa di Kuala Lumpur ini. Jadi, rumah-rumah yang belum dijual itu adalah rumah-rumah yang untuk disewa oleh penghuni yang tinggal di Kuala Lumpur ini.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha DBKL menyediakan rumah pangsa, saya ingin tahu adakah juga DBKL menyediakan rumah pangsa khas untuk golongan PPRT. Jadi, jika ada, apakah syarat-syarat untuk golongan PPRT ini memperolehi rumah dan bagaimana pelaksanaannya? Adakah cara sewa-beli ataupun hanya disewa?

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini lebih kurang sama juga. [Ketawa] Memang ada DBKL ataupun kerajaan menyediakan rumah untuk rakyat yang termiskin iaitu rakyat yang tidak mampu membeli rumah di Kuala Lumpur ini walaupun rumah yang berharga RM25,000. Jadi, kerajaan telah membina flat dua bilik di Jalan Jelatek terutama sekali khusus untuk disewa bagi warga kota Kuala Lumpur yang mempunyai pendapatan RM700 ke bawah.

Jadi, bukanlah bermakna bahawa apabila semua orang yang memohon akan dapat, selepas dia memberitahu pendapatannya RM400 hingga RM700 sebulan, maka kita menghantar orang-orang kita untuk menyiasat, meng'interview' dan melihat keadaan rumah dia dan sebagainya, selepas itu barulah diberikan rumah-rumah ini atau disewa kepada mereka. Sebab rumah ini adalah terhad dan juga rumah-rumah ini khusus untuk rakyat yang dianggap termiskin.

#### PENYALURAN MAKLUMAT KERAJAAN - UKURAN PENINGKATAN

9. **Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Menteri Penerangan menyatakan setakat manakah peningkatan penyaluran maklumat daripada kerajaan kepada rakyat dengan meningkatnya jumlah rangkaian radio dan TV kebelakangan ini dan apakah kayu ukuran peningkatan itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun tiada

kaedah pengukuran yang paling tepat bagi menilai keberkesanan penyaluran maklumat hasil daripada peningkatan bilangan stesen penyiaran radio dan televisyen, namun adalah dipercayai bahawa dengan tambahan stesen penyiaran akan memperluaskan lagi skop penyaluran maklumat.

Andaian ini berlandaskan kepada peranan dan matlamat stesen penyiaran itu sendiri iaitu untuk menyalurkan maklumat dengan menggunakan pelbagai kaedah yang bersesuaian dengan keperluan dan ekspektasi pendengar dan penonton.

Hasil maklum balas yang diterima daripada stesen-stesen radio RTM di peringkat negeri, membuktikan bahawa kejayaan stesen radio dalam menyalurkan maklumat di kawasan liputannya adalah menggalakkan.

Pengukuran dan peningkatan bahan maklumat, dapat dikesan juga melalui peratusan jangka masa siaran bahan-bahan tersebut dibandingkan dengan program yang lain. Kajian dari Survey Research Malaysia (SRM) mendapati pada tahun 1996, pendengar radio adalah 10 juta, kajian dibuat dari mereka yang berumur 15 tahun ke atas.

**Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, telah dinyatakan tentang faedah yang didapati melalui penambahan saluran. Saya ingin bertanya kebelakangan ini dalam program RTM khususnya, terutamanya radio, ada banyak rancangan panggilan telefon terus ataupun 'phone-in'. Saya hendak bertanya, setakat mana pula peranan siaran 'phone-in' ini mendapat maklum balas daripada para pendengar, maksudnya penyaluran maklumat timbal balas daripada pendengar kepada kerajaan pula?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, kita memberi banyak manfaat kepada kerajaan di mana kita di samping mengadakan rancangan-rancangan setiap bulan, kita mengadakan satu program dengan pelbagai tajuk, contohnya mengenai dengan isu tertentu, kalau pun mengenai isu poligami, kita akan adakan telefon melalui daripada kemungkinan maklum balas dari masyarakat dan khususnya para wanita. Itu sedikit sebanyak dapat membantu kita ke arah memperbaiki keadaan dan juga memperkemas kini dasar-dasar yang ada. Itu sebagai contoh sahaja. Banyak manfaat yang kita perolehi daripada 'phone-in' yang sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak RTM.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan sedar bahawa kadar penyiaran bahan maklumat lebih rendah berbanding siaran hiburan rakyat atau penonton lebih suka hiburan dari siaran dokumentari yang mengandungi pengetahuan dan maklumat. Apakah usaha kementerian untuk memperbaiki kekurangan ini?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, pada pengetahuan kita, lebih ramai sebenarnya kalau mengikut dari segi bilangan umur. Kerana kalau dari sudut sektor hiburan, lebih banyak bilangan umur yang di bawah 20 tahun ataupun 30 tahun menonton dan mendengar hiburan. Manakala pihak atas, umur yang meningkat sedikit, kebanyakan dari mereka khususnya yang terlibat dari segi dunia perniagaan menonton program yang berhubung kait dengan contohnya, perkembangan bursa saham, mengenai dengan discovery, mengenai dengan maklumat yang memberi pengajaran kepada masyarakat kita, banyak di antara pihak dewasa yang menontonnya berbanding dengan apa yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Kita yakin bahawa pada hari ini banyak maklumat yang kita sebar, walaupun tidak dinafikan bahawa ada juga rangkaian yang berbentuk hiburan yang sedang kita usahakan.

Walaupun demikian, kita mengorak langkah sebagai satu rangkaian yang membawa reformasi kepada negara kita di mana pada saat ini Yang Berhormat Menteri Penerangan baru pagi tadi telah pun menyentuh mengenai dengan perkara ini di mana kita akan mempertingkatkan usaha untuk memberi penekanan kepada dua perkara iaitu 'information', maklumat yang dihebahkan kepada masyarakat di negara kita ini.

#### PROGRAM MIKROSATELIT - KERJASAMA DENGAN UNIVERSITY OF SURREY

10. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Perdana Menteri menyatakan negara kita dijangka menghasilkan satelit komersial menjelang tahun 2000 dengan kerjasama Teknologi Angkasa Lepas Malaysia-Britain:

- (a) berapakah jumlah kos bagi mengadakan satelit ini; dan
- (b) setakat ini apakah tahap perkembangan yang telah dicapai.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan, tidak wujud program kerjasama teknologi angkasa di antara Malaysia dan Britain untuk menghasilkan satelit komersial. Apa yang akan dilaksanakan ialah kerjasama di antara kerajaan dengan University of Surrey untuk menghasil mikrosatelit. Program ini bertujuan untuk membangun keupayaan tempatan dalam merekabentuk dan membina mikrosatelit dan bukan untuk tujuan komersial. Kosnya ialah sebanyak RM34 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini sebuah syarikat milik penuh kerajaan telah ditubuhkan untuk mengurus dan melaksanakan projek ini dengan kerjasama University of Surrey. Rundingan mengenai skop usahasama dan aspek-aspek teknikal, latihan dan kewangan dengan universiti tersebut sedang berjalan. Kerjasama ini adalah perlu untuk membangunkan keupayaan tempatan dalam merekabentuk dan membina mikrosatelit. Mikrosatelit ini dijangka dilancarkan pada bulan September, 1997.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Tuan Radin Malleh.

*[Soalan No. 11 - Y.B. Tuan Radin Malleh [Tenom] tidak hadir]*

#### PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN- PENCAPAIAN

12. **Dato' Hon Choon Kim [Seremban]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar meyatakan pencapaian yang telah diperolehi dalam Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT):

- (a) jumlah rakyat yang telah menerima bantuan untuk tahun ini; dan  
(b) jenis bantuan dan jumlah peruntukan yang telah digunakan bagi tahun 1996.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas**

**Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Terdapat sejumlah 11,896 ketua isi rumah yang telah dikenal pasti telah menerima pelbagai bantuan di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin di sepanjang tempoh tahun 1996.  
(b) Sehingga suku tahun ketiga tahun 1996, RM259.9 juta telah dikeluarkan kepada negeri-negeri dan pinjaman kepada Amanah Ikhtiar Malaysia bagi maksud pelaksanaan PPRT. Jenis bantuan yang terlibat adalah seperti Program Pemulihan Rumah, Program Peningkatan Ekonomi Kampung, Program Pembangunan Insan dan Rancangan Makanan Tambahan.

**Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, adakah rakyat yang termiskin yang beragama Islam, yang tergolong dalam Program PPRT ini layak menerima wang Baitulmal? Sekiranya layak, sejak bilakah mereka telah diberikan sumbangan wang Baitulmal ini? Terima kasih.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, itu diluar program kementerian.

**Dr. Yap Yit Thong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen, apakah faktor-faktor yang menyebabkan kemiskinan di antara keluarga berkenaan?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Can you repeat, please. Sorry.

**Dr. Yap Yit Thong:** Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kemiskinan keluarga berkenaan?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, pelbagai faktor yang menyebabkan mereka ini masih terjerumus dalam kemiskinan. Mengikut kajian kita yang telah dibuat dengan terperinci, di antara sebab-sebabnya adalah:

- (i) kekurangan kemahiran;  
(ii) mereka ini terpisah jauh di pedalaman;  
(iii) masalah sikap mereka sendiri yang tidak mahu bekerja; dan  
(iv) tempat sekelilingnya mungkin kurang peluang-peluang pembangunan.

Sebab itu mereka masih dalam senarai PPRT.

### PUSAT TENAGA NEGARA - CADANGAN SUSULAN

13. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah susulan terhadap cadangan menubuhkan Pusat Tenaga Negara.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang mengambil langkah untuk menubuhkan Pusat Tenaga Negara dengan melantik sebuah syarikat juru perunding untuk mengkaji dan memperakukan kepada kerajaan perkara-perkara berikut secara terperinci:

- (i) status, peranan dan tanggungjawab pusat;
- (ii) personel;
- (iii) kos operasi dan modal;
- (iv) pembiayaan kos; dan
- (v) rangka institusi dan hubungan pusat ini dengan agensi-agensi lain yang terlibat dalam bidang tenaga sama ada di sektor swasta atau awam.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tadi Dato' Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa satu perunding dilantik untuk menggaris perancangan dan rangka kerja Pusat Tenaga Negara. Persoalan yang saya ingin tanya, dalam dasar dan gerak kerja Pusat Tenaga Negara nanti, bagaimana peranan Tenaga Nasional itu sendiri? Kita tidak mahu nanti, bila kita membuat satu badan baru, jawatankuasa baru, kita tidak mahu kepentingan Tenaga Nasional di mana ramai daripada masyarakat merupakan pelabur akan terjejas. Saya minta penjelasan.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, pusat yang dicadangkan ini tidak akan melibatkan diri dalam kegiatan penjanaan, transmission ataupun pembahagian. Tujuan utama untuk mewujudkan pusat berkenaan ialah untuk menyelaras dan menjalankan pelbagai program yang ada kaitan dengan tenaga khususnya dalam bidang perancangan dan R&D dalam sektor tenaga sahaja.

Selain daripada itu, pusat ini juga akan diberikan tugas untuk pengumpulan dan pemprosesan data tenaga. Ia juga merupakan atau memainkan peranan sebagai "think tank

proof" kepada kerajaan dalam sektor tenaga.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, perancangan untuk menubuhkan Pusat Tenaga Negara ini, nampaknya satu duplikasi dengan kewujudan Tenaga Nasional. Jadi, bukankah Tenaga Nasional juga sudah membuat kajian mengenai tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada syarikat yang dilantik itu. Dan kalau ada kajian yang dibuat oleh TNB, bukankah ini satu pembaziran wang untuk membayar upah ataupun apa juga bayaran yang perlu dibayar kepada satu kerja yang sudah dibuat oleh satu organisasi yang sedia wujud? Terima kasih.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya menjawab soalan tambahan Yang Berhormat dari Rompin sebentar tadi, saya berfikir bahawa jawapan saya sudah cukup jelas untuk membezakan tugas TNB dan tugas yang akan dijalankan oleh pusat yang akan diwujudkan ini. Ia tidak akan merupakan satu duplikasi kepada Tenaga Nasional kerana ia tidak akan menjalankan tugas-tugas yang sedang dijalankan oleh pihak Tenaga Nasional.

### NILAI IMPORT MAKANAN ASAS - LANGKAH MENGURANGKAN KEBERGANTUNGAN

14. **Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Pertanian menyatakan nilai import semasa bahan makanan dari negara luar serta peratusan kadar pengantungan negara terhadap bekalan makanan yang diimport ini, terutama sekali yang melibatkan bahan makanan asas seperti beras, ikan, gandum dan sebagainya dan langkah-langkah yang sedang diambil oleh pihak kementerian bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pengimportan bahan makanan ini.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1995 sebanyak RM7.9 bilion bahan makanan terpilih (tidak termasuk minuman, minyak binatang/sayur dan kanji) telah diimport. Dari jumlah ini bahan-bahan makanan yang paling banyak diimport ialah bijirin (termasuk gandum, jagung, barli dan beras) sebanyak 25.9% atau RM2 bilion, diikuti oleh hasil tenusu sebanyak 12.1% atau RM951.9 juta dan gula (manisan) sebanyak 10.8% atau RM854.8 juta. Kadar penggantungan negara terhadap bekalan

makanan asas yang diimport dalam tahun 1995 seperti beras ialah sebanyak 23% dan ikan 9%. Bagi tanaman gandum seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia bergantung sepenuhnya dari sumber import.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian sedang dan akan berusaha untuk meningkatkan hasil pengeluaran makanan negara untuk mengurangkan import. Ini adalah selaras dengan matlamat kerajaan untuk menangani masalah imbalan pembayaran negara. Di antara langkah-langkah yang sedang dan akan diambil termasuklah:

- (i) mempertingkatkan kemudahan prasarana pembangunan dan pengurusan sumber air di kawasan jelapang padi, meningkatkan pengurusan ladang dan penggunaan jentera, memperluaskan penggunaan biji benih padi yang bermutu, meningkatkan hasil intensiti tanaman dan pengurangan kerugian lepas tuai;
- (ii) memohon kerjasama kerajaan-kerajaan negeri untuk mengezonkan kawasan-kawasan pertanian yang sesuai di setiap negeri untuk mempertingkatkan lagi pengeluaran akuakultur, sayur-sayuran dan buah-buahan secara intensif dan komersial;
- (iii) meningkatkan usaha pembangunan dan penyelidikan untuk mendapat klon-klon tanaman yang lebih produktif serta tahan dari serangan penyakit;
- (iv) mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti pengembangan dalam projek berkelompok/mini estet dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi hasil pengeluaran pertanian;
- (v) mempertingkatkan pembangunan projek perikanan laut dalam dan meningkatkan infrastruktur di kompleks-kompleks pendaratan ikan di seluruh negara;
- (vi) mengezonkan kawasan bekas-bekas lombong, kolam dan sungai untuk meningkatkan pengeluaran ikan air tawar; dan menggalakkan syarikat-syarikat perladangan gergasi menceburkan diri dalam bidang pengeluaran makanan.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen tadi, salah satu bahan yang diimport ialah sayur-sayuran. Umumnya sayur-sayuran yang diimport ini terutamanya sayur-sayuran daun selalunya nampak segar dan cantik, umum berpendapat bahawa ini disebabkan oleh penggunaan racun serangga yang tinggi ataupun penggunaan pesticide, dengan izin, yang tinggi. Jadi, setakat manakah pihak kementerian Yang Berhormat Dato' mengkaji sama ada sayur-sayuran yang diimport itu sesuai untuk dimakan ataupun tidak dari segi kesihatan memandangkan umum berpendapat bahawa pesticide levelnya, dengan izin, adalah tinggi.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, kita ada tempat-tempat pengambilan sample untuk kita mengenal pasti sama ada penggunaan racun serangga itu banyak atau pun tidak. Seperti di Padang Besar dan seterusnya Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Kelang kita menempatkan pegawai-pegawai untuk mengambil sample-sample ini. Selalunya segala sample yang diambil itu kalau didapati racun makhluk perosak adalah tinggi, kita akan musnahkan barangan tersebut, insya-Allah.

**Tuan Jacob Dungau Sagan:** Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, ada beberapa langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pengimportan. Jadi, saya ingin tahu sejauh manakah kerajaan mencapai kejayaan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pengimportan bahan-bahan makanan ini?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita sedang berusaha untuk mengadakan pengeluaran beras yang lebih tinggi lagi, malahan dari segi produktiviti secara keseluruhan di Malaysia adalah 30.8 tan satu hektar semusim, pada hal kawasan-kawasan seperti MADA, KADA, di sempadan Selangor dan juga Perak ia merupakan kawasan penanaman padi yang begitu tinggi, iaitu lebih kurang 5 tan satu hektar. Itulah sebabnya kita tumpukan pengeluaran beras untuk kegunaan rakyat di kawasan-kawasan tersebut supaya dapat dipertingkatkan dan kita akan cuba sedaya mungkin, insya-Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang

Berhormat Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang.

*[Soalan No. 15 - Y.B. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang) tidak hadir]*

### SKIM PINJAMAN BUKU KERAJAAN - TINDAKAN KERAJAAN

**16. Tuan Ho Cheong Sing (Ipoh Barat)** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kementerian sedar bahawa sehingga hari ini, masih ada murid Tingkatan 1 yang masih belum dibekalkan dengan buku teks di bawah 'Skim Pinjaman Buku Kerajaan'. Apakah tindakan kerajaan untuk memastikan bahawa terdapatnya buku yang mencukupi bagi semua murid Tingkatan 2 pada tahun hadapan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang menyedari tentang perkara ini. Tahun ini merupakan tahun pertama dasar naik kelas ke Tingkatan 1 tanpa melalui Kelas Peralihan dilaksanakan dan sambutan adalah di luar dugaan. Dengan demikian menyebabkan bilangan keperluan buku teks melebihi unjuran yang dibuat setahun lebih dahulu awal oleh sekolah. Keadaan ini juga timbul kerana angka yang tepat dan mantap hanya diketahui selepas semua pelajar melaporkan diri di sekolah-sekolah berkenaan di awal tahun persekolahan. Walau bagaimanapun, masalah kelewatan bekalan buku teks untuk pelajar Tingkatan 2 tidak lagi berbangkit kerana bilangan keperluan telah diketahui lebih awal, dia diambil dari angka yang melaporkan diri untuk Tingkatan 1.

**Tuan Kamaruddin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri khususnya mengenai Skim Pinjaman Buku Kerajaan. Saya dimaklumkan oleh ibu bapa bahawa terdapat buku-buku yang dipinjamkan kepada anak-anak mereka yang didapati terkoyak muka surat, diconteng dan berbagai masa-lah, gambar dibuang dan sebagainya. Jadi, apakah langkah kerajaan untuk menghadapi masalah ini supaya anak-anak yang kemudiannya, yang akan meminjam buku-buku itu tidak kehilangan fakta atau tidak kehilangan butir-butiran di dalam buku tersebut?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana buku-buku teks yang Kementerian Pendidikan gunakan dalam Skim

Pinjaman Buku Kerajaan adalah dari buku-buku yang dikembalikan ke sekolah selepas pelajar-pelajar menggunakan pada tahun yang lepas, jadi dalam keadaan ini mungkin ada timbul masalah-masalah di mana buku-buku tersebut terkoyak dan sebagainya. Namun demikian, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan program-program untuk mengelakkan masalah itu dilakukan dan kita selalu menasihatkan pelajar-pelajar yang menggunakan buku-buku itu untuk menjaganya kerana buku-buku tersebut akan digunakan sekali lagi oleh pelajar-pelajar lain. Kementerian Pendidikan juga akan menggunakan peruntukan untuk mengemaskinikan atau untuk menggunakan buku-buku yang baru sekiranya ia diperlukan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Timbalan Menteri, berapa lamakah hayat penggunaan sesebuah buku itu? Bermakna satu buku yang dikemukakan untuk teks murid-murid sekolah ini dalam berapa tahun sekali tempohnya ditukar? Satu.

Yang keduanya, berapa per centkah daripada buku-buku di bawah Skim Pinjaman Buku Teks sekolah-sekolah ini yang dicetak ataupun dipertanggungjawabkan percetakannya kepada Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai agensi Kementerian Pendidikan dan berapa peratus pula bakinya yang diserahkan kepada syarikat-syarikat swasta yang telah dikenal pasti untuk menerbit dan juga mencetak buku-buku teks bagi pihak kerajaan?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan tidak ada satu jangka hayat yang tetap tentang buku-buku tersebut. Kita akan mengemaskinikan buku-buku jika ianya diperlukan dan Kementerian Pendidikan melalui sekolah akan meminta peruntukan untuk membeli buku-buku yang baru untuk menggantikan buku yang telah koyak. Dalam konteks itu juga setiap sekolah sudah mempertanggungjawabkan guru-guru besar untuk menentukan bahawa semua buku-buku yang dipakai dalam skim tersebut merupakan buku-buku yang benar-benar boleh digunakan, iaitu tanpa ada diagram yang koyak atau warna yang sudah hilang dan sebagainya.

Mengenai siapa yang bertanggungjawab untuk mengedarkan atau untuk menerbitkan buku-buku tersebut, Kementerian Pendidikan akan menggunakan peruntukan sendiri untuk

membeli buku bagi menggantikan buku-buku yang rosak. Dalam konteks ini memang kita akan bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka dan dengan syarikat-syarikat yang terbabit untuk menentukan bahawa buku-buku tersebut akan diterbitkan lebih awal lagi supaya segala masalah tidak akan timbul.

**PENGASPALAN DAN PEMBINAAN  
JALAN BUNSDAN DAN JALAN  
KAMPUNG MARAK-PARAK, KOTA  
MARUDU**

**17. Dr. Maximus Johnity Ongkili (Bandau)** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah projek-projek jalan raya seperti berikut akan dimulakan pembinaannya:

- (a) pengaspalan fasa kedua Jalan Bunsadan, Kota Marudu;
- (b) pembinaan jalan kampung Marak-Parak (Kota Marudu) ke kampung Togop (Ranau).

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Jalan Bunsadan, Kota Marudu dan Jalan Kampung Marak-Parak, Kota Marudu di Kampung Togop, Ranau adalah jalan-jalan negeri. Oleh yang demikian, pengaspalan dan pembinaan jalan-jalan berkenaan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, bagi bahagian (b) iaitu Jalan Kampung Marak-Parak, (Kota Marudu) ke Kampung Togop, Ranau pada saat ini memang jalan balak tetapi memandangkan ia interdistrict connection, saya ingin bertanya kepada pihak menteri, adakah beliau bercadang untuk mengkaji kemungkinan bagi Kerajaan Persekutuan membiayai projek ini kerana ia interdistrict connection dan memasukkannya ke dalam Rancangan Malaysia Ketujuh?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan minta Jabatan Kerja Raya Sabah untuk menyiasat dan mendapat laporan dahulu sebelum saya buat apa-apa keputusan.

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Kementerian Kerja Raya bercadang untuk mengkaji semula pentakrifan bagi jalan-jalan negeri dan jalan-jalan persekutuan? Maksud saya, kita ada dua jalan. Satu jalan yang

dipunyai oleh Kerajaan Persekutuan dan satu jalan yang dibiayai oleh kerajaan negeri dan di antara perkara-perkara yang boleh menaikkan daripada jalan kerajaan negeri dinaikkan taraf ke jalan persekutuan itu termasuklah penyambungan daerah-daerah dan sebagainya.

Jadi, saya hendak tanya, adakah kerajaan bercadang supaya pertamanya, dihapuskan satu keadaan jalan kepunyaan yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan, satu lagi dibiayai oleh kerajaan negeri dihapuskan. Yang keduanya, kalau tidak hendak dihapuskan, bolehkah supaya takrif jalan negeri ini dipermudahkan untuk diserapkan menjadi Kerajaan Persekutuan? Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat tidak ada cadangan untuk mengambil alih semua jalan-jalan negeri oleh kerana jikalau kita buat seperti itu, saya percaya kita tidak boleh menyelesaikan masalah yang sedia ada. Saya percaya jalan-jalan di mana kita dapat tahu ada juga lebih lalu lintas dan dengan persetujuan daripada kerajaan negeri, kita ambil alih jalan-jalan itu untuk membina dan juga menyelenggara.

Banyak di antara jalan-jalan negeri di mana kita dapat tahu ada juga lalulintas dengan lebih tambah kita ambil alih dengan persetujuan dari kerajaan negeri itu tetapi untuk menukar jalan-jalan kerajaan negeri sebagai jalan persekutuan, bukanlah satu keputusan boleh dibuat iaitu satu keputusan mengadakan pindaan dalam perlembagaan.

**PELAJAR KELAS PERALIHAN/  
MENENGAH RENDAH/ATAS -  
BILANGAN (1990 - 2000)**

**18. Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan pelajar dalam sekolah menengah mengikuti Kelas Peralihan, Tingkatan 1, 2, 3, 4, 5, 6 (Bawah) dan 6 (Atas) untuk tahun 1995; dan
- (b) bilangan pelajar Tingkatan VI (Bawah) dan VI (Atas) dari tahun-tahun 1990 - 1995 dan anggaran bilangan pelajar Tingkatan IV (Bawah) dan IV (Atas) untuk tahun 1996 - 2000.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, oleh

kerana soalan ini melibatkan angka-angka, saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (a) dan (b) itu secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Baiklah.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengeluarkan lebih ramai orang memasuki pasaran buruh dalam masa yang singkat, saya hendak tanya sama ada kerajaan berhasrat untuk memendekkan jangka masa untuk pelajaran sekolah menengah ataupun memendekkan atau merombakkan kurikulum Tingkatan 6 supaya jangka masa untuk pelajaran Tingkatan 6 adalah lebih pendek. Terima kasih.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera itu memang merupakan satu cadangan munasabah dan Kementerian Pendidikan akan mengkaji cadangan tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun cukup.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 4, 11, 15 dan 19 hingga 35 dijilid dalam buku berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1997**

**DAN**

**USUL**

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997**

#### **Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1997 dan Anggaran Pembangunan 1997 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." *[Hari Ketigabelas]*

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.46 [Jadual] -**

**Maksud P.46 [Anggaran Pembangunan, 1997] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Perkara Bekalan B.46 dan Kepala Pembangunan P.46 di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas. Bintulu.

**3.35 ptg.**

**Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.46, Butiran 040000, 040100, 040400, saya mengambil peluang ini untuk membangkitkan isu cadangan pembinaan kilang loji lebur aluminium di Bintulu dalam usaha sama antara pelabur asing dan Malaysia bernilai RM1 bilion yang mendapat publisiti yang meluas sejak tahun 1988.

Dalam pilihan raya negeri Sarawak yang lalu, isu ini telah dibangkitkan oleh kerajaan dan pada umumnya, rakyat Sarawak terutama penduduk Bintulu membantah keras jika 3 projek yang membahayakan kesihatan manusia dan alam sekitar ini diteruskan. Loji melebur aluminium ialah satu proses melebur logam boxide yang diimport dari negara luar seperti Australia, Jamaica, Guinea, Sierra Leone, Guyana, Suriname dan Yugoslavia untuk menghasilkan aluminium yang merupakan logam bersifat ringan dan tahan karat.

Penghasilan ini memerlukan bekalan tenaga elektrik yang tinggi sebanyak 1,200 megawatt. Oleh kerana kos melebur aluminium ini tinggi dan kerana menyebabkan pencemaran alam sekitar, maka negara maju berusaha membina loji ini di negara ketiga. Bintulu dipilih kerana kos tenaga yang rendah seperti bekalan tenaga dari empangan Bakun tetapi ia masih menimbulkan halangan alam sekitar.

Tuan Pengerusi, banyak contoh bagaimana loji aluminium ini di seluruh dunia menimbulkan bahaya kesihatan kepada manusia. Pengeluaran sebanyak 1 tan aluminium menghasilkan 2,000 hingga 3,000 meter padu gas merbahaya. Gas buangan ini mengandungi carbon dioxide dan gas yang boleh membawa maut seperti carbon monoxide, sulphur dioxide, silicon tetra fluoride, hydrogen fluoride, carbonyl sulfide, carbon disulfide dan hydrocarbon. Di samping itu banyak gas buangan yang dilepaskan di udara dalam

bentuk abu, semua ini merbahaya kepada kesihatan.

Menurut laporan akademi sains Amerika Syarikat bahawa beribu-ribu hektar tanah dengan pokok-pokok telah mati dan binatang-binatang cacat akibat dari pelepasan fluoride ke udara. Penyelidikan tahun 1968 oleh saintis Krator Kina, mengenai kanak-kanak tinggal berdekatan loji yang menunjukkan gadis antara 5 hingga 7 tahun berbadan lebih tinggi dan lebih banyak kecacatan dari segi penafasan dan kehilangan warna gigi.

Ia juga merosakkan otak manusia seperti yang dilaporkan oleh saintis wanita Russia, M.S. Sadilora, banyak lagi contoh tanaman dan ternakan rosak dan terkorban kerana kesan pelepasan aluminium yang berakhir dengan pendakwaan dan tuntutan mahkamah di Amerika.

Walaupun projek yang telah diluluskan oleh MIDA ini akan terlebih dahulu dikehendaki penyediaan laporan kesan penilaian kesan alam sekitar iaitu EIA tetapi rakyat Sarawak bimbang ia akan melepasi halangan seperti laporan EIA projek hidroelektrik Bakun walaupun mendapat tentangan hebat rakyat.

Seperti di negara lain yang mempunyai loji melebur aluminium, masalah kesan buruk ke atas alam sekitar Sarawak, terutamanya di Bintulu tidak dapat dielakkan. Selain itu membahayakan kesihatan manusia, tanaman, ternakan darat dan hidupan di air, tetapi sisa buangan loji yang disalurkan ke Laut China Selatan akan memusnahkan ekologi.

Para pelabur berjaya mengaut keuntungan besar dari jualan aluminium ke luar negeri untuk pembinaan kenderaan kapal terbang dan pelbagai kegunaan, tetapi rakyat Sarawak akan membayar kos yang sebenar. Penduduk Bintulu dan sekitarnya terpaksa menanggung beban kesan pencemaran alam sekitar yang tinggi di samping projek Bakun.

Walaupun Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah memberi jaminan kepada saya menerusi jawapan beliau terhadap soalan saya mengenai perkara berkaitan pada 15hb. Oktober, 1996 iaitu kerajaan tidak akan mengeluarkan lesen pengilang andainya laporan penilaian alam sekitar membuktikan projek itu membahayakan. Akan tetapi, rakyat Sarawak sejak akhir-akhir

ini memberi perhatian berat atas isu ini kerana semasa pilihan raya negeri lalu, usaha-usaha giat sedang dijalankan untuk menyediakan laporan tersebut oleh pihak syarikat usahasama Aluminium Industry Sarawak Sdn. Bhd.

Berdasarkan Laporan Kesan Alam Sekitar di mana projek ini dijalankan banyak menunjukkan kesan buruk yang membahayakan kehidupan manusia, ternakan dan alam sekitar, maka saya rasa tidak perlu kerajaan membenarkan projek ini diteruskan kerana kerajaan boleh menjadikan asas laporan luar negeri itu bukti untuk menolak projek ini.

Rakyat Sarawak bukan menolak pembangunan industri yang boleh menyediakan peluang pekerjaan lebih kurang 500 pekerja rakyat, tetapi bukanlah industri berat yang membahayakan nyawa mereka sendiri. Elok rasanya projek ini digantikan dengan projek lain yang tidak merbahaya.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila. Yang Berhormat, yang di hadapan. Itu di belakang, yang ini di hadapan. Batu Gajah.

3. 42 ptg.

**Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk membahaskan di peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai Butiran 040000 - Pemuliharaan, Pelesenan dan Kawalan Alam Sekitar dan mengenai menjaga dan mengawal alam sekitar tentang pembuangan dan simpanan sisa-sisa toksik di tempat-tempat perumahan.

Tuan Pengerusi, di kawasan Parlimen saya di Batu Gajah, terdapat sebuah kilang iaitu Asian Rare Earth (ARE) yang telah menimbulkan masalah dan kebimbangan kepada orang awam, terutamanya penduduk tempatan di Bukit Merah dan juga Kampung Baru Papan.

Tuan Pengerusi, kilang tersebut telah pun ditutup pada 24hb. Julai, 1992. Sungguhpun begitu, saya difahamkan bahawa bahan sisa-sisa pembuangan toria dan torium hidroksida yang mengandungi radioaktif masih disimpan di

dalam kilang tersebut dan juga di tapak simpanan di lereng bukit dekat Kampung Baru, Papan.

Tuan Pengerusi, saya bimbang sekiranya kenyataan ini benar, maka jika tapak tersebut dilanda banjir atau tanah runtuh, akan mengakibatkan sisa-sisa pembuangan yang mengandungi bahan-bahan torium akan mengalir ke dalam longkang apabila hari hujan dan seterusnya masuk ke dalam sungai ataupun cair ke dalam seluruh saluran air bawah tanah.

Kesan negatif akibat kejadian ini boleh merebak dengan lebih luas sehingga ke kawasan yang lain seperti di seluruh kawasan daerah Kinta. Ia juga boleh mendatangkan kesan negatif terhadap generasi akan datang. Saintis-saintis telah mengesan bahawa toria dan torium mengandungi sinaran radioaktif yang membahayakan kehidupan dan alam sekitar sekurang-kurangnya di dalam tempoh 100 juta tahun lamanya.

Serangan sinaran radioaktif torium boleh membawa penyakit seperti kanser, leukemia, penyakit tulang dan liver dan ia juga mengancam ibu-ibu yang mengandungi sekiranya mereka berturut-turut berada di dalam lingkungan sinaran dalam masa yang singkat.

Tuan Pengerusi, saya juga menerima aduan orang ramai di sekitar kawasan tersebut, khususnya daripada bekas pekerja kilang berkenaan bahawa ramai di antara mereka yang diserang oleh penyakit kanser kulit. Keadaan ini tidak boleh dibiarkan begitu sahaja kerana mungkin satu hari nanti ia akan jadi lebih merbahaya lagi.

Tidak mustahil bahan-bahan kimia yang masih disimpan di kilang tersebut serta di tapak simpanan di lereng bukit di Kampung Baru Papan akan meletup suatu hari nanti. Tapak yang menyimpan sisa-sisa keracunan itu mesti diperiksa dan dikaji dengan rapi setiap masa yang tertentu untuk menjamin ianya sentiasa kukuh dan terkawal.

Tuan Pengerusi, selepas kilang tersebut ditutup, pada mulanya pengurusan kilang itu ada mengupah penjaga sekuriti untuk menjaga dan mengelakkan orang ramai memasuki ke kilang dan kawasan simpanan sisa-sisa pembuangan, tetapi sejak tahun lalu, saya diberitahu bahawa pihak pengurusan telah berhenti mengupah penjaga atau security. Oleh yang demikian,

tapak itu terlalu merbahaya jikalau kanak-kanak bermain di dalam kawasan simpanan sisa-sisa toksid.

Tuan Pengerusi, perkara ini telah pun saya kemukakan pada sesi Parlimen bulan Mei tahun ini, tetapi saya tidak mendapat apa-apa penjelasan atau maklumat mengenai perkara ini. Oleh yang demikian, untuk menjaga kesihatan dan keselamatan awam dan juga keutamaan alam sekitar, saya sekali lagi membawa isu ini ke Dewan yang mulia ini untuk mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dan berharap agar pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dapat menyiasat mengenai dakwaan penduduk tersebut serta menyelesaikan masalah ini.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Batang Lupar.

3.48 ptg.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin terlibat dalam membahaskan peruntukan kementerian ini di bawah Butiran 040000 - Pemuliharaan, Pelesenan dan Kawalan Alam Sekitar.

Walaupun perkara yang saya sebutkan di sini mungkin telah dibangkitkan sekali dua di Dewan ini, tetapi sekali lagi saya ingin menegaskan iaitu soal kemudahan atau facilities untuk pembuangan sisa toksid daripada kilang-kilang dan industri-industri yang berkenaan.

Saya akan membawa perhatian pihak kementerian kepada beberapa kes yang telah berlaku di mahkamah yang mana hukuman yang telah diletakkan oleh pihak mahkamah kepada yang melakukan kesalahan di dalam pembuangan sisa toksid di merata-rata tempat di negara ini dengan hukuman yang begitu rendah sekali. Landasan ataupun rasional di sebalik hukuman terlalu rendah yang diberi ialah oleh kerana kita tidak mempunyai satu facility yang tertentu di mana pihak pengilang dan pihak pengusaha yang mempunyai sisa toksid yang hendak dibuang, tetapi tidak mempunyai tempat hendak membuangnya.

Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini, adakah pihak kementerian sudah mengenal pasti

di merata-rata negeri atau mengikut kawasan (region) di seluruh negara sama ada di Sabah, Sarawak, Pantai Barat, Pantai Timur dan sebagainya di mana kemudahan-kemudahan untuk membuang sisa toksid ini boleh dibuat supaya tempat ini menjadi satu central toxic waste disposal area, dengan izin, bagi pihak pengilang-pengilang dan pengusaha-pengusaha yang terlibat dengan benda-benda toksid yang merbahaya ini.

Kerana kalau kita tidak mempunyai fasiliti yang sedemikian, mahkamah sentiasa membuat itu menjadi satu alasan hukuman itu direndahkan oleh kerana orang tidak ada tempat untuk membuang. Dan kalau tidak ada rancangan kementerian, saya ingin menyarankan supaya fasiliti yang sedemikian perlu juga dibuat secara diswastakan (privatise) iaitu kita memaksakan pihak kilang membuang toksid di sesuatu tempat dan orang yang membina tempat pembuangan toksid ini akan menerima upahan ataupun ganjaran daripada pekilang-pekilang yang menggunakan fasiliti mereka.

Jadi, dengan keadaan sedemikian, mahkamah tidak lagi mempunyai satu alasan untuk menjatuhkan hukuman yang rendah yang umpama melepaskan batuk di tangga sahaja. Jadi, dengan hal yang demikian, kerajaan bolehlah, saya sarankan serentak, iaitu undang-undang kita mestilah diselaraskan semula dengan meminda undang-undang yang ada supaya hukuman yang dikenakan selaras ataupun setimpal dengan kesalahan yang mereka lakukan dengan hukuman yang lebih berat, dengan hukuman yang lebih, boleh dikatakan punitive, dengan izin, supaya memaksa mereka membuang benda ini di fasiliti-fasiliti tertentu.

Jadi, dalam jangka yang sama kita mestilah mempunyai anggota-anggota dan pegawai-pegawai penguatkuasaan yang mencukupi supaya benda ini diselaras serentak. Fasiliti kita ada, penguatkuasa kita ada, undang-undang kita ada dan mahkamah mestilah diberi satu batasan iaitu soalan hukuman minima dikenakan supaya jangan banyak sangat 'consideration' iaitu yang fasiliti ini jauhkah, yang fasiliti ini tidak mencukupilah. Jadi, kalau perkara ini berlaku, maknanya tugas kementerian untuk mengadakan alam sekitar di negara ini dengan baik dan mentadbirkan alam sekitar ini dengan

baik atau senonoh tidak mendapat hasil yang baik.

Jadi, kita tidak hendak belajar daripada negeri lain. Kita mesti belajar dengan keadaan kita sendiri, di masa mana keadaan boleh kita tadbirkan kita mesti mempunyai fasiliti yang tertentu dan undang-undang yang tertentu supaya kita tidak menjadi negara-negara yang dahulu lebih maju daripada kita telah mengalami alam sekitar yang sangat-sangat menyedihkan.

Tuan Pengerusi, dalam perkara yang sama ingin juga saya menyentuhkan iaitu soalan domestic waste, dengan izin. Pada masa sekarang saya percaya pihak kementerian tidak ada mempunyai satu guideline iaitu sama ada orang hendak menggunakan satu cara pembuangan domestic waste, buangan najis daripada rumah ke saluran pembuangan yang belum disalurkan ke pembetulan yang pusat (central). Jadi, dengan keadaan yang sedemikian, ciciran daripada pembuangan najis daripada rumah itu masih disalur menerusi sungai ataupun parit-parit. Jadi, daripada sungai dan parit-parit ini walaupun tidak nampak, airnya nampak bersih tetapi level of toxicity, dengan izin, ataupun pencemaran itu adalah amat-amat tinggi. Jadi, saya ingin juga menyebut perkara ini kerana oleh kerana kita pandang kalau bangunan-bangunan itu sudah beroperasi selama tiga, empat tahun, mulailah satu bau yang tidak sedap dicitum keluar daripada septic tank, walaupun rumah-rumah yang besar, 10, 20, 30, 40 tingkat, keluar bau yang tidak seronok dicitum oleh kerana air yang disalur ke dalam septic tank ini adalah tidak di 'treated', ataupun tidak diperbaiki dan dipelihara dahulu dan masuk ke situ dan air mengalir ke situ akan mendatangkan najis dan kotor juga walaupun bersih nampaknya.

Sebenarnya pembiakan lalat dan nyamuk akan menjadi. Jadi, saya menyarankan agar pihak kementerian melihat perkara ini dengan teliti agar semua perumahan-perumahan yang kita hendak binakan, rumah-rumah tinggi yang kita hendak binakan hendaklah mempunyai satu treatment ataupun sewage treatment yang canggih, yang mempunyai B.O.D. level yang tinggi yang boleh mendatangkan air, ia keluar daripada sana nanti kalau tidak disalurkan terus kepada treatment centre, dengan izin, walaupun disalur ke dalam parit ataupun sungai tidak mendatangkan pembiakan lalat dan nyamuk.

Jadi, kalau kita tidak membuat undang-undang untuk perkara ini, nescaya pihak pemaju dan kontraktor akan menggunakan cara yang murah sekali. Cara yang murah ialah cara yang 50, 60 tahun sudah kita gunakan yang pada masa sekarang sudah menunjukkan kesan-kesan negatif dan tidak baik.

Jadi, peringkat manakah hendak kita mengubah sistem kita supaya menjadi lebih bersih, selesa dan tidak mengeluarkan kesan-kesan negatif. Jadi, dalam keadaan sedemikian kalau kita hanya bercakap soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bintulu tadi sebut, soalan hal-hal aluminium, soalan pengilangan ini, soalan Bakun, ini satu perkara yang berasingan, Tuan Pengerusi, tidak melibatkan semua orang tetapi apa yang saya sebutkan ia terlibat di bandar-bandar, di pekan-pekan yang baru kita hendak bangunkan. Jadi, kalau kita tidak menggunakan sistem yang baik, canggih, lebih bersih dan boleh mendatangkan kesan yang lebih baik, mungkin kita pada suatu hari nanti akan menyesal.

Walaupun sekarang kita menggunakan benda yang lebih mahal sedikit, tetapi kesannya tetapi kita kalau option kita mengguna benda yang murah pada masa sekarang, benda itu diserahkan bulat-bulat dengan pihak kontraktor dan developer yang hendak meraih keuntungan besar-besaran sahaja daripada sebab-sebab ini, jadi dengan sendirinya negara akan menanggung kesan yang buruk pada suatu masa nanti. Jadi, sebelum kesan buruk ini berlaku, sebelum kita sampai ke peringkat yang mana benda itu tidak 'become manageable' jadi, saya berharap pihak kementerian melihat perkara ini secara serentak.

Kita tidak ada masa untuk menunggu semua pekan-pekan dan bandar di Ipoh, Johor, Pulau Pinang, Kuching, Miri atau Kota Kinabalu menjadi besar seperti Kuala Lumpur. Kalau sudah di peringkat itu maknanya negara kita sudah menjadi susah hendak di 'manage'kan. Jadi, saya berharap perkara-perkara kecil ini yang mungkin bukit menjadi gunung pada masa akan datang, kita adakan satu sistem yang baik, perundangan yang baik dan penguatkuasaan yang baik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.....

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi, soalan-soalan Bakun, soalan-soalan aluminium

di Bintulu itu saya ingat sudah.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Minta maaf, sedikit sahaja, saya baru hendak habis sentence, dengan izin. Soalan Bakun, soalan aluminium di Bintulu itu saya setuju jugalah, kita mestilah, jangan ambilkan kilang-kilang, benda-benda yang tidak boleh di kilang di negara-negara maju lagi kerana benda itu mendatangkan kesan yang kurang baik, kita terima sahaja 'investor' datang ke negara kita ini, gunakan negara kita ini sebagai platform mengilangkan benda-benda yang kurang baik. Saya percaya kerajaan akan mengambil tindakan yang khusus dan baik, jangan peduli cerita DAP itu semua, macam-macam tidak baiklah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bandau.

3.59 ptg.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan di bawah Maksud Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Saya ingin tumpukan perbincangan saya kepada beberapa perkara di bawah Maksud Bekalan 46 khusus di bawah Butiran 030000 iaitu Penyelidikan dan Pembangunan dan seterusnya juga Butiran 040000 - Pemuliharaan, Perlesenan dan Kawalan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, di bawah Program 030200 - MIMOS. Dalam perkara ini, sekadar saya ingin membangkitkan masalah accessibility, dengan izin, bagi pengguna-pengguna khidmat Internet di negeri Sabah yang masih lagi menyampaikan rungutan bahawa pada beberapa masa khususnya pada sebelah petang susah untuk mendapat jaringan, walaupun saat ini MIMOS bukan sahaja yang ulung untuk membekalkan perkhidmatan ini, tetapi kita mintalah pihak kementerian untuk sekali lagi mengkaji masalah ini kerana nampaknya pada masa dahulu saya di antara mereka yang barangkali pertama kali 500 yang pertama menggunakan perkhidmatan ini, tetapi sekarang sudah melintasi 15,000 dan jaringan yang ada itu tidak mencukupi. Saya mintalah pihak kementerian untuk mengkaji masalah ini dan

mengatasinya untuk kebaikan semua dan khususnya supaya minat di kalangan penduduk-penduduk di sana, khususnya di kalangan sekolah-sekolah dan juga daerah-daerah yang sederhana yang minat untuk menggunakan perkhidmatan ini dapatlah dibekalkan.

Pada masa yang sama, Tuan Pengerusi, juga sungutan pihak umum bahawa bayaran yuran untuk perkhidmatan ini daripada pelajar dianggap begitu tinggi sekali dan khususnya bagi pelajar-pelajar yang sendiri membiayainya di desa-desa di mana ada bekalan melalui Perpustakaan Negeri Sabah mengatakan bahawa kalau mereka ingin menggunakan perkhidmatan ini secara peribadi, begitu tinggi sekali bayarannya. Kalau saya tidak salah masih daripada golongan RM170.00. Minta pihak kementerian mengkaji masalah ini.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya mahu tumpukan di bawah Pemuliharaan Pelesenan dan Kawalan Alam Sekitar di bawah Program 040100, iaitu Jabatan Alam Sekitar. Dalam perkara ini, saya ingin menyentuh satu perkara iaitu mengenai satu enakmen ataupun bil State Conservation Bill yang telah pun dibentangkan di Dewan Undangan Negeri, di mana negeri Sabah sendiri mempunyai undang-undang pemeliharaan alam sekitar. Saya ingin meminta penjelasan daripada pihak kementerian adakah sebenarnya negeri Sabah dan negeri-negeri yang lain mempunyai kuasa di bawah perlembagaan untuk memaktubkan perlembagaan tersendiri dari segi pengawalan alam sekitar, kerana persoalan ini adalah pokok dan perlu dijawab, oleh kerana kita sedia maklum bahawa ada undang-undang Alam Sekitar khususnya EQA 1994 yang dilaksanakan ataupun di bawah kawalan Jabatan Alam Sekitar.

Maka dalam perkara ini, saya minta kementerian untuk memberi penjelasan. Seterusnya kalaulah pihak Kerajaan Negeri Sabah dan saya difahamkan Sarawak juga benar mempunyai kuasa untuk memaktubkan ataupun melaksanakan satu undang-undang di peringkat negeri, apakah hubung kait nanti dengan Jabatan Alam Sekitar Persekutuan? Tidakkah masalah timbul dari segi overlapping function, dengan izin. Nanti apabila ada overlapping, seringkali timbul masalah di mana neither party will do the work, dengan izin. Kita sedia maklum bahawa di peringkat negeri Sabah dikatakan bahawa kuasa ataupun bidang kuasa dan tanggungjawab yang diutarakan dalam enakmen

tersebut ialah sekadar soal hutan dan juga soal tanah. Tetapi banyak perkara yang ada berkaitan dengan soal perindustrian di mana akta di peringkat Persekutuan yang lebih sesuai untuk mengambil tindakan-tindakan mengatasi masalah-masalah yang timbul. Tetapi dengan adanya overlapping, dengan izin, dalam perkara ini, saya memohon pihak kementerian memberi penjelasan adakah perkara-perkara ini sedang diatasi dan bagaimanakah nanti?

Seterusnya, Tuan Pengerusi, di bawah Kepala yang sama, iaitu Tanggungjawab Jabatan Alam Sekitar. Saya ingin menentukan sekali lagi soal Laporan Environmental Impact Assessment bagi satu kilang dinamakan Nusantara Steel Sdn. Bhd. yang telah pun di saat ini menandatangani MoU bersama dengan KKIP dengan tujuan meletakkan kilang tersebut di dalam kawasan KKIP - Kota Kinabalu Industrial Park, iaitu satu kawasan perkilangan untuk industri kecil dan sederhana (IKS). Namun begitu, nampaknya keputusan telah dibuat untuk meletakkan kilang ini yang mana kilang ini adalah satu industri berat, RM2 bilion ongkosnya dan memerlukan 300 ekar.

Dalam satu soalan tambahan pada minggu lalu, Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan yang saya percaya tidak tepat ataupun barangkali beliau tidak mendengar soalan yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinabalu, dan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab bahawa EIA sudah diperolehi. Namun demikian, pihak kita mempunyai satu surat sebenarnya daripada Pengarah Jabatan Alam Sekitar Kota Kinabalu, Sabah yang mengatakan bahawa hanya KKIP sahaja sebagai satu taman keseluruhan telah memperolehi EIA. Laporan terperinci untuk Nusantara Steel belum lagi dilaksanakan, bahkan pada saat itu, iaitu pada pertengahan bulan Oktober belum lagi sampai ke tahap jabatan tersebut. jadi, saya mintalah kementerian supaya menjelaskan perkara ini, nanti pula ingin mengelirukan Dewan yang mulia ini apakah sebenarnya kedudukannya. Sudahkah Nusantara Steel Bhd. mendapatkan kelulusan EIA? Mengikut pengetahuan kita belum lagi, ianya sedang di dalam usaha untuk melaksanakan perkara tersebut.

Tetapi yang lebih pokok, Tuan Pengerusi, adakah pihak kementerian telah memerhatikan masalah ini, di mana satu kilang besi, iaitu known as one of the most polluting industries

in the world, dengan izin, diletakkan di dalam satu kawasan industrial park ataupun taman perindustrian yang dikhususkan untuk industri kecil dan sederhana, di mana ada kilang makanan, di mana ada perumahan tidak jauh dari kompleks-kompleks pelancongan dan 300 ekar diasingkan untuk tujuan mengeluarkan, dengan izin, hot rod metal sheets. Walaupun kita difahamkan ia menggunakan sekadar daripada hot iron dan menggunakan gas daripada depo Petronas. Tetapi kita berpendapat dan umum berpendapat juga di peringkat negeri Sabah bahawa satu projek seperti ini yang sekadar 8-7 kilometer dari Kota Kinabalu tidak wajar dan tidak harus ditempatkan dalam kawasan KKIP, kerana akibat dari segi pencemaran adalah serius. Seperti mana pihak umum dan ada para pengkaji mengatakan kemungkinan ada acid rain, dengan izin, memandangkan landskap dan bukit yang begitu tinggi dan rocker range yang tidak berjauhan daripada tempat di mana kilang ini nanti ditentukan.

Tuan Pengerusi, saya sekali lagi membawa perkara ini kepada pihak kementerian yang kita percaya begitu sekali bertanggungjawab dan dalam masa-masa yang lampau untuk memperlihatkan kekukuhan mempertahankan keselamatan dan pemeliharaan alam sekitar supaya KKIP ini diberi perhatian yang khusus. Kita sebenarnya telah mencadangkan supaya menempatkan kilang ini di tempat yang less densely populated, dengan izin, seperti di kawasan Kudat di sebelah utara ataupun dengan izin, outskirts of Tuaran, di mana tidak ada kilang makanan berdekatan, tidak ada institusi pendidikan dan infrastruktur-infrastruktur pelancongan yang lain.

Misalnya, kilang ini akan sekadar 3 kilometer dari Universiti Malaysia Sabah (UMS). Sebagai satu kilang yang besar, katakan 300 ekar luasnya, jadi tidak wajarlah, dan sungutan pihak umum ialah pihak Kerajaan Persekutuan dan kementerian khususnya harus mengambil perkara ini dengan serius, dan supaya syarat-syarat yang ditentukan itu dipatuhi oleh kilang ini.

Selain daripada itu, di bawah Kepala Taman Teknologi, nampaknya jumlah yang diperuntukkan bagi tahun ini di bawah Anggaran Belanjawan, tetapi perkara ini telahpun disentuh oleh pihak kerajaan negeri di mana pihak Kerajaan Persekutuan harus

memikirkan untuk membina satu mini Taman Teknologi di peringkat Negeri Sabah dan kita menyokong sokongan ini, khususnya untuk memajukan lagi kawasan KKIP, tolak Nusantara Steel, tetapi Taman Teknologi, saya ingin memohon supaya pihak kementerian mengkaji kemungkinan dan permohonan kerajaan negeri dalam perkara ini.

Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tambun.

4.11 ptg.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Direktorat Bio Teknologi Kebangsaan (DBK) di mana kita sedia maklum, bidang bio-teknologi merupakan bidang yang amat penting. Ia merupakan bidang kajian sains dan teknologi dan menggunakan organ hidup (living organism) untuk mencipta atau mengembangkan produk, mengembang dan memajukan tanaman dan ternakan, mencipta mikro organism untuk tujuan tertentu.

Dalam hubungan ini saya ingin menarik perhatian Dewan mengenai dengan kelulusan di negara China di atas kawasan 1 juta hektar padi untuk dibangunkan sebagai kawasan industri dan apabila ini dilakukan nanti, sudah tentu negara China akan mengimport makanan dari luar.

Negara kita sekarang mengimport beras dari Thailand dan juga Vietnam dan kita difahamkan bahawa bekalan beras dari Thailand dan Vietnam begitu berkurangan sekarang. Dengan sebab itu, saya rasa bahawa jumlah sebanyak RM435,000 untuk DBK serta RM1.4 juta untuk program bio-technology adalah tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, saya berharap bahawa pihak kementerian akan menumpukan serta meningkatkan peranan dalam bidang ini, terutama untuk mengembangkan sektor pertanian, tanaman, ternakan serta sektor farmasi. Seperti mana kita sedia maklum, bahawa di dalam pengeluaran gandum, begitu juga padi, di peringkat dunia, bahawa pertambahan telah dapat dilihat dalam tempoh 20 tahun kebelakangan ini kesan daripada bidang bio-teknologi. Dan adalah diramalkan pada tahun 2000 nanti bahawa pasaran bagi produk baru bio-teknologi adalah US\$50 bilion, bermakna bahawa sektor ini adalah sektor yang begitu besar.

Satu perkara yang menjadi kebimbangan kita, bahawa kebanyakan daripada syarikat-syarikat multinasional yang menguasai bidang ini menekankan atau menumpukan kepada mencari keuntungan. Sekiranya kita dapat memajukan bidang bio-teknologi kita sendiri, ada kemungkinan bahawa kita akan mendapat produk-produk sub-standard pada masa yang akan datang. Di samping itu juga, research dalam bidang ini perlu berterusan kerana di samping kita mencipta atau memajukan produk ada juga kesan-kesan sampingan seperti mana akibat daripada penggunaan bio-teknologi, ia juga dapat mengubah patern cuaca. Umpamanya, pembunuhan ke atas 'B. Syringae' bakteria pada daun. Fungsi 'B. Syringae' ini adalah berperanan ke arah untuk pembentukan hujan. Jadi, dengan pembunuhan ke atas 'B. Syringae' ini boleh mengurangkan hujan.

Begitu juga kita dapati bahawa negara Amerika Syarikat dan Soviet berlumba dalam bidang Defensive Biological Warfare Capabilities. Sekarang sedang dijalankan research untuk bisa ular senduk dipindah kepada 'E-Coli' iaitu bakteria yang hidup dalam usus manusia. Di samping itu juga ada kesan-kesan ke atas environment melalui penggunaan pesticide, boleh mengakibatkan kepada adanya toxic chemical dan sebagainya yang boleh mengancam kesihatan manusia. Kesannya juga boleh terdapat kepada penyakit-penyakit yang datang secara mengejut ke atas ternakan dan tumbuh-tumbuhan. Saya berharap bahawa kementerian akan memberi perhatian kepada perkara-perkara tersebut.

Perkara kedua, mengenai dengan Jabatan Alam Sekitar. Kita dapati sekarang bahawa terdapat banyak kawasan perindustrian yang terletak bersebelahan dengan kawasan perumahan. Di dalam kawasan-kawasan perindustrian tersebut terdapat kilang-kilang yang mencemarkan udara, air serta bunyi bising dari segi mengeluarkan bau, habuk, bahan-bahan chemical dan asap yang mengancam ketenteraman serta kesihatan masyarakat.

Saya ingin pihak kementerian dapat meningkatkan efisiensi serta efektivness penguatkuasaan tugas-tugas mereka dalam hal ini. Saya dapati bahawa Jabatan Alam Sekitar tidak begitu tegas dalam kerja-kerja mereka. Saya dapati di kawasan-kawasan bandar besar dan bandar kecil masih ada lagi masalah tersebut yang tidak dapat di atasi oleh Jabatan Alam

Sekitar dan saya ingin memohon kepada kementerian untuk membuat siasatan kepada satu kes di Ipoh, iaitu kilang Chip Lam Seng, iaitu pengeluar getah SMR. Baru-baru ini Persatuan Pengilang-pengilang Getah mengeluarkan surat kepada ahli-ahli bahawa masalah bau daripada proses pengeluaran getah ini tidak dapat diatasi. Chip Lam Seng itu terletak bersebelahan dengan kawasan perumahan. Rumah yang terletak dengan Chip Lam Seng adalah sejauh tidak sampai 10 kaki dari sempadan kilang tersebut.

Di dalam laporan World Health Organisation, ada menyatakan bahawa bahan-bahan acidic dan sodic dalam jarak 500 meter sudah cukup untuk merosakkan tisu paru-paru serta otak dan penglihatan manusia. Penduduk di kawasan Kuala Kuang telah membuat aduan sejak tahun lalu kepada pihak Jabatan Alam Sekitar dan pihak Alam Sekitar mengesyorkan kepada Chip Lam Seng untuk mengadakan alat-alat tertentu untuk mengurangkan bau dengan perbelanjaan RM500,000, tetapi sehingga sekarang masalah ini belum lagi diatasi dan mesyuarat terakhir, lebih kurang sebulan setengah yang lalu, Jawatankuasa Penduduk telah pun meninggalkan mesyuarat tersebut.

Saya menganggap kes ini sebagai kes yang cukup serius. Kuala Kuang mengandungi 5,000 penduduk dan ini tidak diambil kira kawasan-kawasan yang lain. Jadi, saya berharap Jabatan Alam Sekitar akan mengambil tindakan tegas. Sekiranya kilang ini boleh terus beroperasi, beri tahu kepada masyarakat, bahawa berdasarkan kepada standard-standard tertentu, kilang ini telah menepati standard dan boleh terus beroperasi, dan sekiranya tidak mereka harus berterus terang kepada pihak kilang dan kilang ini boleh dipindahkan ke tempat lain.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan soal pemeliharaan alam sekitar, saya dapati sekarang ini terdapat kerja-kerja memotong bukit serta menambak laut dan ini mendatangkan bahaya. Saya pernah menyuarakan kepada Jabatan Alam Sekitar tentang laporan EIA ke atas salah satu projek. Projek yang saya maksudkan ialah projek 1,200 ekar di Tambun Hot Spring oleh Syarikat Sunway. Pihak Jabatan Alam Sekitar menyatakan bahawa laporan EIA telah sedia dan apabila pemotongan bukit dilakukan, terjadi perubahan dari segi landskap kawasan dan akibat dari itu berlaku banjir. Apa yang saya ingin nyatakan, ini ialah salah satu contoh yang

ingin saya bangkitkan mengenai soal ketegasan kerja Jabatan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, di samping itu, mengenai dengan pemuliharaan alam sekitar, saya percaya kita patut mengambil approach holistic, kita melihat keseluruhannya dan mengambil juga pandangan agama. Dalam Islam antara faktor ataupun bidang pokok yang ditekankan adalah soal akhlak. Akhlak kita kepada Tuhan, akhlak kita kepada sesama manusia dan akhlak kita kepada makhluk dan bukan makhluk termasuk alam sekitar, bumi serta pokok dan ternakan adalah dianggap sebagai makhluk.

Kita ditugaskan untuk menjaga hubungan baik dengan alam sekitar. Jadi, walaupun manusia mempunyai kepakaran melalui sains dan teknologi untuk membuat kajian, tetapi kepakaran manusia hanya sebahagian kecil sahaja daripada keseluruhan pengetahuan Tuhan. Jadi, jikalau di dalam Al-Quran dan kitab-kitab agama lain menyatakan bahawa kita harus jaga pokok, kita harus jaga gunung jangan potong, kita jangan tambak laut dan sebagainya.

Perkara ini harus diambil perhatian, kerana jikalau kita mengikut perancangan berdasarkan semata-mata kepada kebolehan manusia, kita harus akui bahawa kebolehan kita terhad. Apabila berlaku ozon kita menjadi nipis, adalah diramalkan bahawa Venice akan tenggelam. Bangladesh pada tahun 2100, satu pertiganya akan tenggelam, Singapura setiap tahun ditenggelami berapa sentimeter. Ini semua kesan daripada hasil kerja manusia membakar hutan dan sebagainya, tidak mengambil tahu langsung tentang pendekatan yang diberitahu oleh agama.

Saya ingin menyatakan kepada Dewan bahawa kita tidak harus menyatakan bahawa manusia lebih cerdik dan lebih pintar daripada Tuhan, kerana yang kita ketahui hanya sebahagian kecil sahaja daripada keseluruhan dunia.

Tuan Pengerusi, perkara yang terakhir, tentang Pusat Sains Negara. Saya difahamkan Pusat Sains Negara antara tujuannya adalah untuk meningkatkan kefahaman dan minat orang ramai terhadap sains dan teknologi. Ini telah sering kita tekankan betapa pentingnya sains dan teknologi untuk masa hadapan negara kita. Dalam bidang pendidikan, kita baru-baru ini telah diberitahu tentang kedudukan pelajar sains kita dalam sistem persekolahan kita hanya 20%

sahaja daripada mereka dalam bidang sains, pada hal negara maju 70% hingga 80%, bermakna ada 'gap' yang begitu jauh di antara negara kita dengan negara lain, bagaimanakah kita hendak meningkatkan daya saing kita pada masa yang akan datang.

Saya dapati bahawa pusat-pusat sains ini terletak di ibu negara Kuala Lumpur, ia begitu jauh dengan kawasan luar bandar. Saya berharap bahawa kementerian akan menggunakan kebijaksanaan merancang dengan lebih baik secara efisien dan efektif melalui penyelarasan dengan Kementerian Pendidikan, jabatan-jabatan pendidikan negeri-negeri supaya membuat satu program. Kita bawa pelajar-pelajar di kawasan luar bandar kepada pusat-pusat sains ini, untuk didedahkan pelajar kepada sains dan teknologi agar supaya paradigma pelajar di negara kita, secara keseluruhannya dapat berubah dan minat kepada sains dan teknologi akan meningkat. Dengan itu maka hasrat kita untuk meningkatkan pelajar dan penduduk kita dalam bidang sains dan teknologi akan bertambah.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Tanjong.

4.25 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut Maksud Bekalan B.46 mengenai Butiran 02400 - Pusat Sains Negara dan 030000 - Penyelidikan dan Pembangunan (Sains dan Teknologi).

Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya berpeluang untuk menyaksikan pelancaran satelit yang kedua Malaysia MEASAT 2 di Spaceport Eropah di Kourou, French Guiana, yang dilancarkan oleh Aerion Space.

Rakyat Malaysia memang merasa bangga oleh kerana kita ada satelit yang kedua di orbit. Oleh kerana MEASAT 1 dilancarkan di bulan Januari tahun ini dan Binarian Sendirian Berhad patut dipuji oleh kerana meletakkan Malaysia di peta satelit global.

Tetapi, kita perlu menggambarkan pencapaian kita dalam perspektif yang sewajarnya, oleh kerana mengikut publisiti yang ada di negara kita, semasa pelancaran MEASAT 2, nampaknya ada satu gambaran bahawa Malaysia sudah tiba, 'Malaysia has arrived' dalam teknologi angkasa lepas, space technology dan

sudah menjadi satu kuasa angkasa lepas, 'space powers in the world'.

Sebenarnya, mengikut National Aeronautical dan Space Administration (NASA) pada bulan Julai, 1996, ada sebanyak 2,355 satelit di orbit dan Indonesia ada lapan satelit di orbit. Sebenarnya, tahun ini ialah ulang tahun ke-20 sistem satelit Indonesia. Oleh kerana satelit pertama Indonesia Palapa-A yang dibina oleh Hughes Space and Communications Co. telah dilancarkan pada tahun 1976. Dan mereka akan mengadakan satu keluarga satelit yang baru bermula dengan Garuda-1 yang dibina oleh Lockheed, yang akan dilancarkan oleh rocket Proton, bukan Raket DAP, rocket Proton [Ketawa] daripada cosmodrome Baikonur di Kazakhstan dalam tahun 1988.

Soalan yang timbul ialah kenapa Malaysia begitu lambat dalam menceburi dalam teknologi satelit? Melancarkan dua satelit yang pertama dalam tahun ini, apabila Indonesia sudah 20 tahun lebih cepat. Ini bukan sahaja satu bidang di mana nampaknya Indonesia lebih maju dalam application teknologi satelit, baru-baru ini ada dilaporkan bahawa Indonesia sudah memperkenalkan perkhidmatan Internet satellite-based di mana adalah pertambahan dalam sama ada prestasi atau response time untuk pengguna-pengguna World Wide Web oleh kerana ada transmission traffic Internet yang begitu laju daripada Amerika Syarikat. Dan ini oleh kerana ada perhubungan antara PanAmSat Corporation's di California dengan P.T. Primacom's di Jakarta.

Saya percaya bahawa Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedar bahawa mengenai rungutan yang begitu banyak yang telah dibuat oleh rakyat Malaysia mengenai traffic congestion Internet Malaysia yang begitu lambat untuk download untuk menggunakan Internet. Dan saya harap bahawa kerajaan akan memberi pertimbangan yang serius mengenai kemungkinan menggunakan transmission Internet yang satellite-based yang sekarang ada diperkenalkan bukan sahaja di Indonesia malahan juga di banyak negara termasuk baru-baru ini minggu lalu kita baca pengumuman bahawa Japan Satellite Systems (JSAT) mahu mengadakan kerjasama dengan syarikat-syarikat elektronik seperti Sony, Matsushita, NEC, Fujitsu untuk membekalkan Internet access melalui satu communications satellite, oleh kerana begitu laju data yang boleh

ditransmitted oleh communications satellite apabila berbanding dengan talian telefon.

Dan saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi perhatian ini, oleh kerana dalam beberapa bulan ini International Telecommunications Satellite Organisation (INTELSAT) di mana Malaysia menjadi satu anggota adalah memberi tunjuk demonstrasi di mana fleet 24 satelitnya boleh memberi access global kepada Internet dalam sistem INTELSAT dan bahawa inilah satu capability yang boleh membekalkan negara khasnya negara yang membangun, dengan izin, flexible and cost-effective on-ramps to the global information infrastructure.

Tuan Pengerusi, dalam perkara ini saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar boleh memberi pertimbangan kepada kemungkinan membinakan satu spaceport di Malaysia untuk melancarkan satelit-satelit. Bukan sahaja untuk Malaysia tetapi untuk Asia dan dunia. Tempat yang sesuai untuk mengadakan satu spaceport di Malaysia ialah di Sabah. Oleh kerana di Sabah dalam 'eastern seaboard' Kalimantan Utara adalah access 1,500 kilometer Lautan Pasifik di mana tidak ada manusia, adalah untuk mengurangkan risiko-risiko kepada manusia apabila ada pelancaran satelit-satelit.

Ini boleh diadakan satu Malaysia spaceport boleh dibina melalui "turnkey project" dan ini pun satu cara negara-negara yang tidak ada spaceport bergantung untuk mengadakan satu spaceport termasuk Kanada. Di Kanada, di mana mereka akan mengadakan satu spaceport yang baru, yang akan digelar sebagai world's first international commercial polar spaceport di Minnesota, yang akan dibina oleh Akjuit Aerospace. Mereka tidak ada "launch technologies and vehicles" tetapi akan bergabung dengan Rusia - Scientific and Technological Centre Complex (STC Complex) Rusia, untuk mendapat pakej "turnkey launch services". Dan ini kalau kita boleh memberi perhatian dan kita boleh berjaya untuk spaceport pertama bagi Malaysia bukan sahaja untuk mengurangkan penggantungan kepada teknologi-teknologi Barat dan kita pun boleh memperkenalkan, 'introduce' satu teknologi yang sangat kritikal dan sangat strategik untuk Malaysia.

Di sini, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Sains, Teknolgi dan Alam Sekitar mengenai kedudukan usaha kita untuk

mengadakan satu satelit kita sendiri yang di bawah tanggungjawab Space Science Division dalam Kementerian Yang Berhormat. Saya dapati ini adalah dengan usaha, kerjasama dengan Universiti Surey, tetapi oleh kerana masalah yang dihadapi sekarang ialah untuk mendapat satu slot untuk melancarkan satelit itu untuk tujuan sains dan pendidikan oleh Space Science Division, susah untuk mendapat satu slot untuk tahun 1997. Kalau tidak boleh dapat slot untuk dilancarkan pada tahun depan mungkin kena tunggu sehingga tahun 1999 dan ini dua tahun dalam space science tentulah kita akan hilang peluang yang begitu banyak untuk belajar teknologi-teknologi yang begitu strategik dan penting. Apa usaha yang diambil oleh kementerian untuk memastikan bahawa kita boleh melancarkan satelit itu di tahun depan dan bukan sehingga tahun 1999.

Di sini, saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab mengenai Internet boleh melancarkan satu kempen nasional supaya boleh mempertingkatkan kadar take-up rate Internet oleh rakyat Malaysia supaya rakyat Malaysia bolehlah menikmati segala kebaikan daripada revolusi teknologi maklumat. Yang Berhormat Menteri tentu ada dengar complain dari Yang Berhormat dari Sabah mengenai masalah-masalah Internet congestion. Sungguhpun sekarang ada satu lagi Internet provider iaitu Telecomnet. Tetapi sungguhpun begitu, nampaknya infrastruktur tidak begitu bersedia untuk membolehkan satu Internet take-up rate yang tinggi.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh memberi angka-angka sampai sekarang mengenai jumlah rakyat Malaysia yang menjadi Internet users sama ada melalui JARING atau Telecomnet dan angka-angka mengikut tiap-tiap negeri. Apa usaha diadakan supaya kita boleh menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia boleh cope kepada net?

Di sini satu-aspek yang penting ialah bagaimana kita boleh menggalakkan pelajar-pelajar kita untuk menggunakan Internet. Sungguhpun ada sekolah yang akan disambung dengan Internet, tetapi mereka akan menghadapi masalah kos 'telephone charges' yang sekolah-sekolah perlu hadapi kalau membenarkan penggunaan Internet yang luas. Yang Berhormat Menteri patutlah berbincang dengan syarikat-syarikat telekomunikasi, mengadakan

satu formula di mana semua telecommunication companies memberi sumbangan dalam bidang ini. Sebagai contoh di mana semua sekolah boleh menggunakan Internet percuma dan tanggungan ini, bayaran ini dipikul oleh syarikat-syarikat telekomunikasi. Bukan sahaja Telekom, kita ada lima, tujuh telecommunication companies, semua dipikul oleh telecommunication companies sebagai satu sumbangan sosial pendidikan dan untuk pembangunan masa depan negara. Kalau ini boleh diadakan, di mana semua sekolah-sekolah sama ada peringkat menengah atau peringkat rendah ada perkhidmatan Internet yang percuma.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta gulung ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, saya gulung. Di sini saya mahu timbulkan satu perkara untuk dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Kita ada satu National Information Technologies Consul (NITC) dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita tahu inilah sebabnya supaya ada 'high powers' orang yang bertanggungjawab boleh 'push'. Tetapi ini pun ada kelemahan. NITC sepatutnya ialah untuk membantu 'advise', menasihatkan kerajaan mengenai apa yang patut menjadi national IT Policy. Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi Pengerusi NITC, siapa boleh memberi kritik atau pandangan-pandangan yang berbeza dengan NITC. Tentulah khasnya kakitangan kerajaan tentu ingat 'reluctant' untuk memberi pandangan yang boleh dilihat sebagai kritik atau tidak setuju dengan pandangan-pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yang kedua, apabila NITC kemukakan laporan kepada Kabinet, tentulah bagaimana Kabinet akan disagree dengan laporan ini. Oleh kerana laporan ini datang daripada NITC yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Ini ada 'conflict of situation', mungkin apa yang patut, lebih baik ialah di mana ada satu kabinet committee dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan NITC adalah boleh memainkan peranan yang lebih aktif, yang lebih terbuka supaya ada satu perbincangan seluas-luasnya mengenai IT policy, sama ada dasar atau National IT Action Plan boleh diadakan dengan luas dan terbuka. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Bukit Bendera.

**4.48 ptg.**

**Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membahas di bawah Maksud B.46 Butiran 020400 mengenai Pusat Sains Negara di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, negara kita berhasrat menjadi satu negara maju pada tahun 2020. Di antara ciri-ciri yang mustahak di dalam wawasan ini adalah negara yang berteknologi tinggi dengan fikiran yang saintifik dan progresif. Jadi, untuk mewujudkan satu masyarakat bercirikan saintifik, kita perlu memupuk kesedaran saintifik serta mempertingkatkan taraf fikiran rakyat dari segi sains. Oleh sebab itu, Pusat Sains Negara yang baru dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menjadi satu lambang atau simbol untuk rakyat jelata kita khasnya kanak-kanak dan murid-murid sekolah ke arah satu masyarakat berteknologi tinggi dan saintifik.

Jadi, saya memang kritikal tentang kelemahan berkenaan dengan Pusat Sains Negara ini. Saya berharap kritikan-kritikan yang dikemukakan oleh saya dapat diambil perhatian oleh kementerian supaya langkah-langkah yang sewajarnya dapat diambil untuk menjadikan Pusat Sains Negara sebagai satu simbol yang semua rakyat Malaysia berbangga dengannya.

Tuan Pengerusi, saya telah menerima laporan bahawa terdapat banyak kelemahan berkaitan dengan kemudahan di Pusat Sains Negara itu. Saya sendiri telah pun pergi melawat Pusat Sains Negara itu untuk menyiasat dan memastikan teguran yang disampaikan kepada saya itu adalah benar. Jadi, Tuan Pengerusi, apabila seseorang pelawat membawa kereta atau sekumpulan pelawat sampai ke pusat itu, semua orang dipaksa meletak kereta di tempat letak kereta yang terletak di sebelah jalan raya yang begitu besar. Semua pelawat tidak dibenarkan menghantar penumpang kereta atau bas ke pintu masuk atau berdekatan dengan bangunan, walaupun jumlah pelawat pada masa itu tidak ramai dan ada papan tanda yang menunjukkan untuk menurunkan penumpang kereta atau bas boleh dibenar, tetapi pada masa itu pihak berkuasa tidak berbuat demikian.

Jadi, semua orang dipaksa melintas jalan raya yang turun bukit, di mana banyak kereta, bas dan lori yang laju akan membahayakan

nyawa orang yang melawat Pusat Sains Negara itu. Selepas melintas jalan raya semua orang dipaksa mendaki bukit walaupun ada bumbung yang melindunginya, tetapi ini akan menyusahkan orang-orang tua dan kanak-kanak.

Tuan Pengerusi, soalan saya kenapa pihak berkuasa pusat itu tidak membenarkan kereta ataupun bas menurunkan penumpang dan selepas itu meletakkan kereta di tempat letak kereta itu. Tempat letak kereta dan bangunan Pusat Sains Negara adalah di atas dua bukit yang kecil. Jadi, kenapa satu jambatan atau jejantas demi keselamatan pelawat Pusat Sains Negara itu tidak dapat dibina supaya orang boleh menggunakan jejantas itu tanpa melintas jalan raya yang bahaya itu?

Tuan Pengerusi, apabila seorang pelawat sampai ke puncak Pusat Sains Negara itu, pintu besar masuk tidak menarik pun dan sebagai satu Pusat Sains yang utama, saya berharap pintu masuk yang kurang menarik itu dapat dicantikkan kerana ini tidak setaraf dengan statusnya sebagai satu Pusat Sains Negara yang unggul di negara kita. Pada pendapat saya bahan-bahan pembinaan pun kurang memuaskan. Jadi, saya ingin bertanya berapakah kos Pusat Sains Negara itu mengikut anggaran asalnya dan berapakah kos pembinaan pada akhirnya. Apakah perbezaan di antara kos anggaran dan kos sebenarnya?

Tuan Pengerusi, saya bukan seorang pakar sains, tetapi daripada komen-komen yang terdengar daripada pelawat-pelawat remaja yang pernah melawati Pusat Sains Negara itu, mereka menyatakan bahawa Pusat Sains Negara itu tidak menarik. Ada di antara mereka yang mengatakan 'boring' dan oleh sebab itu mereka tidak mahu melawat pusat pada kali yang kedua.

Jadi, oleh sebab ini, bagaimanakah kita dapat menarik lebih ramai murid-murid sekolah mengikuti atau memilih bidang sains, jika minat atau pengetahuan ilmu sains tidak dipupukkan di kalangan remaja pada awal-awalnya? Jadi, kita tidak hairan jika ada terdengar seorang Timbalan Naib Chancellor USM, yang mengatakan cuma 20% pelajar yang berminat atau memiliki bidang sains. Walaupun beliau telah melawat dan mendapati USM mungkin ditutup kerana kekurangan pelajar-pelajar yang memilih bidang sains.

Baru-baru ini Yang Berhormat dari Bagan Datok selaku Ketua Pemuda UMNO telah menggesa kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan supaya mengubah kurikulum kajian sains supaya lebih menarik kepada murid-murid. Jadi, Tuan Pengerusi, bagaimana negara kita boleh mencapai matlamat Wawasan 2020 sebagai satu negeri yang maju jika kita gagal mengeluarkan graduan-graduan universiti dalam bidang sains? Dan bagaimana kita boleh melaksanakan polisi tranformasi industri jika Pusat Sains Negara tidak memainkan peranannya untuk memupuk kesedaran sains di kalangan rakyat.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian kepada Yang Berhormat Menteri tentang Maksud B.46, Butiran 00604. Apakah projek Pusat Sains Negara dengan anggaran sebanyak RM120,962,000; ini adakah anggaran ini meliputi alat-alat sains yang dipamerkan di Pusat Sains Negara ini dan siapakah atau jawatankuasa mana yang bertanggungjawab supaya apa yang dipamerkan di Pusat Sains Negara ini bermutu tinggi dan setaraf dengan pembangunan sains yang begitu pesat itu? Dengan itu, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Wangsa Maju.

4.47 ptg.

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh [Wangsa Maju]:** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan bagi jabatan ini di bawah Butiran 030000 - Penyelidikan dan Pembangunan (Sains dan Teknologi) serta Butiran 00607 - Program Plan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian dan juga Butiran 00803 - Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN) sekali gus.

Tuan Pengerusi, saya membuat perhitungan dari peruntukan-peruntukan yang dicadangkan bukan sahaja untuk tahun 1997, tetapi juga untuk Rancangan Malaysia Ketujuh, bahawa kerajaan bercadang berbelanja dalam bidang sains dan teknologi terutama sekali bercorak penyelidikan dan pembangunan bukan sahaja peruntukan terus kepada MPKSN, tetapi juga peruntukan-peruntukan kepada jabatan-jabatan dan pusat-pusat penyelidikan kerajaan, bahawa kita membelanja hampir RM3½ bilion dalam bidang penyelidikan dan pembangunan dalam sains dan teknologi ini. Ini merupakan satu jumlah yang amat besar dan menunjukkan

komitmen kerajaan kepada program-program meningkatkan daya penyelidikan dan juga sumbangan S&T kepada pembangunan negara. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian yang akan mengendalikan peruntukan dan perbelanjaan ini.

Saya ingin membangkitkan perkara berkaitan dengan keberkesanan daripada perbelanjaan-perbelanjaan yang sebegini besar, kerana penghasilan daripada pusat-pusat penyelidikan, sebagai contoh SIRIM, MARDI dan sebagainya yang kita rangkum semua ke dalam peruntukan-peruntukan ini mungkin sampai ke RM5 bilion, maka penghasilan dan keberkesanan penggunaan wang itu amat penting diperhatikan oleh pihak kementerian dan kerajaan. Dalam hal ini, saya tertarik dengan satu berita di mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri mengatakan dari peruntukan-peruntukan untuk IRPA yang sebelum ini telah dilaksanakan oleh jabatan ini, bahawa hanya 10% sahaja yang dikeluarkan melalui cadangan-cadangan daripada universiti-universiti dan badan-badan lain, ini merupakan satu off-take yang sangat rendah, jika ianya benar.

Walau bagaimanapun, ia mungkin melibatkan kita harus perhatikan proses pemberian peruntukan-peruntukan ini kepada projek-projek dan cadangan-cadangannya. Sebab saya ada dengar daripada pihak-pihak universiti tertentu dan baru-baru ini dalam persidangan National Conference (MIER) yang menumpukan kepada Pelan Tindakan Pembangunan Industri II.

Ada sungutan daripada beberapa pihak yang merupakan penyelidik-penyelidik muda, walaupun mereka dalam bidang ekonomi tetapi mungkin membayangkan kedudukan di bidang-bidang sains yang lain, mengatakan bahawa penyelidik-penyelidik muda ini kemungkinan mereka mendapat akses kepada peruntukan-peruntukan ini terbatas.

Oleh kerana macam ada satu skim kongkalikung kalangan penyelidik-penyelidik yang dewasa ataupun yang senior dalam menyusun cadangan-cadangan projek penyelidikan ini. Ada juga yang merungut bahawa pihak begitu ketandusan di peringkat-peringkat universiti di mana leadership atau kepimpinan penyelidikan di kalangan senior dan profesor-profesor begitu ketara sekali.

Dengan itu, maka pelajar-pelajar ataupun pensyarah-pensyarah muda yang baru sahaja pulang dari luar negeri diperalatkan dan mempunyai pengetahuan serta kaedah-kaedah pendidikan terbaru daripada negara-negara luar yang harus digalakkan kerana merekalah yang merupakan benteng pertama ataupun saluran pertama pengaliran technology transfer dan pengetahuan asas itu. Jika mereka ini tidak diberi peluang untuk menyertai dalam mendapatkan peruntukan untuk penyelidikan-penyelidikan, maka akan timbul sikap sinis dan merasa hampa di kalangan mereka-mereka ini. Maka ini akan membantut usaha kerajaan untuk mengelakkan S&T dan Research and Development begitu penting dalam konteks second IMP ini.

Jadi, saya harapkan pihak jabatan dapat mengkaji perkara ini dan cuba mencari jalan bagaimana menggalakkan penyertaan yang lebih di kalangan saintis muda. Walaupun saya faham tentang tindakan-tindakan jabatan ini melalui panel-panel tertentu di mana cuba menggalakkan penyertaan ini tetapi dalam satu, dua panel yang saya sendiri tahu kita melihat bahawa cadangan-cadangan oleh jabatan-jabatan di universiti-universiti kita ini sangat cetek dan sangat tidak menggalakkan kalau kita faham apakah yang diharapkan oleh kerajaan.

Selain itu, saya juga terdengar baru-baru ini dalam satu seminar berkaitan dengan kedudukan universiti-universiti awam negara dalam konteks pengkorporatan, bahawa terdapat di banyak makmal di universiti-universiti tempatan. Saya tidak dapat menunjuk kepada mana-mana universiti, maka mungkin juga merupakan tuduhan yang tidak berasas. Bagaimanapun ada rungutan-rungutan dibangkitkan bahawa terdapat equipment ataupun alat-alat saintifik yang mahal-mahal dibeli melalui peruntukan-peruntukan jabatan-jabatan masing-masing bukan di bawah Jabatan Sains dan Teknologi tetapi melalui Kementerian Pendidikan dan sebagainya. Di mana bahan-bahan ini ataupun alat-alat ini tidak digunakan secara berkesan, dengan itu merupakan pembaziran yang sangat besar bagi kita yang tiap-tiap tahun memberi peruntukan untuk membeli bahan-bahan dan alat-alat ini.

Alat-alatnya adalah alat yang sophisticated, yang harus dibuka untuk digunakan oleh bukan sahaja universiti-universiti lain ataupun penyelidik-penyelidik dalam universiti itu tetapi

juga digunakan, dibuka untuk penggunaan oleh swasta yang memang memerlukan alat-alat sebegini dan inilah satu caranya universiti-universiti tempatan juga boleh mendapatkan pulangan kepada perbelanjaan kerajaan itu dengan menyewakan kegunaan jentera-jentera, alat-alat ini.

Itu satu perkara Tuan Pengerusi, berkaitan dengan butiran ini. Keduanya ialah berkaitan dengan monitoring process yang mana telah diperuntukan kepada universiti-universiti dan badan-badan penyelidikan yang lain untuk tujuan menjalankan penyelidikan-penyelidikan dan banyak penghasilan yang terdapat walaupun mungkin ada kekurangan ataupun shortfalls dalam penyampaian penghasilan bidang-bidang tersebut.

Jadi, monitoring process ini sangatlah penting. Memang saya tahu dan faham bahawa pihak jabatan sendiri sedang mengkaji cara bagaimana meningkatkan perkara ini tetapi saya ingin bangkit di sini ialah dari segi cara monitoring itu mengikut penilaian peer group yang sememangnya digunakan untuk kajian-kajian saintifik. Dalam hal ini masalahnya timbul apabila kalangan peer group dalam bidang-bidang yang khusus dan mungkin yang begitu advance dalam konteks pembangunan sains seluruh dunia, maka yang peer group ini adalah segelintar sahaja yang merupakan berpakaran atau mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tersebut.

Maka tanpa ada external review, peer group review inilah yang dimaksudkan semacam kata, "you scratch my back and I'll scratch your back", dengan izin ataupun kongkalikung ini dalam konteks penilaian tersebut. Maka inilah yang dimaksudkan dengan cadangan jabatan atas cadangan tertentu untuk melibatkan satu process monitoring tentang penghasilan penyelidikan ini yang melibatkan pakar-pakar antarabangsa dalam bidang sama ada bioteknologi, genetic engineering ataupun lain-lain.

Jadi, dengan ini saya rasa amat perlu diberi peruntukan yang mencukupi untuk tujuan monitoring ini. Saya tahu pihak pegawai-pegawai kanan jabatan ini sedang dalam proses mengkajinya tetapi saya ingin menekankan betapa pentingnya peruntukan diberi yang memuaskan untuk tujuan ini.

Satu lagi, perkara ketiga dan terakhir, Tuan

Pengerusi, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian dan juga kepada kerajaan melalui Kementerian Kewangan dalam Belanjawan 1997 telah menekankan sekali lagi betapa pentingnya peranan sektor swasta dalam penyelidikan dan pembangunan serta S&T polisi ini. Yang saya maksudkan ialah bahawa peruntukan-peruntukan yang dibawa oleh belanjawan untuk meneruskan double deduction bagi penyertaan atau penglibatan swasta dalam projek-projek penyelidikan. Harapan kita amat besar untuk melibatkan projek-projek swasta ini kerana dari apa yang kita maklum, penemuan-penemuan penyelidikan pembangunan di beberapa jabatan-jabatan penyelidikan kerajaan, banyak yang ditemui tetapi tidak sampai ke pasaran, "it is not brought to the market", dengan izin.

Jadi, soal commercialisation of research finding daripada jabatan-jabatan ini yang dibuat oleh pakar-pakar dalam jabatan tersebut jika tidak dibawa ke 'market', ataupun tidak dikomersialisasikan maka tentu sekalilah merugikan kepada kerajaan yang telah memperuntukan banyak kewangan ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, dalam soal melibatkan sektor swasta ini, saya mintalah supaya pihak jabatan melalui kerjasama dengan kewangan supaya proses mendapat balik some kind of return ataupun support kepada risk capital yang diajukan oleh pihak swasta untuk Research and Development ini atas dasar success basic iaitu atas dasar kejayaan penyelidikan itu sangat perlu untuk menggalakkan swasta melibatkan diri. Itulah antara tiga perkara yang hendak saya bangkitkan dalam butiran ini, saya menyokong.

**4.48 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, Maksud B.46 muka surat 378 Butiran 020000, muka surat 379 Butiran 030000 iaitu termasuk Program 030200 dan muka surat 381 Butiran 040000.

Tuan Pengerusi, semasa kita memerlukan lebih banyak pakar-pakar terutamanya saintis dan jurutera dan lain-lain profesional, kita mesti adakan kajian kesedaran untuk rakyat Malaysia. Saya diberitahu bahawa satu kajian kesedaran sains teknologi pernah diadakan pada 1994 tetapi laporan mengenai kajian tersebut adalah tidak lengkap dan dianggap tidak dapat membayangkan keadaan sebenarnya kerana mungkin sampel-sampel yang diambil itu tidak merangkumi semua lapisan masyarakat.

Sebab itulah kita perlu mengadakan satu kajian lagi. Ketika Malaysia menuju ke era baru, ia memerlukan lebih ramai saintis, jurutera dan profesional yang lain. Para pakar yang ada sekarang adalah sangat tidak mencukupi seperti mana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Ini bermakna kita haruslah mengetahui apakah kesedaran rakyat Malaysia, sikap dan pemahaman mereka terhadap sains dan teknologi. Tanpa melupakan bidang spiritual dan kerohanian, kita mestilah meningkatkan kesedaran rakyat terhadap sains dan teknologi dan Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Perindustrian (MASTIC) hendaklah mengumumkan laporan yang saya telah diberitahu bahawa mereka telah pun mengadakan sejak bulan Ogos tahun ini supaya kita dapat mengetahui apakah kesedaran semua lapisan masyarakat mengenai sains dan teknologi di negara ini.

Tuan Pengerusi, walaupun kita masih menyaksikan pertumbuhan ekonomi di negara ini, kita sangat memerlukan para pakar untuk melangkah ke tahap negara yang maju. Saya pernah membangkitkan dari masa ke semasa mengenai betapa kurangnya para pakar yang terdapat di negara ini. Adalah dianggarkan bahawa pada tahun 2020 kita berkehendakkan hampir satu juta saintis, jurutera dan lain-lain profesional. Tetapi yang ada sekarang ini cuma mungkin tidak sampai 30,000 orang.

Tuan Pengerusi, setiap tahun kita boleh melatih pelajar-pelajar universiti dan institusi pengajian tinggi yang lain untuk menjadi pakar saintis dan jurutera. Di Malaysia nampaknya setiap tahun kita hanya dapat mengambil 26,000 orang sahaja untuk menjadi bakal saintis dan jurutera berbanding dengan United Kingdom sebanyak 3 juta orang misalnya, Jepun 8.6 juta dan juga Amerika Syarikat, 5.3 juta, tetapi Malaysia, 26,000 sahaja. Macam mana kita boleh mencapai tahap industri yang maju pada tahun 2020? Ini satu masalah yang sangat menyedihkan dan perlu dipertingkatkan kesedaran dan juga usaha untuk mencapai tahap ini.

Walau bagaimanapun, sambil kita menggalakkan pengambilan lebih banyak pelajar jurusan sains dan profesional, kita mesti sentiasa berhati-hati dengan standard di semua institusi yang perlu ditingkatkan agar saintis dan jurutera serta profesional-profesional yang dilatih mencapai tahap dunia.

Kebimbangan kami ialah kerana asyik mengambil bilangan pelajar yang lebih dan walaupun kemudahan-kemudahan dan juga bilik-bilik kuliah yang tidak cukup dan kekurangan sumber manusia, sumber teknikal dan sumber pengajar sangat kurang dan kita mengambil lebih ramai para pelajar untuk dilatih, maka standardnya akan turun.

Sekarang saya nampak gejala-gejala bahawa standard itu tidak ditingkatkan buat masa ini. Ia bukan sahaja tidak ditingkatkan, nampaknya sangat kurang berbanding dengan masa depan. Kalau trend ini berlaku, walaupun kita boleh mengeluarkan lebih banyak pakar-pakar di negara ini, ini tidak akan bermakna dan tidak akan bererti langsung kerana standard mereka rendah dan tidak dapat memberi sumbangan kepada negara. Mungkin lain kali kita dapat mengeluarkan saintis-saintis yang tidak mendapat kerja di negara ini - jadi penganggur. Saintis menjadi penganggur! Itulah masalah yang mungkin dihadapi oleh negara ini kalau pihak kerajaan, termasuk Kementerian Pendidikan tidak mengambil perhatian dan tidak prihatin kepada masalah ini.

Tuan Pengerusi, saya sedar pihak Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri mesti menunjukkan prestasinya. Dia sudah menunjukkan prestasi yang cemerlang dengan pengambilan lebih ramai pelajar jurusan sains dan profesional dan dengan keghairahan itu kalau tidak berwaspada akan wujud masalah standard yang kurang.

Tuan Pengerusi, mengenai masalah yang ketiga iaitu kita memang sudahpun memperuntukkan dan menggunakan wang yang banyak untuk mengadakan Koridor Raya Multimedia (Multimedia Super Corridor) dan kalau tidak silap saya dianggarkan sebanyak RM100 bilion peruntukan akan digunakan untuk mewujudkan MSC ini.

Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan bahawa kita mesti adakan teknologi yang canggih dan kita mesti adakan kemudahan-kemudahan seperti sistem fiber optik yang akan diadakan di Putrajaya dan juga kita mesti menggunakan Industrial Park yang baru-baru ini dilancarkan selepas 8 tahun. Selepas 8 tahun baru sahaja dilancarkan! Baik jugalah kerana dilancarkan juga selepas 8 tahun lewat - melengah-lengah. Saya berharap tidak akan timbul masalah berlengah-lengah untuk 8 tahun hadapan sebelum Fasa II dan III disiapkan untuk beroperasi. Baru-baru ini MIMOS atau

JARING sudahpun berusaha untuk berpindah kepada Industrial Park.

Walau bagaimanapun, di dalam usaha untuk mengadakan kemudahan-kemudahan seperti fiber optik dan sebagainya, apakah terjadi dengan peraturan dan undang-undang yang ada sekarang ini? Bukan sahaja untuk negara ini, bahkan juga untuk seberang laut. Kerana dengan wujudnya sistem multimedia di Malaysia ini, memang orang di luar Malaysia akan menggunakan kemudahan telekomunikasi, teleconferencing dan sebagainya ini dan untuk maklumat daripada MSC di Malaysia yang saya berharap dapat menjadi satu pusat untuk rantau ini.

Tetapi macam mana kita dapat kawal kerana bagi setiap aktiviti untuk teknologi yang moden ini, kita masih tidak mempunyai kepakaran untuk mengawalseliakan semua aktiviti. Adakah pihak kerajaan sudah menggubal rang undang-undang yang cukup menghadapi cabaran dan peralihan perubahan ini?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta gulung, ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang, memang boleh. Sebab Multimedia Super Corridor ini memang memerlukan banyak perkara yang perlu diselesaikan dan perundangan merupakan salah satu perkara yang penting. Pihak Yang Berhormat Menteri pun pernah menyebutkan hal mengenai peraturan dan undang-undang, tetapi nampaknya tindakan seterusnya mungkin belum diambil untuk menyelesaikan masalah perundangan di negara ini.

Tuan Pengerusi, akhirnya, apabila kita adakan kemudahan-kemudahan seperti ini, bukan sahaja ia digunakan di negara ini, bahkan juga digunakan oleh orang-orang di luar negara kita dan bila diadakan ini, apakah kaedah mekanisme yang diadakan oleh pihak kerajaan untuk memastikan tidak ada penyalahgunaan ataupun memastikan mereka bayar kepada kita kerana kita wujudkan satu kemudahan yang digunakan oleh pihak luar ataupun pihak orang Malaysia sendiri? Apakah, saya ulangi, Tuan Pengerusi, mekanisme dan kaedah yang akan diadakan termasuk undang-undang untuk menyelesaikan masalah penggunaan kemudahan yang akan disiapkan kelak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sri Aman, lepas itu Tuan, lepas itu Menteri menjawab ya.

### 5.11 ptg.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Kepada B.46, Butiran 040000 - Pemuliharaan, Pelesenan dan Kawalan Alam Sekitar Program 04000, 00300, 00400 dan juga Program 020200 - Perkhidmatan Kaji cuaca.

Tugas Jabatan Alam Sekitar ialah mencegah, mengawal dan memperbaiki keadaan kualiti alam sekeliling bagi faedah rakyat selaras dengan matlamat mencapai taraf kesihatan, kesejahteraan, keselamatan serta kualiti hidup rakyat yang lebih tinggi.

Tuan Pengerusi, pada masa sekarang, sebahagian besar penduduk bandar Kuching mendapat air minuman mereka daripada Sungai Sarawak di Batu Kitang, penduduk Sri Aman dari Sungai Unduk di Sungai Pinggai, di Murudi dari Sungai Baram. Semua sungai ini sentiasa kotor, begitu banyak kampung dan rumah panjang yang terletak di tepi sungai-sungai ini. Warna sungai-sungai ini sentiasa kuning kerana lumpur. Saya ingin tahu apakah rancangan Kementerian untuk menjaga kualiti hidup dan keselamatan manusia yang menggunakan air di semua kawasan ini?

Oleh kerana ramai kaum Dayak tinggal di pedalaman, kadang-kadang rumah panjang mereka diliputi kawasan konsesi balak ataupun kawasan tadahan air minuman mereka termasuk dalam konsesi itu. Perkara ini sungguh menyusahkan mereka oleh kerana mereka tidak ada air minuman. Saya minta Jabatan ini memberi jaminan atau mengisytiharkan di atas pertimbangan peri kemanusiaan, semua kawasan tadahan tidak boleh dibalak walaupun ia dalam kawasan konsesi balak.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh aktiviti Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara. Saya bercadang supaya kawasan Taman Negara, Reserve dan Sanctuary Hidupan Liar ditambah atau diperbanyakkan untuk memelihara spesies ekosistem kawasan-kawasan unik di dalamnya untuk tujuan penyelidikan, nilai-nilai ekonomi, estetik, rekreasi dan fungsi-fungsi ecology. Saya juga bercadang kajian dibuat supaya kawasan-kawasan seperti ini ditempatkan berhampiran dengan bandar-bandar besar di Malaysia supaya anak-anak muda kita dapat melihat dan menghargai khazanah semula jadi mereka.

Kawasan-kawasan seperti ini juga dapat menjadi, dengan izin, green lung kepada kota-kota atau bandar-bandar kita yang sentiasa tercemar. Saya juga bercadang pengawalseliaan yang ketat dikenakan dalam kawasan-kawasan seperti ini. Pada masa sekarang, kita difahamkan begitu ramai orang yang dapat pergi ke kawasan-kawasan ini untuk memburu binatang dan mencari ikan. Yang lebih dahsyat, kita juga difahamkan warden-warden di Taman Negara mengambil bahagian dalam pembunuhan binatang-binatang ataupun burung-burung yang di bawah jagaan mereka.

Saya juga minta pihak Kementerian bercadang menubuhkan zoo di Sarawak dan di Sabah sebagai tambahan kepada Zoo Negara untuk mempamerkan kehidupan-kehidupan yang ada di negara kita dan juga sebagai pendidikan kepada generasi baru kita dan sebagai tarikan pelancong. Saya juga minta Kementerian membantu memastikan Zoo Negara kita adalah zoo yang bertaraf dunia oleh kerana begitu banyak yang kita dapat pameran dan sumbangkan kepada dunia yang sudah menjadi global village ini.

Saya juga minta Kementerian membuat kajian, kalau boleh, dengan Kementerian Pertanian terhadap pembiakan binatang-binatang ataupun burung-burung ataupun kehidupan yang lain yang hampir pupus oleh kerana terlalu berharga seperti badak. Jika kita dapat menjalankan program ini dengan berjaya, kita bukan hanya menentukan binatang tidak akan pupus tetapi dapat menubuhkan satu industri penternakan badak yang bernilai berbilion ringgit oleh kerana dari hujung ekor hingga hujung mulut badak, sangat berharga dan digunakan oleh rakyat berketurunan Tionghua dan orang Timur yang begitu ramai di dunia ini.

Menyentuh tentang perkhidmatan kaji cuaca. Adakah Kementerian kita ini cukup fokus dan saya juga ingin bertanya kepada Kementerian adakah jabatan ini perlu dan adakah peruntukan yang diberi itu cukup ataupun melebihi? Dan saya juga ingin tahu adakah kaedah ataupun pendekatan yang diguna itu betul? Pada masa sekarang, Tuan Pengerusi, kita ada menerima maklumat yang terkini dari CNN dan apabila kita menelefon Jabatan Kaji Cuaca, apabila orang ramai hendak membubuh simen kepada bangunan-bangunan, mereka bertanya kepada Jabatan Kaji Cuaca, macam mana? Adakah

hujan akan turun dan mereka mengatakan mereka tidak tahu.

Jadi, kalaulah begitu, Tuan Pengerusi, kalau pegawai-pegawai kita tidak begitu yakin, jadi saya bercadang lebih baik kita minta ataupun membeli maklumat dari Biro Kaji Cuaca yang mengeluarkan maklumat yang boleh menyakinkan kita ataupun kita tidak beli langsung oleh kerana kita ada CNN ataupun kita ada kementerian lain yang boleh memberi kita perkhidmatan yang seperti ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Jadi, Tuan Pengerusi, saya harap kementerian dapat memberi jawapan kepada ini. Dengan itu saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tuan, selepas itu kementerian diminta jawab.

5.18 ptg.

**Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian untuk membahaskan peruntukan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Maksud Bekalan 46, saya akan membahaskan sekali gus mengenai beberapa perkara di dalam kementerian ini.

Yang pertama, saya ingin menyentuh mengenai Pemuliharaan dan Pengurusan Alam Sekitar. Tuan Pengerusi, pemuliharaan dan pengurusan alam sekitar di negara kita ini memang semakin menjadi rumit oleh kerana banyak perkara yang perlu diambil kira iaitu dari segi keinginan kita untuk maju di dalam bidang perindustrian tetapi di samping itu kita tidak boleh abaikan keperluan pemuliharaan dan pengurusan alam sekitar kita supaya kita tidak akan menghadapi masalah seperti yang dihadapi oleh negara-negara perindustrian yang sudah maju dan saya harap pihak kementerian akan mengambil iktibar daripada masalah yang dihadapi oleh negara-negara yang telah maju terlebih awal dalam bidang perindustrian yang telah mengorbankan alam sekitar mereka.

Di dalam konteks ini saya ingin menyentuh mengenai Projek KKIP di kawasan saya yang mana baru minggu lalu, pihak kementerian telah memberi jawapan bahawa Laporan Kajian Kesan Alam Sekitar (EIA) telah pun diluluskan.

Saya minta jaminan daripada kementerian bahawa projek ini tidak akan menjejaskan

kehidupan rakyat tempatan terutama para nelayan yang begitu ramai sekali yang akan mengalami masalah akibat pemotongan bukit-bukit di kawasan ini yang begitu rancak dilakukan walaupun di dalam musim tengkujuh ini. Untuk maklumat pihak kementerian, baru kelmarin saya melawat kawasan ini dan saya nampak bukan sahaja hakisan mengakibatkan kesan buruk terhadap alam sekitar, tetapi ia sudah mulai menenggelamkan banyak jalan raya dan kemungkinan besar pengawasan tidak begitu berkesan di dalam pelaksanaan projek ini.

Persoalannya, kalau di awal-awal lagi pengawalan dan pengurusan alam sekitar tidak dijalankan, saya kurang yakin bagaimanakah pihak kementerian akan mengawal pelaksanaan projek ini kelak di sepanjang pelaksanaannya di masa-masa akan datang. Saya minta jaminan supaya ini akan diberi perhatian khusus oleh kementerian, oleh kerana kalau tidak banyak para pelabur yang telah pun memulakan perniagaan mereka untuk pelancongan di sekitar kawasan ini, iaitu beberapa syarikat perhotelan yang sudah mulai beroperasi, dan sudah tentu bila in full swing, dengan izin, projek ini dijalankan, banyak kesan buruk terhadap pantai yang menjadi aset untuk perindustrian pelancongan yang kini begitu cantik di kawasan persekitaran KKIP ini. Saya tidak begitu faham bagaimanakah pihak kementerian telah memberi kelulusan begitu mudah untuk perancangan yang begitu luas untuk projek ini. Oleh kerana di dalam perindustrian ini bukan sahaja terdapat satu cadangan untuk mengadakan steel mill industry yang begitu besar dan saya difahamkan ia akan mengakibatkan begitu buruk sekali kesan terhadap alam sekitar. Di situ juga ada projek pembangunan sanitary landfill, dengan izin, yang akhirnya dicaj akan mengalirkan ke dalam laut yang mempunyai kesan buruk jangka masa panjang terhadap alam sekitar. Di dalam keadaan begini nanti sudah tentu kehidupan para nelayan persekitaran juga akan terjejas.

Persoalannya, Tuan Pengerusi ialah kita begitu mementingkan pemeliharaan atau perlindungan hidupan liar dan taman negara. Itu kita alu-alukan. Tetapi bagaimanakah dengan kehidupan manusia yang akan terjejas kehidupan mereka akibat perindustrian ini? Bukankah kita perlu membuat perimbangan dan jangan kita mempunyai satu dasar di mana perindustrian itu ditumpukan di dalam satu

kawasan yang akan mengakibatkan kehidupan rakyat terjejas. Di dalam hal ini, saya minta supaya pihak kementerian to make available, dengan izin, laporan EIA untuk projek, semua projek ini supaya pihak rakyat yang terlibat boleh mendapat information, they had the right to know about their future. Tetapi seperti yang dikatakan oleh pihak kementerian harga untuk mendapat laporan ini will be beyond the means of the poor people. Jadi, saya mintalah pihak kementerian supaya memberi naskhah EIA ini dengan percuma kepada rakyat supaya mereka tahu apakah kesan jangka masa panjang terhadap perindustrian ini? Oleh kerana pihak kementerian telah memberi jaminan bahawa tidak ada kesan.

Kita faham bahawa di dalam kita melangkah maju memerlukan pengorbanan. Tetapi pengorbanan itu hendaklah seimbang dengan keperluan hidup mereka yang terlibat. Kita tidak mahu di mana mereka menjadi mangsa, tetapi orang lain mengaut keuntungan. Di samping itu, juga dari segi menyelaraskan mengenai perancangan. Di situ bukan sahaja perhotelan yang ada, tetapi juga tidak jauh daripada tempat ini, tapak bangunan Universiti Malaysia Sabah dan juga ITM berada di situ. Saya minta supaya pihak kementerian beri jaminan bahawa keselesaan hidup para pelajar juga tidak akan terjejas di sepanjang masa nanti.

Saya difahamkan sebenarnya pihak Jabatan Alam Sekitar telah mengesahkan bahawa steelmill industry yang dibina oleh Nusantara Sdn. Bhd. belum pun mengemuka laporan EIA dan mereka baru sahaja telah melantik jurutera perunding untuk membuat kajian feasibility study, dengan izin. Saya minta supaya pihak kementerian jangan meluluskan EIA itu oleh kerana kesannya yang buruk. Saya tidak nampak kenapa pihak kerajaan boleh meluluskan satu lagi steelmill industry, sedangkan Perwaja Steel sudah gagal di dalam pelaksanaannya. Jadi, apakah justifikasinya, apakah assurancinya bahawa steelmill industry ini akan berjaya di Sabah pula?

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah rasional bila kerajaan negeri memperkenalkan satu undang-undang Alam Sekitar baru-baru ini di dalam Dewan Undangan Negeri, sedangkan kita sudah ada undang-undang di peringkat kebangsaan mengenai kawalan ini. Adakah kerajaan negeri mempunyai kuasa sendiri yang boleh overlap-

ping dengan kuasa kementerian atau adakah ini bertujuan supaya pihak kementerian tidak akan tahu tentang pengawasan alam sekitar di peringkat negeri.

Saya harap pihak kementerian akan memperketatkan kawalan di dalam segala pelesenan untuk semua kegiatan yang akan mempunyai kesan terhadap alam sekitar bukan sahaja di Sabah, tetapi di seluruh negara oleh kerana kita tidak mahu di dalam keghairahan kita menuntut kemajuan terutama untuk mencapai Wawasan 2020, tetapi kita akan mengorbankan alam sekitar kita. Kita harus ingat bahawa alam sekitar kita juga adalah satu asset perindustrian, kalau bukan yang sama-sama terbesar di peringkat antarabangsa dalam konteks perindustrian pelancongan, tetapi juga yang terbesar bilangannya, iaitu di tempat yang kedua terbesar dalam negara kita.

Jadi, kita harus mengambil kira alam sekitar ini, jangan kita hanya mementingkan perindustrian yang akhirnya boleh memburukkan lagi keadaan kehidupan masyarakat kita dan juga alam sekitar.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Pengerusi, saya akan gulung. Jadi, di dalam konteks pengawasan, pemuliharaan dan pelesenan dan kawalan alam sekitar ini, saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian mengambil lebih banyak kakitangan yang berkelayakan dan betul-betul tahu untuk menilai laporan-laporan EIA itu supaya laporan-laporan itu betul-betul akan membantu kementerian untuk melindungi alam sekitar dalam menjalankan tugasnya dengan sewajarnya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Menteri di minta menjawab.

5.33 ptg.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Heing Ding]:** Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1997 berkaitan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa anggaran peruntukan Belanjawan tahun 1997 bagi Kementerian

Sains, Teknologi dan Alam Sekitar adalah sebanyak RM833 juta. Anggaran peruntukan ini adalah perlu di luluskan untuk membolehkan kementerian ini bergerak ke arah mencapai matlamat kerajaan untuk memperkukuhkan sains dan teknologi, meningkatkan penyelidikan dan pembangunan dan memperbaiki pengurusannya. Sesuai dengan ciri-ciri kerja ini, pandangan serta nasihat Ahli-ahli Yang Berhormat adalah diperlukan. Segala pandangan bernas dari Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan diambil perhatian dan akan diteliti dengan sehalus-halusnya sebelum dapat dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, sebanyak 11 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian di atas perbahasan ini, izinkan saya memberi penjelasan seberapa yang boleh terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bintulu telah membangkitkan mengenai kilang aluminium. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, setakat ini kementerian saya belum menerima permohonan daripada kilang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai EIA nya. Saya ingin memberi penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat, bukan sahaja parti Ahli Yang Berhormat, parti Barisan Nasional juga memang mengambil serius ke atas perkara ini dan kita akan mementingkan kepentingan kesihatan orang ramai, khasnya penduduk-penduduk di kawasan itu sebelum kita meluluskan permohonan EIA itu.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, prosedur EIA itu adalah tertakluk kepada prosedur-prosedur yang ditetapkan di bawah peraturan-peraturan yang telah sedia ada dan saya berharap Ahli Yang Berhormat menunggu jikalau ada permohonan yang dikemukakan kepada kementerian saya dan prosedur ini akan diikuti. Ahli Yang Berhormat boleh mengambil atau mengemukakan pandangan untuk dipertimbangkan oleh jawatankuasa atau penal-penal.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah telah mengemukakan kilang Rare Earth ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan Negeri Perak sudah mengambil tindakan dan juga bekerjasama dengan kementerian saya, melalui Malaysian

Institute of Nuclear Technology Research (MINT) dan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (APTM) bersama-sama telah mengambil tindakan dan langkah yang diperlukan untuk menyediakan satu tapak untuk menyimpan sisa-sisa itu dan kerja ini adalah di peringkat terakhir. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat itu telahpun berhenti dan sedang menjalani decommissioning process dalam perjalanannya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Batang Lepar telah membangkitkan masalah mengenai sisa toksid. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memanglah menjadi hasrat kerajaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan untuk kegunaan pihak industri. Seperti yang kita sedia maklum, satu syarikat namanya Kualiti Alam sedang dalam pembinaan di Bukit Nanas, Negeri Sembilan dan dengan siapnya nanti, kesemuanya sisa-sisa ini akan dihantar ke sana untuk diuji dan juga untuk di luskan di tapak itu. Kita juga sedang dalam kajian untuk mendapatkan tapak-tapak di beberapa tempat atau negeri, umpamanya di Pantai Timur atau di Semenanjung Utara dan Selatan untuk mengenalpasti tapak-tapak untuk stesen pindahan selepas pembinaan kilang di Bukit Nanas itu disiapkan nanti.

Ahli Yang Berhormat juga ada membangkitkan mengenai hukuman. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, hukuman atau penalti telah ditambah selepas pindaan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dan saya harap dengan adanya tambahan penalti, ini akan menjadi satu halangan kepada orang-orang yang berniat untuk melakukan kesalahan itu.

Mengenai sumber manusia, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang membuat cadangan untuk menambah bilangan sumber manusia ini. Ini memang diperlukan dari masa kesemasa dan oleh kerana Malaysia adalah sebuah negara yang membangun, kita memang sentiasa berhati-hati menjaga negara kita supaya tidak mengulangi apa yang terjadi kepada negara-negara yang telah membangun atau telah maju.

Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan masalah pembuangan najis ke dalam sungai. Oleh kerana perkara ini, memang mengambil perhatian serius oleh kementerian, oleh kerana perkara ini melibatkan beberapa agensi seperti kerajaan tempatan dan juga kerajaan negeri dan

tertakluk kepada peraturan ataupun undang-undang masing-masing. Memang dari segi Jabatan Alam Sekitar, memanglah Jabatan Alam Sekitar itu mengambil pandangan serius ke atas perkara ini dan kita akan memberi nasihat kepada agensi yang berkenaan untuk membetulkannya.

Ahli Yang Berhormat dari Lanang, saya ucapkan terima kasih di atas sokongan Ahli Yang Berhormat ke atas belanjawan ini. Ahli Yang Berhormat itu telah membangkitkan beberapa masalah yang salah satunya ialah mengenai Jaring dan kesusahan mendapat talian. Perkara seperti ini bukan sahaja berlaku di negara kita ini, tetapi ini juga berlaku di seluruh dunia dan juga tertakluk kepada masanya. Jikalau macam trafik jalan raya juga, di masa awal pagi atau selepas kerja memanglah perkara lalu lintas atau talian itu agak sukar untuk mendapatkannya. Memang pihak MIMOS dan juga Telekom sentiasa mengadakan perbincangan dan rundingan dan membuat kajian bagaimana masalah ini boleh diatasi dengan seboleh-bolehnya.

Tuan Pengerusi, mengenai masalah Nusantara Steelmill di kawasan KKIP itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti Ahli Yang Berhormat dari Tuaran telah memberi jawapan, sejauh pengetahuan kementerian, EIA itu belum lagi diterima atau memang kementerian saya akan membuat pertimbangan yang seriusnya dan selepas EIA diterima, kita akan mengikuti prosedur yang ditetapkan dalam peraturan itu dan masa itu Ahli Yang Berhormat boleh memberi pandangan jikalau ada.

Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan satu perkara mengenai Kerajaan Negeri Sabah meluluskan satu undang-undang berkaitan dengan konservasi alam sekitar.

**Tuan Yunof Edward Marinking:**  
[Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:**  
Yang Berhormat, Tuaran bangun.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Tuan Pengerusi, sebelum Yang Berhormat Datuk Menteri berpindah kepada perkara lain dalam jawapan beliau, saya ingin meminta kepastian dari Yang Berhormat mengenai laporan EIA untuk KKIP keseluruhannya dan juga lain-lain laporan projek yang sedang dirancang di sekitar kawasan itu, sama ada Yang Berhormat

boleh memberi pertimbangan untuk memberikan kepada saya sebagai Wakil Rakyat di Tuaran atau di persekitaran untuk mendapat satu naskhah laporan penuh untuk KKIP ini memandangkan ini perlu bagi saya untuk memberi nasihat kepada penduduk tentang pelaksanaan KKIP ini kelak.

Yang kedua, ialah mengenai undang-undang alam sekitar yang dikemukakan dalam Dewan Undangan Negeri Sabah yang lalu, adakah pihak kementerian masih mempunyai kuasa untuk mengawalselia kelulusan EIA untuk Nusantara Steelmill nanti. Jadi, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Datuk. Terima kasih.

**Datuk Law Hieng Ding:** Tuan Pengerusi, mengenai Nusantara Steelmill ini, EIA ini seperti yang telah katakan mengikut prosedurnya sebelum ianya dipamerkan di beberapa tempat seperti perpustakaan (public library) dan juga tempat awam yang lain, boleh juga jikalau Ahli Yang Berhormat berminat untuk membelinya dan boleh menghubungi dengan pencadang itu atau melalui jabatan itu. Ini memang tertakluk kepada sipemohon itu, ia akan menentukan harganya, ini bukan ditentukan oleh Jabatan Alam Sekitar atau oleh saya.

Tuan Pengerusi, mengenai satu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu ialah mengenai satu undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sabah. Tindakan ini adalah dibuat di atas anggapan Kerajaan Negeri Sabah bahawa kuasa atas perkara sumber asli adalah di bawah bidang kerajaan negeri.

Oleh kerana perkara yang sama ini telah dibawa ke hadapan mahkamah dan masih lagi dalam kes berkaitan dengan proses Bakun dan masih dalam perbincangan. Saya tidak ingin mengulas dengan lebih lanjut atas perkara itu buat masa ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bandau juga membuat rayuan untuk membina sebuah taman teknologi di Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah menerima banyak permohonan dari semua peringkat negeri untuk mengadakan taman teknologi dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian saya sedang dalam proses membuat satu dasar atau peraturan atau garis panduan bagaimana Kerajaan Pusat boleh

membantu kerajaan-kerajaan negeri untuk mendapat atau mendirikan taman teknologi seperti yang wujud di Bukit Gerah dan juga di Kulim itu. Perkara ini masih lagi digubal dan saya berharap masanya akan tiba nanti kerajaan akan mempunyai satu dasar yang lebih jelas untuk diikuti oleh kerajaan negeri.

Untuk sementara waktu, saya harap kerajaan negeri pun boleh membuat kajian ke atas perlunya atau kesesuaiannya diadakan satu taman teknologi seperti yang dicadangkan itu.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai kadar bayaran bagi pelajar yang dimaklumkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah kadar yang lama. Mulai 1hb. November tahun ini, kadar bayaran baru telah bermula dan yang lebih rendah dan fleksibel dan kadar bayaran Internet di Malaysia sekarang ini boleh dikatakan adalah di antara bayaran yang minimum di dunia ini. Bagi yuran pendaftaran pelajar adalah sebanyak RM25 dan dengan Opsyen A - kegunaan berdasarkan masa adalah satu sen seminit dengan bayaran minimum RM50.

Tuan Pengerusi, saya telah menjawab mengenai kesusahan talian iaitu kerana 'peak hours'. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan beberapa perkara yang boleh dianggap penting untuk negara kita dan sangat berguna. Saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara mengenai teknologi angkasa dan juga ...

**Tuan Yeong Chee Wah:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Datuk Law Hieng Ding:** ...teknologi satelit dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Batu Gajah bangun.

**Tuan Yeong Chee Wah:** Tuan Pengerusi, saya ingin minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai masalah yang saya timbulkan petang ini iaitu Asian Rare Earth. Saya difahamkan bahawa, walau bagaimanapun, kilang itu telah ditutup, telah berhenti bussiness tetapi ada lagi banyak sisa-sisa toksid iaitu torium yang masih terletak di dalam kilang itu. Saya ingin mendapat penjelasan, siapa bertanggungjawab untuk

menghapuskan semua sisa-sisa toksid itu, pihak kerajaan negeri atau pihak pengurusan kilang atau pihak kementerian Yang Berhormat Menteri?

Oleh sebab sekarang, kilang itu telah berhenti dan mungkin bussiness sudah berhenti, siapa yang bertanggungjawab untuk menghapuskan semua sisa-sisa toksid? Sekian, terima kasih.

**Datuk Law Hieng Ding:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan negeri akhirnya akan mengambil tanggungjawab dan setelah ditubuhkan satu tabung yang diwujudkan dengan sumbangan dari pihak kilang, kalau tidak silap saya jumlahnya sebanyak hampir RM4 juta akan disumbangkan oleh pihak kilang itu untuk pengurusan atau menjaga pelupusan sisa-sisa itu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tambun, saya minta maaf ya, saya belum sampai Tanjong, Tambun dahulu. Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tambun yang telah membangkitkan mengenai bioteknologi. Ini adalah satu perkara yang penting, ini adalah juga satu teknologi untuk abad 21 dan potensi pasarannya adalah besar. Kementerian saya memang memberi perhatian serius terhadap perkara ini untuk membangunkan bioteknologi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dengan perhatian kerajaan satu taman teknologi telah dicadangkan di negeri Sarawak yang dipanggil Taman Bioteknologi yang sedang diusahakan, kerjasama dengan kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat. Saya ucap terima kasih di atas cadangan dan perhatian yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Tambun.

Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan alam sekitar. Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan satu kes Kilang Ching Lang Sing di Ipoh. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini saya akan memberi arahan kepada pihak Jabatan Alam Sekitar untuk menjalankan siasatan. Dengan adanya maklumat, kes itu akan diambil tindakan yang serius jikalau didapati mereka telah melakukan kesalahan.

Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan, memotong bukit dan sebagainya oleh Syarikat Sunway. Ini memang kementerian saya, Jabatan

Alam Sekitar memang memandang serius perkara ini. Oleh kerana ada hadnya kuasa oleh Jabatan Alam Sekitar, oleh kerana ini adalah berkaitan dengan sumber asli, ia melibatkan kerajaan negeri. Kementerian saya melalui Jabatan Alam Sekitar memang sentiasa memberi nasihat atau meminta perhatian daripada pihak kerajaan negeri untuk meletakkan syarat-syarat sebelum apa-apa permohonan diluluskan untuk dijalankan.

Dan juga saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, harap S&T diberi hadiah yang lebih berat dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian saya sentiasa bekerjasama dengan erat dengan Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah ini. Saya meminta, merayu kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk memberi kerjasama dan sokongan ke atas usaha kerajaan atas perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara. Yang pertamanya, mengenai teknologi angkasa. Ini adalah sama juga mengenai teknologi satelit. Walaupun, Malaysia baru sahaja, pada petang ini ada satu soalan baru sahaja dijawab. Soalan hari ini adalah soalan nombor 10 yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang untuk meminta Perdana Menteri menyatakan negara kita dijangka menghasilkan satelit komersial menjelang tahun 2000 dengan kerjasama teknologi angkasa lepas Malaysia-Britain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia adalah melalui kementerian saya dan satu jawatankuasa telah ditubuhkan, melibatkan bukan sahaja jabatan kerajaan tetapi juga pihak swasta untuk melancarkan satu mikro satelit sendiri dalam tahun hadapan. Kerja-kerja ini sedang dijalankan dan beberapa saintis telah dihantar untuk dilatih dan bekerjasama di Universiti Surrey. Jikalau semua ini boleh berjalan dengan lancarnya, saya berharap mikro satelit ini akan dilancarkan. Kos yang terlibat adalah sebanyak RM34 juta.

Walaupun Malaysia ada sedikit lambat jikalau dibanding dengan negara-negara lain, seperti Indonesia, ini tidak bererti Malaysia akan ketinggalan jauh dalam bidang ini. Saya harap dengan kerjasama, dengan usaha dan semangat keusahawan orang Malaysia ini, saya yakin Malaysia boleh mengatasi masalah masa itu.

Ahli Yang Berhormat juga menimbulkan.....

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai mikro satelit yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri, di mana saya tadi ada bertanya, bukankah benar bahawa kita menghadapi masalah untuk mendapatkan satu slot untuk melancarkan mikrosatelit ini di tahun depan, 1997 dan mungkin perlu menunggu sehingga tahun 1999 baru boleh dilancarkan mikrosatelit itu? Dan kalau begitu, bererti bahawa dua tahun akan hilang, yang boleh digunakan sebagai 'learning time' untuk satu teknologi yang begitu strategik dan kritikal. Apa usaha dibuat supaya mikrosatelit ini, yang kita dapati tentu boleh disiapkan di tahun depan, boleh dilancarkan di tahun depan bukan sehingga 1999?

**Datuk Law Hieng Ding:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat, memang benar bahawa slot pelancaran oleh Aerial Space, hanya boleh diperolehi pada tahun 1998/1999, itu benar. Tetapi buat masa ini, perundingan untuk mikro satelit dilancarkan oleh roket jenis Rusia - Rusia Space Agency sedang dijalankan dengan kos RM2.5 juta. Pelancarannya dijangkakan pada September 1997. Ahli Yang Berhormat juga.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Menteri, ada usul. Tunggu sekejap Yang Berhormat.

*Majlis bersidang sebagai Majlis Mesyuarat.*

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

*Perbahasan disambung semula.*

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Menteri diminta sambung.

**Datuk Law Hieng Ding:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya cuba memberi jawapan yang secepat mungkin. Kesemua perkara ini saya anggap adalah penting, saya ingin mengambil kesempatan ini memberi penjelasan yang seboleh-bolehnya.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga membangkitkan, bolehkah kita menubuhkan satu kajian kemungkinan spaceport untuk pelancaran di negeri Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat itu, sebenarnya saya sendiri pun membuat kajian atau cadangan untuk kajian kemungkinan bukan sahaja di Sabah, tetapi di Sarawak juga. Setakat ini nampaknya susah sedikit oleh kerana negara kita adalah negara kecil. Saya sendiri membuat lawatan ke negara Afrika Selatan, saya dapati oleh kerana tempatnya adalah sangat sesuai ataupun mengambil kawasan yang besar, tetapi penduduk-penduduk tinggal berhampiran dengan kawasan itu. Jadi perkara itu masih dalam kajian. Tetapi kemungkinan itu nampaknya agak rumit sedikit dan kita belum membuat keputusan terakhir. Jadi, saya mengucapkan terima kasihlah kepada cadangan Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Adakah benar bahawa ada minat sektor swasta dalam perkara ini ialah satu spaceport mengenai pelancaran satelit-satelit di Malaysia? Adakah perbincangan selanjutnya diadakan dalam perkara ini?

**Datuk Law Hieng Ding:** Ya, untuk

makluman Ahli Yang Berhormat semua pelancaran ini memang dikuasai oleh kuasa-kuasa besar khasnya Amerika Syarikat. Kalau kita ingin membangunkan spaceport ini - ini bukan satu perkara yang senang, oleh kerana ini akan melibatkan perbelanjaan yang besar dan keuntungannya adalah mengambil masa yang panjang. Oleh sebab itu, perkara ini masih dalam kajian dengan telitinya.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga membangkitkan mengenai masalah Internet. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selain apa yang saya jawabkan dan juga ada tambahan di sini, mengenai masalah kesesakan dalam Internet adalah dialami di seluruh dunia kerana perkembangan yang cepat oleh pengguna Internet.

Cadangan Ahli Yang Berhormat adalah baik, pihak MIMOS sedang mengkaji penggunaan satelit terutama dari segi kos operasi. Bagaimanapun, pihak MIMOS akan meningkatkan kelajuan tulang belakang (backbone) rangkaian kebangsaan, kelajuan yang lebih dari 2 megabit yang ada sekarang. Terdapat 3 talian antarabangsa yang jumlah kelajuan 5.5 megabit, satu talian baru 2 megabit ke Jepun akan dipasang dalam bulan ini, peningkatan kelajuan yang lebih tinggi akan dilaksanakan dalam suku tahun pertama 1997.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak MIMOS sedang merancang beberapa program promosi mengenai Internet yang akan dilaksanakan secara berperingkat. Pengguna Jaring MIMOS buat masa ini melebihi 50,000. Statistik bagi pajakan pengguna dalam negeri boleh diberi secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Yang Berhormat kata bahawa jumlah bilangan pengguna-pengguna Internet atau subscribers Jaring ialah 50,000 orang. Bukankah ini menunjukkan bahawa dalam beberapa bulan ini adalah satu kelambatan atau slow down yang sangat serius dalam pertambahan pelanggan-pelanggan Jaring?

Pada tahun lalu ada mencatatkan pertambahan 23% setiap bulan dan masa itu dalam jangkaan MIMOS, mereka jangka pada akhir tahun ini akan sampai lebih daripada 100,000 pelanggan-pelanggan Jaring. Tetapi

sekarang kita baru dapat 50,000, bukankah ini menunjukkan bukan sahaja satu slow down yang serius, yang menunjukkan infrastruktur IT tidak cukup, tetapi mungkin masalah yang lain sama ada mengenai talian trafik Internet atau kos-kos Jaring dan menggunakan Internet. Bukankah perlu ada satu kajian yang menyeluruh kenapa target yang dijangkakan di tahun lalu tidak dicapai?

**Datuk Law Hieng Ding:** Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Cadangan Yang Berhormat itu adalah baik, memanglah kementerian akan menjalankan satu kajian untuk mencari sebab-sebabnya dan akan diberitahu kepada Ahli Yang Berhormat jikalau Yang Berhormat berminat untuk mengetahuinya.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera telah membangkitkan perkara-perkara.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang akhir, sebelum Menteri mengalih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya pernah membuat satu cadangan khasnya mengenai untuk menggalakkan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah untuk menggunakan Internet bahawa semua sekolah-sekolah diberi akses dan perkhidmatan Internet yang percuma, khasnya daripada segi bil telefon tentulah sangat tinggi, di mana ada satu peraturan iaitu syarikat-syarikat telecommunications memikul tanggungjawab ini. Sebagai satu contribution social dan pendidikan mereka, bukankah ini satu usaha yang boleh dijalankan supaya semua sekolah-sekolah dengan bebas boleh menggunakan Internet, oleh kerana kalau bil telefon yang sangat tinggi tentu sekolah-sekolah akan menyekat penggunaan Internet oleh pelajar-pelajar dan supaya telecommunication company yang membuat untung berpuluh-puluh juta ringgit dapat membuat satu contribution social dan pendidikan - free Internet kepada semua sekolah?

**Datuk Law Hieng Ding:** Cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu, saya tidak boleh memberi satu jawapan yang tepat di sini, ini adalah satu saranan yang boleh dipertimbangkan dan akan dikemukakan perkara ini untuk dirundingkan di antara syarikat-syarikat telekom atau telekomunikasi itu akan boleh ditimbang atau tidak, barulah kita mengetahui apa hasilnya.

Satu perkara saya ingin mengambil kesempatan ini, tadi Yang Berhormat ada

membangkitkan NITC yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah sangat bersikap terbuka, siapa pun yang mempunyai cadangan atau kritik mengenai perkara itu bolehlah mengemukakan perkara itu kepada NITC itu untuk ditimbang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di dalam Kabinet juga ada cadangan dari Yang Amat Berhormat, beliau sentiasa mengingatkan kita, janganlah tengok ini cadangan dari saya, semua setuju. Boleh ditolak juga. Tidak pernah dalam mesyuarat Kabinet pernah juga menolak cadangan dari Yang Amat Berhormat, kertas kerja dari Yang Amat Berhormat. Ini pernah berlaku dalam Kabinet.

Ini menunjukkan sikap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, oleh sebab itulah jadikan Malaysia pemimpin di dunia sebagai negara contoh untuk negara-negara membangun oleh kerana kita mempunyai seorang pemimpin seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

**Tuan Lim Kit Siang:** Alasan saya menerima penjelasan Yang Berhormat Menteri bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bersikap sangat terbuka, sangat toleran dan ada kata dalam Kabinet, cadangan diapun boleh ditolak - ada berlaku. Sungguhpun saya mahu dengar kalau bolehlah sama ada pernah berlaku cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah ditolak, itu hal yang lain. Saya bukan tentang bahawa peranan yang dimainkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bidang IT, tidak.

Tetapi saya rasa oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi pengerusi NITC, satu badan advisory kepada kerajaan mengenai apa yang patut menjadi dasar IT. Tentu ada timbul satu anomali oleh kerana tentulah sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata sangat bebas tentu ada rasa restriction, sekatan khasnya oleh kakitangan-kakitangan kerajaan kalau memberi pandangan, kalau mereka ada pandangan yang tidak selaras dengan apa yang dianggap sebagai main stream view. Itu yang pertama.

Kedua, apabila NITC membuat laporan kepada Kabinet sebagai cadangan apa yang

patut menjadi IT Policy atau IT Action Plan, itulah satu cadangan daripada NITC kepada Kabinet tentulah sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sangat bebas tetapi itu merupakan bukan satu laporan, satu badan advisory sahaja tetapi laporan daripada satu badan yang ada implementor, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh kerana beliau Pengerusi sebab itu sama ada boleh dan suasana yang bebas timbul masalah.

Bukankah lebih baik untuk mengelakkan anomali-anomali semacam ini boleh diteruskan di mana keadaan di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terus memainkan peranan yang aktif dalam IT, bahawa satu-satu Kabinet komiti beliau menjadi pengerusi dan boleh supervisory, overseer semua badan-badan yang lain tetapi NITC boleh lebih bebas untuk benarkan pandangan-pandangan dikeluarkan.

**Datuk Law Hieng Ding:** Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat jangan terlalu bimbang mengenai perkara ini oleh kerana ini adalah kepentingan untuk negara, bukan untuk kepentingan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sahaja. Memang dia mengambil serius pandangan-pandangan dari semua pihak termasuk saintis, kepakaran pakar dan semua termasuk Ahli Yang Berhormat, kalau ada cadangan boleh di kemukakan kepada jawatankuasa itu. Semua keputusan dibuat setelah mengambil kira dan pertimbangan atau konsultasi yang dibuat dengan telitinya apabila sahaja membuat keputusan. Terima kasih, Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera telah membangkitkan perkara yang berkaitan dengan Pusat Sains Negara, Kementerian saya akan memberi perhatian yang serius dan juga mengambil tindakan untuk memperbaikinya. Oleh kerana baru sahaja Pusat Sains Negara ini dirasmikan memanglah kita akan mungkin mengalami teething problem dan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu kita akan mengambil perhatian dan apa kebaikan yang boleh dibuat kita akan melakukannya.

Untuk Ahli Yang Berhormat, kos Pusat Sains Negara ialah sebanyak RM110 juta dan juga Ahli Yang Berhormat membangkitkan mengenai kekurangan murid-murid yang mengambil kursus sains. Untuk makluman Yang Berhormat dalam surat khabar hari ini telah menunjukkan dengan usaha kerjasama Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi

yang lain, ratio ini telah meningkat. Ini adalah satu tanda yang baik, saya harap ini akan diteruskan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Wangsa Maju, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas beberapa cadangan yang akan dikaji oleh kerajaan tentang saintis dan saya ingin memaklumkan bahawa satu peruntukan sebanyak RM200 juta telah disediakan di bawah skim ERPA setiap tahun untuk dilaksanakan program di bawah ERPA. Dan juga memang kekurangan saintis ini adalah satu cabaran yang besar dan program ini memang kementerian saya juga telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan pembangunan sumber manusia dalam bidang sains teknologi sebanyak RM300 juta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan kementerian saya sedang menyediakan satu kertas cadangan dan juga kita telah mencadangkan mengadakan satu program kilat untuk boleh menambah saintis-saintis dengan masa yang singkat. Semua ini telah diambil perhatian. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Wangsa Maju.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Walaupun Yang Berhormat telah mengatakan untuk mengadakan satu program yang boleh mempercepatkan pengambilan pelajar untuk menjadi saintis, jurutera dan lain-lain profesional, tetapi saya tidak nampak dari kementerian ini, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sumber Manusia yang memastikan semua pengambilan pelajar-pelajar ini memasuki kursus-kursus yang mempunyai standard yang tinggi. Cuma diambil lebih ramai pelajar, tetapi tidak menghiraukan standard yang saya kawatir akan diturunkan untuk membolehkan lebih ramai orang memasuki bidang-bidang yang diperlukan.

**Datuk Law Hieng Ding:** Ini juga adalah perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengenai tahap bilangan saintis. Memang apa yang dipanggil program kilat itu untuk post graduate dan kita akan mengambil bilangan semaksimum mungkin yang boleh menjalani latihan. Dengan adanya program itu diharapkan tahap bilangan saintis di negara kita ini akan bertambah.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong sudah menimbulkan beberapa perkara yang berkaitan dengan bilangan saintis atau para pelajar di sekolah-sekolah dan sebagainya. Ini sebahagiannya saya sudah jawab dalam jawapan saya dan kementerian saya akan meneruskan usaha kita ke arah itu dengan menambahkan bilangan saintis.

Ahli Yang Berhormat juga menimbulkan mengenai perkara fiber optik ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM600 juta untuk mengadakan satu kilang untuk membuat fiber optik kita sendiri di Taman Teknologi.

Mengenai Taman Teknologi, Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan, walaupun 8 tahun lewat, tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, I think it is better late than never, a lot we can do a better job.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai Cyber Law ini, ia sedang dalam pengubalan dan telah sampai ke satu tahap terakhir dan ia akan dibentangkan dalam Dewan ini tidak lama lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan yang terakhir. Saya memang mengalu-alukan kalau Undang-undang Siber (Cyber Law) ini dapat dibentangkan untuk renungan semua ahli sebab pihak DAP sangat mementingkan masalah ini.

Walau bagaimanapun, adakah Yang Berhormat sedar bahawa di dalam keputusan-keputusan yang diambil oleh pihak kementerian nampaknya keputusan itu dibuat oleh pihak yang tidak begitu mahir di dalam bidang sains dan teknologi. Kerana di negara ini kita mempunyai dua jurusan - jurusan sastera dan jurusan sains.

Kebanyakan pegawai tinggi yang memegang jawatan yang tinggi adalah dari jurusan sastera. Dengan yang demikian, fikiran mereka itu fikiran kesusasteraan, fikiran sastera. Dengan fikiran sastera ini maka mereka tidak dapat membuat keputusan sains, keputusan teknologi! Maklumlah di sini pun ada Ahli-ahli Yang Berhormat dari jurusan sastera tidak berfikir secara sains dan teknologi! Itulah masalah sekarang!

**Seorang Ahli:** Doktor kulit pun tak boleh operation juga!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat hanya boleh soal, tetapi janganlah Yang Berhormat hendak buat ulasan!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini bukan ulasan. Ini mukadimah untuk..... *[Disampuk]* Sebagai satu mukadimah....mukadam untuk menerangkan kepada....*[Disampuk]*

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Rosak bahasa Malaysia!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana rosak bahasa Malaysia pula?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tidak boleh soal dia, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak boleh soal, rosak Dewan ini. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada pegawai-pegawai yang membuat keputusan itu memang mesti memastikan yang membuat keputusan untuk sains dan teknologi itu benar-benar mahir atau berjurusan sains dan teknologi. Itu yang terpenting sekali.

**Datuk Law Hieng Ding:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang mereka semua pandai dan bijak dalam bidang yang berkenaan. Jangan bimbang Ahli Yang Berhormat, walaupun mereka mempunyai latar belakang yang berlainan sedikit, mereka semuanya adalah bijak dan mereka mengetahui apa keputusan penting yang akan dibuat.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sri Aman telah membangkitkan beberapa perkara yang sangat membina. Mengenai kualiti hidupan air di Sarawak itu, saya memang sangat bersimpati dengan masalah akibat kekotoran air di beberapa sungai dan ini kerajaan negeri dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar di negeri Sarawak telah mengambil beberapa langkah untuk mengawalinya.

Selain daripada itu, kerajaan juga telah menyediakan program untuk memberi bekalan air minuman melalui paip sahaja. Dengan adanya program-program ini, masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di luar bandar itu akan diatasi dalam sedikit masa lagi.

Saya mengucapkan terima kasih kepada cadangan Ahli Yang Berhormat dengan

bertambahnya kawasan-kawasan taman untuk dijadikan research centre, khasnya di kawasan berdekatan bandar. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur pun ada satu verging jungle di belakang Hotel Shangri-La atau di bawah KL Tower itu dan saya harap dengan adanya program di dalam rancangan baru atau sebelum apa-apa program dilaksanakan atau pewujudan bandar-bandar baru, kita akan membuat planing dengan melibatkan unsur-unsur yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan untuk menjadikan Zoo Negara ini bertaraf antarabangsa. Oleh kerana Zoo Negara ini sedang diuruskan oleh satu badan NGO, walaupun kerajaan memberi bantuan secara peruntukan, tetapi saya harap kita akan memberi apa-apa nasihat yang boleh kepada mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang di dalam rancangan untuk mendirikan sebuah zoo baru di negara kita ini yang bertaraf antarabangsa. Di atas permintaan Ahli Yang Berhormat untuk mewujudkan sebuah zoo negara di negeri Sarawak, oleh kerana ini adalah perkara perhilitan dan ia adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, kuasa perhilitan ini hanya terhad kepada Semenanjung Malaysia sahaja.

Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan perkara mengenai Jabatan Kaji Cuaca. Memanglah Jabatan Kaji Cuaca ada orang mengatakan ramalannya tidak tepat oleh kerana selalu menggunakan perkataan "Akan hujan di sini dan di sana". Ini memang betul. Tetapi kalau kita hendak mengatakan ramalan yang tepat, kita memang memerlukan peruntukan yang banyak dengan kemudahan-kemudahan yang moden. Hanya dengan wujudnya kemudahan-kemudahan itu, kita boleh mendapat ramalan yang tepat.

Satu perkara penting yang kita ingin memberi perhatian ialah oleh kerana cuaca di kawasan tropika zon panas ini adalah sedikit sukar dibandingkan dengan temperate countries, dengan izin, oleh sebab-sebab sedemikian, ramalan ini mempunyai sedikit masalah. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia adalah sebuah negara yang bernasib baik oleh kerana kita tidak ada gunung berapi, tidak ada gempa bumi, typhoon dan sebagainya.

Orang ramai selalu mengambil ramalan kaji cuaca itu semasa sampainya siaran kaji cuaca itu mereka akan menutup TV itu tetapi di negeri China, yang teramai sekali penontonnya ialah semasa mereka menyiarkan ramalan kaji cuaca. Ini adalah berlainan di negeri-negeri di dunia ini. Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat adalah baik. Kita akan cuba memperbaiki perkhidmatan kaji cuaca itu.

Yang terakhir sekali, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tuaran telah membangkitkan beberapa perkara, ada yang saya sudah jawab, seperti Nusantara Steelmill itu saya sudah jawab dan juga undang-undang baru yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, itu pun saya sudah berikan penjelasan. Hanya ada satu, dua perkara saya ingin, tetapi lambat sedikit, memang menjadi hasrat atau dasar kerajaan walaupun pembangunan industri untuk manfaat manusia adalah penting tetapi dasar kerajaan tidak melupakan pemuliharaan alam sekitarnya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Kita cuba mencapai satu keseimbangan di antara pembangunan dan pemuliharaan alam sekitar dan kerajaan Malaysia sentiasa memegang teguh kepada prinsip ini dan saya harap dengan adanya kawalan alam sekitar negara kita ini akan terpelihara dan kehidupan rakyat Malaysia juga boleh bertambah.

Tuan Pengerusi, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan dan perbincangan Anggaran Belanjawan 1997 bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Sekiranya terdapat sebarang pandangan, teguran atau cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya jawab, saya tetap mengambil perhatian dan meneliti sebelum dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM227,170,300 untuk Maksud B.46 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM227,170,300 untuk Maksud B.46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM606,341,700 untuk Maksud P.46 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM606, 341,700 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1997.

**Maksud B.47 [Jadual] -**

**Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan, 1997] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala Bekalan B.47 dan Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas.

Sebelum itu, ingin saya maklumkan bahawa Dewan ini ada menerima usul dari Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Yang Berhormat, silakan.

## USUL

**Mengurangkan RM10 daripada Emolumen Y.B. Menteri Pengangkutan di bawah Maksud B.47**

6.32 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membentangkan usul tidak percaya ke atas Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dengan memotong gajinya di bawah Peraturan Mesyuarat 66(9)-Majlis Dewan Rakyat adalah dipohon agar Maksud Bekalan 47 Kementerian Pengangkutan Butiran 010000 - Program Perkhidmatan Bantuan, Kod 10000 - Emolumen dipinda dengan mengurangkan gaji Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sebanyak RM10.

Ini adalah kerana Ahli Yang Berhormat dari Labis bukan sahaja boleh digelar sebagai "Raja

Ponteng Malaysia" dan "Raja Cakap Tidak Serupa Bikin" tetapi nama kementeriannya patut ditukar daripada Menteri Pengangkutan kepada Menteri Kemalangan Jalan Raya kerana prestasinya sebagai menteri yang buruk dan tidak bertanggungjawab. Usul tidak percaya adalah berdasarkan kepada tiga sebab utama:

Pertama - Peningkatan kematian jalan raya sebanyak 10% setahun semenjak 1989 di mana kadar kematian meningkat daripada 3,773 orang dalam tahun 1989 kepada 6,130 orang untuk tahun ini dianggarkan menunjukkan kegagalan Kempen Keselamatan Jalan Raya. Jumlah kematian yang besar sebanyak yang dianggarkan 6,130 tahun ini amat membimbangkan dan mengejutkan dan melebihi kematian setahun rakyat Bosnia semasa diserang oleh pengganas Serb. Dalam tempoh empat belas hari kebelakangan ini, sudah ada 215 orang terbunuh dalam kemalangan jalan raya termasuk tiga belas orang pelancong daripada Singapura pada 3hb. Disember di Lebuhraya Seremban - Kuala Lumpur.

Kemalangan pada 3hb. Disember ini telah menjatuhkan imej negara kita sebagai pusat pelancongan dan memberikan gambaran bahawa jalan raya di negara kita adalah "sarang maut" atau dengan izin, death trap. Di samping itu, jumlah kemalangan jalan raya juga meningkat sebanyak 18% untuk tempoh Januari hingga Jun 1996 sebanyak 92,107 kes berbanding dengan 77,874 kes untuk tempoh sama tahun lepas. Ia juga merupakan satu pembaziran wang sebanyak RM34 juta dalam perbelanjaan pengiklanan dari tempoh tahun 1990 hingga 1995 yang diberikan kepada sebuah syarikat tanpa tender terbuka. Malah, Ahli Yang Berhormat dari Labis sendiri mengakui secara terbuka kegagalan peribadinya, kegagalan Kempen Keselamatan Jalan Raya dan kegagalan sasaran kerajaan mengurangkan kadar kemalangan sebanyak 30% menjelang tahun 2,000 dalam dua kenyataan surat khabar pada 11hb. Februari dan 20hb. Jun tahun ini. Memetik kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Labis "Sasaran mengurangkan kadar kemalangan dan kematian adalah, dengan izin, unachievable and totally unrealistic.

Jelas sekali Ahli Yang Berhormat dari Labis mengakui ketidakupayaannya dan ketidakmampuannya menangani krisis kematian

jalan raya yang meningkat. Kalau beliau sendiri tidak bermaya langsung, mengapa pula memberikan tanggungjawab Kementerian Pengangkutan kepada beliau. Adalah lebih baik, beliau ditukarkan kementeriannya kepada Kementerian Kesihatan di mana sekurangnya beliau tidak akan beroperasi dalam keadaan keliru dan berjerebu and he has some ideas of what is happening around him, dengan izin.

Kegagalan Ahli Yang Berhormat dari Labis menjalankan tugasnya sebagai seorang Menteri Pengangkutan dengan bertanggungjawab adalah satu perkara serius hidup atau mati, a matter of life and death, dengan izin, Tuan Pengerusi. Selagi kita serius mengurangkan kadar kematian jalan raya yang membawa kesengsaraan yang tidak terhingga dan kerugian besar kepada negara, kita harus mempunyai seorang menteri yang mempunyai wawasan, dinamik, berkeyakinan dan mempunyai rancangan mengatasinya. Selagi kita mahu membiarkan kadar kematian jalan raya meningkat, kita berpuas hatilah dengan prestasi Ahli Yang Berhormat dari Labis yang kini terkenal dengan gelaran, antara lainya, "Menteri Kemalangan".

Bukan seperti Ahli Yang Berhormat dari Labis yang hanya boleh menghadapinya dengan membelanjakan wang rakyat dengan boros sebanyak RM34 juta untuk iklan yang tidak berguna langsung. Malah, pemberian kontrak kepada syarikat anak emas tanpa tender terbuka memberikan gambaran timbulnya penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Adalah kemungkinan besar Kempen Keselamatan Jalan Raya lebih berkesan dan berjaya jika tender iklan ini diberikan dengan tender terbuka.

Selain daripada itu, prestasi sistem pengangkutan negara yang tidak memuaskan telah merugikan negara. Defisit akaun semasa sebanyak RM15 bilion untuk tahun hadapan disebabkan oleh kekurangan dan kelemahan sistem pengangkutan dan pelabuhan kita sehingga peniaga Malaysia lebih berminat kepada peniaga Malaysia di Singapura. Sistem stor penerbangan awam juga menjadi masalah dengan harga sewa "warehouse" MAS yang tinggi. Pengerusi Air Freight Forwarders Association of Malaysia, Encik Walter Kulas menyatakan dalam satu kenyataan akhbar, harga sewa RM6 hingga RM8 sekaki persegi

berbanding dengan S\$3 sekaki persegi di Singapura yang mempunyai kemudahan yang lebih baik adalah sungguh melampau. Kerugian besar Jabatan Penerbangan Awam RM405 juta dalam tahun 1991 dan mungkin meningkat hampir RM1 bilion sekarang menjadikan JPA insolvent dan bankrap menunjukkan pengurusan kedudukan kewangan Ahli Yang Berhormat dari Labis yang buruk dan tidak bertanggungjawab.

Mengikut Laporan Ketua Audit Negara 1995, setakat tahun 1995 JPA mempunyai baki pinjaman sebanyak RM795 juta, di mana RM555 juta adalah tunggakan pinjaman yang tak dapat dibayar kepada kerajaan.

Sistem LRT juga adalah terlalu mahal. Sungguhpun kerajaan telah memberikan pinjaman mudah sebanyak RM1.5 bilion untuk projek LRT sistem II. Tambang LRT di antara RM2.50 hingga RM3.00 adalah terlalu tinggi dan menyusahkan golongan miskin. Maka Dekan Fakulti UKM, Associate Professor Dr. Mohamad Haji Alias menyatakan dalam satu kenyataan bahawa pembayaran RM5.00 hingga RM6.00 sehari bukanlah satu penyelesaian untuk orang miskin.

Kedua, Yang Berhormat dari Labis mempunyai rekod kehadiran yang paling teruk sekali di kalangan menteri-menteri. Sebanyak 8% di antara tempoh tahun 1990 hingga sekarang. Untuk tahun ini beliau belum menjawab satu soalan pun di Parlimen. Malah sejak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengeluarkan arahan kepada beliau pada 4hb. November, supaya lebih kerap menghadiri Parlimen, Yang Berhormat dari Labis hanya datang dua kali sahaja ke Parlimen. Sungguhpun beliau menyatakan, dengan izin, New Year resolution untuk tahun 1997 adalah lebih kerap menghadiri Parlimen, tetapi beliau masih hilang. Bukan macam Yang Berhormat Timbalan Presiden MCA. Oleh itu, adalah tidak salah kalau Yang Berhormat dari Labis digelar 'Raja Ponteng Malaysia'. Tetapi adalah salah untuk Yang Berhormat dari Labis menyatakan bahawa saya membangkitkan isu rekod kehadirannya sebanyak 8% bukan isu penting.

Kehadiran menteri ke Parlimen adalah isu penting untuk mempertahankan kewibawaan Parlimen dan menegakkan prinsip accountability menteri kepada Parlimen. Beliau mesti juga

mengakui ia adalah satu isu penting dan bukan 'curi ayam' atau ponteng Parlimen untuk merasmikan pembukaan rasmi restoran makanan Ah Kung Eating House Sdn. Bhd. Yang Berhormat dari Labis juga menyatakan bahawa kegagalan beliau menghadiri mesyuarat Parlimen tidak patut menjadi isu kerana beliau ada tugas rasmi sebagai Menteri Pengangkutan. Saya hendak tahu sama ada tugas rasmi seorang Menteri Pengangkutan termasuk merasmikan pembukaan sebuah restoran makanan pada 6hb. November, 1996, iaitu semasa Dewan mesyuarat?

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada yang bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Beliau telah merasmikan pembukaan sebuah restoran makanan di Kuala Lumpur bernama Ah Kung Eating House pada pukul 2.30 petang, iaitu masa Parlimen bermesyuarat. Di sini ada iklannya *[sambil menunjuk surat khabar]* pukul 2.00 hingga pukul 4.00, tak boleh lari, iklan surat khabar. Sungguhpun Parlimen bermesyuarat sampai 6.30 petang, beliau tidak muncul langsung ke Parlimen. Saya tidak tahu bahawa merasmikan pembukaan sebuah restoran makanan adalah lebih penting daripada menghadiri Parlimen. Saya ingin meminta Yang Berhormat dari Labis sama ada beliau telah memberitahu alasan beliau kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, tidak dapat menghadiri Parlimen kerana beliau terpaksa menjalankan "tugas rasmi menteri merasmikan pembukaan sebuah restoran."

Yang Berhormat dari Labis seperti lupa bahawa beliau hanya boleh menjadi menteri kerana beliau memenuhi syarat menjadi ahli Parlimen. Selain daripada elaun bulanan menteri sebanyak RM12,250 sebulan, beliau juga menerima elaun bulanan ahli Parlimen sebanyak RM4,800. Oleh itu, kalau gagal memenuhi tanggungjawab sebagai ahli Parlimen adalah tidak lain daripada Yang Berhormat dari Labis mengambil gaji buta elaun bulanan ahli Parlimen RM4,800 ini. Sebenarnya Tuan Pengerusi, usul memotong gajinya sebanyak RM10.00 adalah terlalu ringan. Beliau sepatutnya memulangkan RM318,000 kepada kerajaan dan pengundinya di Labis. Orang ramai begitu terkejut rekod kehadiran 8%. Beliau yang menunjukkan prestasi kerja yang malas dan mengejutkan.

Untuk mencerminkan prestasi Yang Berhormat dari Labis yang buruk ini, beliau sebenarnya patut menerima hanya 8% daripada elaun bulanan Ahli Parlimen sebanyak RM4,800 ataupun RM384.00 sebulan sepanjang enam tahun kebelakangan ini, bukan RM4,800. Ini bermakna beliau seharusnya memulangkan baki RM4,416.00 sebulan kepada kerajaan dan pengundinya di Labis ataupun semuanya sekali kira RM318,000 sepanjang enam tahun kebelakangan ini kepada kerajaan dan pengundinya di Labis supaya tidak dituduh mengambil gaji buta. Ini yang patut dibuat oleh beliau untuk menebus malu pengundinya mempunyai Ahli Parlimen yang begitu malas seperti ini. Oleh itu, usul saya memotong gajinya sebanyak RM10.00 sebagai mencerminkan usul tidak percaya terhadap prestasi dianggap terlalu ringan...

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:**.....berbanding dengan jumlah RM318,000 yang perlu dipulangkan oleh beliau.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta dia teruskan usul, nanti kita buka untuk perbincangan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Penjelasan sahaja daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya ingin menimbulkan satu persoalan di sini sebelum Yang Berhormat Kota Melaka mengakhiri ucapan, iaitu adakah Yang Berhormat sedar selain dari kegagalan besar kempen Keselamatan Jalan Raya, ada satu kegagalan yang paling teruk juga yang dialami oleh Kementerian Pengangkutan iaitu kini tidak berani lagi disebut Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen atau kementerian pun atau kerajaan pun iaitu mengenai satu kempen kongsi kereta yang merugikan kerajaan dan rakyat Malaysia...

**Seorang Ahli:** Peraturan Dewan.

**Tuan Tan Kok Wai:** .....berjuta-juta ringgit....

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, biar dia habiskan.

**Tuan Tan Kok Wai:**....tetapi sudah terbukti gagal teruk tidak berjaya.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Beliaukah yang berucap atau Yang Berhormat dari Kota Melaka? Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat dari Kota Melaka sudah selesai berucap?

**Tuan Tan Kok Wai:** Belum selesai.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Belum selesai, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Jadi, bagaimana tiba-tiba campur?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingat Yang Berhormat Batu Berendam tidurlah. Sekarang boleh bangun.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Speaker, saya minta dia tarik balik. Saya tidak tidur, macam mana saya boleh bercakap. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Sekarang baru bangun.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Speaker, saya minta dia tarik balik. Saya tak tidur.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Katakanlah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tarik apa?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tarik balik. Duduk! Saya tidak tidur. Tarik balik.

**Tuan Lim Guan Eng:** Duduk!

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Macam mana saya boleh bercakap kalau saya tidur. Tidak boleh main-main dalam Dewan yang mulia ini, ini serius.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tak tahu apa yang berlaku.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Kota Melaka, tak payahlah cakap begitu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Duduk!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat tuduh dia tidur, jangan macam itulah. Tarik balik.

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia tidur.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tarik balik!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tarik balik dan teruskan ucapan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidur bukan unparliamentary, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bukan. Itu sangkaan jahat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi itu bukan unparliamentary.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya tidak tidur, Tuan Yang di-Pertua. Factual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tarik baliklah, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Belum tarik balik, unparliamentary.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak. Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya suka menjelaskan Yang Berhormat, biarlah usul ini berjalan dengan baik. Tetapi kalau pun perlu perbincangan itu, janganlah tuduh orang lain yang bukan-bukan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Cheras bahawa memang kempen kongsi kereta dan lain-lain merupakan satu pembaziran wang yang sangat besar, dan ini menunjukkan prestasi lagi Yang Berhormat dari Labis yang sungguh teruk dan tidak memuaskan. Saya rasa ada banyak masalah-masalah yang ada timbul lagi.

Yang ketiga, akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Labis merupakan "raja cakap tak serupa bikin". Bila gagal menunaikan janjinya, meletakkan jawatan daripada semua jawatan kerajaan dan politik. Kegagalan beliau memenuhi cabaran dan janjinya meletakkan jawatan sebelum 26hb. November kalau Timbalan Pengerusi dan Ahli Parlimen dari Jelutong dan saya sendiri boleh buktikan bahawa politik wang terlibat dalam dua bekas ADUN DAP Negeri Sembilan yang

melompat masuk ke MCA. Sungguhpun kami berdua telah menerima cabaran Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan membuktikan politik wang terlibat yang diakui oleh kedua-dua bekas ADUN DAP ini. Yang Berhormat masih enggan menunaikan janji meletakkan jawatan. Malah satu laporan polis oleh Yang Berhormat dari Jelutong dan saya terhadap Yang Berhormat dari Labis bermain politik wang telah pun dibuat pada 26hb. November tahun ini.

Di samping itu, Yang Berhormat Labis juga menipu masyarakat Cina dengan gagal menunaikan janji mendaftarkan dan menubuhkan Kolej Era Baru, menyokong peruntukan pembangunan untuk sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dikurang sebanyak 75% di bawah RMK-7 daripada RM103 juta kepada RM26 juta sahaja serta menyokong pemberian pembangunan untuk 1.7 juta penduduk kampung baru sebanyak RM6 juta setahun di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Oleh itu, adalah jelas sekali, sama ada dari segi moral politik ataupun kemampuan dan kebolehan Yang Berhormat Labis, tidak layak untuk menjadi Menteri Pengangkutan dan sehingga sekarang saya tidak nampak beliau ada menjalankan apa-apa rancangan untuk mengatasi masalah krisis yang kita hadapi sehingga hari ini iaitu krisis yang paling utama sekali - kadar kemalangan yang kian meningkat dalam negara kita.

Selain daripada segi moral politik dan selain dari isu kewibawaan akauntabiliti menteri, adalah jelas kegagalannya yang paling ketara telah membawa kesengsaraan yang tidak terhingga kepada negara kita dan ini adalah satu isu penting dan saya harap kalau Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian inginkan masalah kemalangan dan masalah kematian jalan raya boleh diatasi dengan secepat mungkin, kita harus perhatikan perkara ini dengan serius. Tidak boleh dinafikan bahawa apabila beliau sendiri mengaku dalam surat khabar *The Star* milikan MCA mengaku bahawa kerajaan tidak akan berjaya menjayakan "Kempen Keselamatan Jalan Raya". Sasaran mengurangkan kadar kemalangan sebanyak 30% dalam tahun 2000 akan gagal. Kalau Menteri seperti ini mengaku akan gagal, macam mana kita boleh mengatasi masalah ini.

Oleh itu, saya rasa kita harus melihat perkara ini dengan lebih rasional. Kalau tidak, saya

bimbang lebih ramai anak-anak kita, lebih ramai rakyat kita akan terkorban di jalan raya. Kalau Yang Berhormat sudah tidak ada idea macam mana untuk mengatasi masalah ini, boleh mengakui secara terbuka tanpa mengenal malu bahawa "Kempen Keselamatan Jalan Raya" telah gagal tanpa mengambil sebarang tindakan - 6,000 penduduk rakyat kita mati di jalan raya. Apa gunanya kita bayar dan kita ada Menteri Pengangkutan seperti ini? Adalah lebih baik menteri seperti ini ditukarkan mengikut profesionalismenya. Beliau adalah seorang doktor - tukarkan dia kepada Kementerian Kesihatan.

Saya percaya tentang kebolehannya sebagai seorang doktor, kerana dia seorang graduan doktor, jaga tentang hospital dan hal ehwal kesihatan supaya ramai orang hidup, bukan orang terus mati seperti yang berlaku di jalan raya kita. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, dalam satu rencana.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Tuan Lim Guan Eng:** Dalam satu rencana di *Singapore Straits Times* ada disebutkan bahawa kadar kemalangan di semua Lebuhraya Utara-Selatan telah meningkat dan kematian pun telah meningkat dan menyatakan bahawa jalan raya di Malaysia, kalau perkara ini berterusan, mungkin menjadi, dengan izin, death trap (sarang maut). Kalau kita tidak mahu negara kita terjejas dengan gelaran 'sarang maut', saya tidak mahu Menteri seperti ini. Saya merasa sakit hati untuk membawa Usul ini ke atas seorang Menteri Pengangkutan. Kita boleh membawa Usul kepada setiap kementerian, tetapi apabila kita melihat kematian beribu-ribu, kita tidak boleh membiarkan perkara ini sahaja.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Dengan ini, saya mencadangkan .....

**Seorang Ahli:** Lu tak dak matikah?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia minta jalan. Tidak payahlah, nanti dia buka untuk perbincangan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak apa, saya beri dia, sebab dia kawan sedikit.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin hendak tahu apa sebab, pertama sekali Kota Melaka fasal apa dia marah sangat kepada Menteri Pengangkutan?

Kedua, saya hendak tahu, kalau dia kata Kementerian Pengangkutan ini - seramai 6,000 orang mati, tukar pergi kepada Kementerian Kesihatan - lagi banyak. *[Ketawa]* Lagi banyak orang mati.

**Seorang Ahli:** Akan mati.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya ingat kalau Kementerian Kesihatan, lagi salah. Lagi disalahkan Menterinya oleh sebab lagi banyak orang mati, sebab saya tengok, saya baru keluar dari hospital, pergi tengok orang kawasan saya mati, sebab itu saya datang lambat. Tetapi kalau Yang Berhormat dari Labis menjadi Menteri Kesihatan, saya tidak tahu berapa banyak yang dia hendak salahkan.

Ketiga saya hendak tahu adakah undang-undang Yang Berhormat tidak boleh merasmikan sesuatu? Misalnya kita tidak rasmi restoran. Sebab kalau ikut, apa sahaja - kita kena pergi. Itu politik.

Lagi satu saya hendak tahu daripada Yang Berhormat DAP ini, kalaulah Yang Berhormat DAP menjadi menteri.....

**Seorang Ahli:** Mana boleh.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Kalaulah, dia sudah tentu tidak boleh. Jadi, kalau....jangan kata mati accident. Accident, kita tidak boleh hendak tahu, sebab itu bukan kerja kita. Kita boleh rancangkan kempen keselamatan jalan raya, tetapi kalau seseorang itu hendak kena accident, tidak berupaya juga. Banyak orang accident - kalau kadang-kadang kita bawa cermat, tetapi orang lain bawa tidak cermat, mati juga.

Lepas itu Yang Berhormat dok sibuk, fasal Menteri sibuk, ini yang saya hairan, sebab saya sebagai wakil rakyat pun sibuk. Sibuk betul. Hari ini datang lambat pun fasal sibuk, pergi tengok orang sakit, pergi rasmi kedai tomyam - kadang-kadang kena rasmi kedai tomyam, sebab Tom Jones la ini dia jadi tauke tomyam. *[Ketawa]*

Jadi, saya ingin hendak tahulah, tolong jelaskan bagaimana - Yang Berhormat hendak Menteri Pengangkutan yang macam mana, yang boleh mengelakkan accident? Sebab accident ini setahu saya tidak boleh elak - cermat macam mana pun, tidak boleh elak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, memandangkan masa tidak mengizinkan, saya minta Yang Berhormat dapat ringkaskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, sedikit sahaja, Tuan Pengerusi. Saya rasa apa yang dicadangkan tadi oleh Yang Berhormat, sungguhpun kita tidak boleh mengelakkan accident, ini saya memang bersetuju, tetapi kita sekurang-kurangnya patut mengurangkan kadar kematian di jalan raya kita. Ini satu perkara yang sangat penting, tetapi apa yang kita perhatikan ialah kadar kematian meningkat 10% setiap tahun.

Kalau begitu, jelas menunjukkan Yang Berhormat Labis tidak membuat kerja dan tadi saya mencadangkan, oleh kerana saya memerhati dia harus terus menjadi Menteri kerana dia Presiden MCA, tukarkan kepada Kementerian Kesihatan. Tetapi nampaknya Yang Berhormat rasa dia tidak layak - pun tidak layak kerana mungkin hospital lagi teruk kerana Kementerian Pengangkutan sudah banyak pengorbanan. Oleh sebab itu, saya rasa dan saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat bahawa tidak tukarlah. Itu terpulang sama ada, ada "Menteri" atau tidak ada "Menteri", atau kalau "Menteri" beri dia satu jawatan - "Menteri tanpa portfolio" - itu boleh.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya minta jangan minta jalan dahululah. Biar dia selesaikan Usulnya. Minta duduklah. Nanti apabila perbincangan kita buka. Kota Melaka, minta teruskan sampai 3 minit.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau Tuan Pengerusi benarkan, saya benarkan, saya tidak ada masalah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya tidak dapat benarkan, memandangkan masa tidak ada. Nanti kita buka perbincangan. Sila teruskan - 3 minit.

**Tuan Lim Guan Eng:** Oleh sebab itu saya rasa, kalau kita hendak merasmikan pembukaan restoran tidak ada salah, tetapi rasmikannya dan juga menghadiri sesi Parlimen, seperti Yang Berhormat. Yang Berhormat pergi merasmikan restoran tomyam, tetapi Yang Berhormat pun menghadiri Parlimen. Itu menunjukkan Yang Berhormat seorang yang rajin dan juga cerdik dan pandai kerana boleh tahu mengaturkan urusannya dan sama-sama komited tentang urusan Ahli Parlimennya dan juga urusan kepada pengundi. Kita tidak bercakap Yang Berhormat dari Labis tidak boleh pergi merasmikan pembukaan restoran makanan. Tidak ada, tetapi kalau dari pukul 2.00 hingga 4.00 boleh merasmikan pembukaan restoran makanan, mengapa pukul 2.30 hingga 6.30 atau pukul 2.30 hingga 8.45 malam - mengapa beliau tidak boleh muncul langsung di Parlimen? Bukankah ini menunjukkan bahawa beliau tidak bertanggungjawab sedangkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh datang, Yang Berhormat dari Bentong pun boleh datang, sungguhpun dia merasmikan pembukaan restoran makanan jauh lebih banyak dari Yang Berhormat dari Labis, tetapi dia pun boleh datang - itu yang menjadi masalah.

Kita tidak tentang, tetapi kalau hendak rasmikan ikut keadaan, ikut jadual tanpa mengorbankan tugas rasminya sebagai Menteri dan Ahli Parlimen kerana membuka restoran tidak patut mendapat 'priority' utama. Dia seperti meletakkan "membuka restoran" sebagai 'priority', lebih penting, lebih utama daripada menghadiri Parlimen. Itu sangat salah, kerana tanggungjawabnya dan tugasnya sebagai Ahli Parlimen. Menteri Pengangkutan mestilah akauntabiliti kepada rakyat, menjawab soalan mengenai kementeriannya, seperti masalah "Kempen Keselamatan Jalan Raya" - mengapa tidak datang ke Dewan ini dan menjelaskan macam mana beliau gagal? Kalau gagal, apakah rancangannya untuk mengatasinya - tidak ada.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Oleh itu dengan ini, saya mencadangkan Usul tidak percaya ke atas Yang Berhormat dari Labis yang saya harap diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dengan memotong gajinya hanya RM10.00 sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta seorang menyokong.

**Tuan Lim Hock Seng:** [Bangun]. Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul Pindaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka terbuka untuk dibahas. Sebelum itu, oleh kerana kita tidak ada banyak masa, saya hendak hadkan masa untuk perbahasan. Kalau boleh dari Pembangkang seorang dan dua dari Backbencher - 10 minit seorang Senai.

7.00 mlm.

**Tuan Lim Si Cheng [Senai]:** Berapa minit?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sepuluh minit.

**Tuan Lim Si Cheng:** Oh! Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya bangun untuk membantah Usul yang dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka untuk memotong elaun Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

Saya berasa amat kesal dan dukacita kerana wakil rakyat dari DAP khasnya dari Kota Melaka yang selama ini pandai main politik untuk mencari publisiti murah, sekali lagi membangkitkan perkara yang tidak berhubung kait dengan kepentingan rakyat dan negara. Sebenarnya, tindakan ini telah membuang masa Parlimen dan orang ramai.

Tuan Pengerusi, selama ini DAP memang suka melakukan sesuatu yang negatif untuk memecahkan perpaduan rakyat. Apabila parti ini menjalankan kempen untuk mengutip derma dari orang ramai juga bertujuan untuk pergi ke luar negara menjejaskan imej baik negara kita di mata dunia. Adakah ini peranan dan perjuangan politik DAP?

Tentang angka kemalangan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya rasa sistem pengangkutan dan sistem jalan di negara kita memang baik, kalau tak baik, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang telah mengalami satu kemalangan, sudah tidak ada di Dewan yang mulia ini pada hari ini. [Tepuk] Janganlah kemalangan yang dihadapi yang telah melibatkan bapa kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga hendak menyalahkan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

Tuan Pengerusi, oleh kerana sikap dan perjuangan politik DAP yang begitu negatif

telah membelakangkan kepentingan negara dan rakyat, sudah tentu akan membebaskan tanggungjawab kepada mereka yang cintakan negara kita. Sebagai sebuah parti yang cintakan negara kita, sebagai seorang Presiden yang dipertanggungjawabkan untuk memimpin parti yang bertanggungjawab, sukalah saya memaklumkan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan serta parti MCA yang diketuainya perlu menjalankan satu tugas yang berat, memainkan peranan yang penting bagi mengukuhkan perpaduan rakyat dan masyarakat kaum Tionghua supaya mendapatkan sokongan dan kepercayaan mereka terhadap negara dan kerajaan.

Sukalah saya menasihatkan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kota Melaka dan juga kepada ayahnya daripada kawasan Tanjong, belajarlah falsafah 'siusen ci ciang ce kuo pin tian sia', dengan izin, supaya menjadi pemimpin yang benar-benar boleh mendapat kepercayaan dan penghormatan daripada kalangan rakyat jelata.

**Tuan Hoo Seong Chang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sabar sekejap! Ada yang bangun di belakang.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada bercakap tentang 'cakap tak serupa bikin'. Saya ingin bertanya siapa yang lebih kata 'cakap tak serupa bikin'? Seperti Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang mimpi menjadi Chief Minister be power, hendak rancang Tanjong 1, Tanjong 2, Tanjong 3, siapa yang bohong kepada rakyat. Jadi, siapa yang patut meletakkan jawatan dan potong gaji? Jadi, saya minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat *[Tepuk]*

**Tuan Lim Si Cheng:** Sudah tentu Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan sudah tentu nama yang kita sebutkan tepat dan sesuai, parti DAP bukan parti DAP lagi, parti No Action Talk Only (NATO). *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi, tadi saya sudah sebutkan satu peribahasa daripada bahasa Mandarin, 'siusen' - memperbaiki diri sendiri, belajarlah bersopan; 'ci ciang' - memperkemaskan keluarga, parti sendiri supaya mendapatkan penghormatan; 'ce kuo' - barulah boleh tadbir

negara dan barulah boleh pastikan negara aman dan damai - 'pin tian sia'.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan memang faham perkara ini kerana beliau suka melihat rakyat dalam Malaysia di negara kita ini senang. Baru-baru Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menerangkan semasa beliau memberi jawapan atas perbincangan menyatakan di Dewan yang mulia ini, bahawa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan merupakan seorang menteri yang rajin dan sentiasa berusaha meningkatkan taraf infrastruktur negara terutamanya lapangan terbang, pelabuhan dan kereta api supaya ekonomi negara kita dapat dibangunkan secara lebih pesat dan menarik lebih ramai pelabur-pelabur asing dan tempatan untuk melabur di negara kita.

Di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, prestasi dan kecekapan Kementerian Pengangkutan memang diakui oleh semua pihak misalnya, Pelabuhan Klang kini telah dianggap sebagai sebuah pelabuhan yang bertaraf antarabangsa dan mampu bersaing dengan pelabuhan-pelabuhan utama di rantau Asia.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah menjalankan tugasnya dalam usaha membantu negara mencapai pertumbuhan ekonomi yang baik dan masyarakat yang stabil.

Tuan Pengerusi, rakyat Malaysia termasuk Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sedang menikmati kejayaan negara kita, tetapi seperti Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka memang seorang yang saya katakan 'suka makan kacang tetapi lupakan kulit'. Rakyat Malaysia tidak akan serupa beliau, mereka tidak akan makan kacang lupa kulit, sehingga terdapat juga wakil-wakil rakyat dari DAP terpaksa keluar dari DAP untuk menyertai perjuangan Barisan Nasional dan MCA. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, seorang hendak kata pemimpin bukan pemimpin, kerana suka bohong rakyat, suka cakap bohong, tipu rakyat Malaysia. Saya cabar dia, sebelum datang ke Dewan tentang Yang Berhormat Menteri Pengangkutan merasmikan restoran di Kuala Lumpur. Saya cabar beliau pastikan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan merasmikan restoran itu dalam masa Dewan mengadakan persidangan.

Sehingga hari ini tak berani memberikan satu jawapan, hanya pandai gunakan Dewan Parlimen ini untuk bercakap sahaja, mengapa tidak terima? *[Tepuk]*

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada yang bangun, Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Tuan Lim Si Cheng:** Tidak! Tuan Pengerusi, tak payah!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak tahu restoran apa?

**Tuan Lim Si Cheng:** Tak payah, tak payah. Duduklah!

**Beberapa Ahli:** Duduklah!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Restoran apa? Restoran mana?

**Tuan Lim Si Cheng:** Tak payah! Saya tidak beri jalan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tadi cakap restoran dan cabar, saya terima tetapi dia tidak berani!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Inilah MCA, cakap tak serupa bikin. Dia pun ikut dia punya boss.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Senai, sila teruskan!

**Tuan Lim Si Cheng:** Masa itu jam 2.30 petang Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sedang berada di Kementerian Kewangan untuk menghadiri satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Amat-Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Kementerian Kewangan.

Jadi, janganlah tipu rakyat! Mereka ini ....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun sambil menunjukkan sekeping akhbar berbahasa Cina]*

**Tuan Lim Si Cheng:** Yang Berhormat Menteri Pengangkutan adalah seorang yang jujur! Dia mementingkan mana satu mesyuarat

yang penting, bukan seperti Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan macam Ahli Yang Berhormat dari Tanjong!

Tuan Pengerusi, rakyat Malaysia bersetuju dengan kejujuran dan keikhlasan Barisan Nasional. Oleh kerana, ....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini bukti! *[Sambil menunjukkan sekeping akhbar]*

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ada yang bangun, minta jalan!

**Beberapa Ahli:** Ha! Duduklah!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Lim Si Cheng:** Tak payah, tak payah, saya tidak ada masa! Saya banyak hendak cerita. Nanti you boleh cakap!

**Seorang Ahli:** Duduk, duduk! Hoi!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Si Cheng:** Tak payah, jangan buangkan masa saya! Kepada kedua-dua wakil rakyat ....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini bukti di sini, dua hingga empat bukti, Nanyang Siang Pau. Ha!

**Seorang Ahli:** Duduklah!

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sekejap, Timbalan Menteri, ya! Kota Melaka, sila duduk!

**Tuan Lim Si Cheng:** Yang ini boleh! *[Ketawa]*

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, duduklah. You tak ada permission.

Ahli Yang Berhormat dari Senai, saya hendak bertanya sama ada nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu masih hendak meneruskan dengan pembohongannya dengan pegang satu keping akhbar bahasa Cina, saya tidak tahu sama ada dia boleh baca ataupun tidak. *[Ketawa]*

Ahli Yang Berhormat dari Senai, saya ingin hendak bertanya sama ada Ahli Yang Berhormat

sanggup atau tidak, teruskan cabaran itu, minta Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka kata kalau dari jam 2.30 petang hingga jam 6.30 petang, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan memang berada di kedai Ah Khoon, maka Senai atau salah seorang kita di sini 'resign'. Kalau sekiranya, dia salah, dia 'resign'. Kita sokong cabaran ini terus accept. *[Tepuk]* Sila.

**Tuan Lim Si Cheng:** Tuan Pengerusi, kalau Yang Berhormat dari Kota Melaka boleh membuktikan bahawa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan berada di kedai sana antara 2.00 hingga pukul 4.00 petang, saya letak jawatan. Saya letak sebagai wakil rakyat bagi kawasan Senai, sebaliknya dia.....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Si Cheng:** Tak payah, tak payah.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Tuan Lim Si Cheng:** Tak payah, tak payah....

**Tuan Lim Guan Eng:** Point of order.

**Seorang Ahli:** Pucat lu!

**Tuan Lim Guan Eng:** Point of order.

**Tuan Noh bin Omar:** Apa lagi, gaduhlah!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, cepat sedikitlah. Point of order ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Point of order, 35(6).

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tadi, Yang Berhormat dari Senai ada bercakap tentang Ah Kung Eating House, tentang restoran makanan Ah Koong Eating House. Perkara 36 menyatakan dengan jelas, seseorang ahli tidak boleh bercakap mengenai apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan yang tepat bagi dirinya. Jika tidak diterangkan sebanyak mana faedah bagi dirinya dalam perkara ini. Saya ingin meminta Yang Berhormat dari Senai menyatakan sama ada, ada faedah atau kepentingan peribadi dalam perkara ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada apa-apa, Yang Berhormat?

**Tuan Lim Si Cheng:** Sekarang saya boleh mengaku, saya boleh mengaku, dua perkara. Saya boleh mengaku, saya ada saham di company itu. Yang kedua, *[disampuk]* saya hendak cabar, yang kedua, kalau Yang Berhormat dari Kota Melaka boleh memastikan .....

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau mengikut point of order, dia tidak boleh bercakap tentang perkara ini kerana dia telah mengaku.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia buat penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng:** .....ada kepentingan di dalam restoran makanan Ah Koog Eating House.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia sudah buat pengisytiharan.

**Tuan Lim Si Cheng:** Tuan Pengerusi....

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia mengaku, tidak boleh cakap.

**Tuan Lim Si Cheng:** Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat .....

**Tuan Lim Guan Eng:** Conflict interest! Dia ada pecuniary interest.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** : Jelutong boleh cakap.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sebab itu dia pertahankan Ah Koog Eating House!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** : Jelutong boleh cakap.

**Tuan Lim Guan Eng:** Pecuniary interest!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa kita.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Pecuniary interest! Tuan Pengerusi, dalam Ah Koog Eating House, tidak boleh cakap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, tidak boleh cakap!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat .....

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia ada pecuniary interest.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka, sekejap ya.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat..... Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Senai, saya minta Yang Berhormat menggulung, masa sudah suntuk.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, yang bercakap tadi saya, bukan Yang Berhormat Senai mengenai Ah Kung, nama Ah Kung itu saya sebut, sanggupkah tidak, berani ke tidak, accept cabaran, jangan.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Point of order!

**Tuan Ong Ka Ting:** ....jangan menyeleweng, jangan debate. Bolehkah tidak accept, sit down and shut-up!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat .....

**Tuan Lim Guan Eng:** Point of order!

**Tuan Ong Ka Ting:** Sit down dan shut-up!

**Tuan Lim Guan Eng:** Point of order.

**Tuan Ong Ka Ting:** You sit down and shut-up.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Ong Ka Ting:** Shut-up!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Kota Melaka....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya telah mengatakan bahawa dia telah isytiharkan dia punya pecuniary interest.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Biasanya, dalam Parlimen, orang yang ada interest..

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia pertahankan dia punya interest.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** ...dia boleh berucap...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia pertahankan interestnya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** ... Kota Melaka....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya minta semua bertenang. Gulung.

**Tuan Lim Si Cheng:** Saya minta kalau boleh....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong.

**Seorang Ahli:** Bapak tolong anak.

**Tuan Lim Kit Siang:** Peraturan Mesyuarat.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sekejap ya. Sila Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita perlu baca, apa yang dalam Peraturan Mesyuarat. Dalam Peraturan Mesyuarat, kita mahu ikut peraturan mesyuaratlah. Kalau kita tidak hormat Peraturan Mesyuarat....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** ....kita tidak ada hak dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, minta penjelasan ya.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Bangun]*

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya sebut Peraturan Mesyuarat....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sekejap ya. Yang Berhormat....

**Tuan Lim Kit Siang:** Duduk.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Duduk.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** 35(6). Kita baca. Seorang ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan yang dapat bagi dirinya. Jika tidak diterangkan, sebanyak mana faedah bagi dirinya dalam perkara ini atau dalam bahasa Inggeris, "without this closing, the extent of that interest". Berapa? Apa modal, apa saham...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat....

**Tuan Lim Kit Siang:** RM500,000, RM1 juta.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sabar, Yang Berhormat  
.....

**Tuan Lim Kit Siang:** RM2 juta, kita mahu tahu dia, yang pertama kita belum habis....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** .....saya belum habis.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, satu-satu ya.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya belum habis.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Satu, satu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Duduk! Baik, saya belum habis.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang pertama, dia mahu mengakui, dia ada pecuniary interest. Kedua, dia perlu menunjukkan extent of that interest.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Extent of an interest!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, satu-satu.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya belum habis, apa ini, duduk.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, satu-satu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Duduk.

**Seorang Ahli:** Duduk.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sekejap Yang Berhormat, ini point of order. Saya tidak ada kuasa, untuk melarang, point of order.

**Tuan Lim Kit Siang:** Duduk.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Duduklah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mahu extent dan kita hendak tahu, dia....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sekejap Yang Berhormat, satu-satu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa itu?

**Seorang Ahli:** Wakil dari Tanjong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, satu-satu.

**Seorang Ahli:** Kalau Perdana Menteri itu tak apalah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ini point of order.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak ada, kata....

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Pengerusi, wakil Tanjong...

**Tuan Lim Kit Siang:** No discipline ke?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Wakil Tanjong, tidak ikut peraturan ke? Saya hendak beritahu, beliau tidak ikut peraturan 36(1).

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa ini? Apa.36(1) ini? Tidak ada...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Tanjong.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Tanjong, Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** 36(1)? Relevan?

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]* *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa boleh buat....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** So, interest.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Baiklah, saya memutuskan, Yang Berhormat Tanjong cukuplah. Masa kita.....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong, Tanjong cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak boleh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat....

**Seorang Ahli:** Sanggupkah sahut cabaran dari Pontian?

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa, buat malu Malaysia dalam dunia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang:** The extent of that interest only. Kalau dia tidak beritahu .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya tahu, sudah cukup lama Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia tidak mahu the extent of that interest.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ada apa respon tentang apa yang dikatakan oleh Tanjong itu?

**Tuan Lim Si Cheng:** Apa itu?

**Seorang Ahli:** Selagi dia declare dia punya interest, dia dibolehkan bercakap....

**Tuan Lim Si Cheng:** Saya tidak pertahankan kepentingan untuk company yang disebutkan. Saya ingin 'talking fact', dengan izin, di dalam perkara yang kita bangkitkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Okay, saya minta menggulung. Masa telah terbuang banyak.

**Tuan Lim Si Cheng:** Lagi satu.....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Ong Ka Ting:** Dia takut.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Bangun]*

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya rasa perkara ini tidak begitu serius.

**Tuan Ong Ka Ting:** Apa pasal takut? Saya minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, biar dia habiskan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya minta soal, saya hendak tanya Yang Berhormat Senai, okay?

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalnya dia ada pecuniary interest.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, semua Yang Berhormat saya minta dia menggulung. Perbahasan ini sudah terlanjur lebih dari masa yang telah ditetapkan. Saya minta dia menggulung, selepas itu saya beri Ahli Yang Berhormat yang lain.

**7.18 mlm.**

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya minta penjelasan, Ahli Yang Berhormat dari Senai...

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan apa?

**Tuan Ong Ka Ting:** Ahli Yang Berhormat dari Senai sudah beri...

**Beberapa Ahli:** Duduk.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dulu Yang Berhormat, saya baru naik, berilah peluang saya bercakap dahulu. Yang Berhormat semua, saya rasa walaupun usul ini biasanya kontroversi, tetapi takkanlah Yang Berhormat semua dari kedua-dua pihak, tidak tahu Peraturan Mesyuarat. Sehingga sanggup melanggar apa yang kita tahu, apa yang kita junjungi. Saya rasa satu demi satunya Yang Berhormat walaupun hendak bangkitkan Peraturan Mesyuarat. Ya, sekarang ini Yang Berhormat Senai masih berucapan.

**Tuan Lim Si Cheng:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya. Jadi, Yang Berhormat teruskan.

**Tuan Ong Ka Ting:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Pontian bangun.

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya hendak tanya Ahli Yang Berhormat dari Senai, soal yang kita bincang tadi ialah sama ada satu dakwaan telah dibuat....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti Yang Berhormat.

**Tuan Ong Ka Ting:** Jangan ganggulah, nanti you punya turn. Saya cakap dulu...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya cakap dulu.

**Beberapa Ahli:** Setuju.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tertib.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat Tanjong, saya tahu Yang Berhormat hendak bangkitkan Peraturan Mesyuarat, tetapi nampaknya Yang Berhormat Pontian tadi dia sudah bangun dan minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, nanti dulu Yang Berhormat. Ya, point of order yang ke berapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of order, 35(6).

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, sebutkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ialah mengenai pecuniary interest.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya akan buat keputusan. Ya, sabar.

**Tuan Lim Kit Siang:** 35(6) yang berbunyi seseorang ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalam faedah kewangannya, dalamnya ada faedah kewangan yang tepat bagi dirinya selain daripada perkara-perkara gaji menurut apa-apa syarat dalam Perlembagaan, jika tidak diterangkannya sebanyak mana faedah bagi dirinya dalam perkara itu. Yang Berhormat Senai apabila bercakap mengenai restoran Ah Koong, dia tidak terangkan dia ada faedah bagi dirinya tetapi apabila ditanya, dia ada mengakui tetapi dia belum terangkan sebanyak mana faedahnya, the extent of the pecuniary interest.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dan kita mahu tahu the extent of the pecuniary interest.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah. Ini Yang Berhormat dari Senai....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, saya belum buat keputusan ini.

**Tuan Noh bin Omar:** Tanjong buat keputusan, semua dia hendak bercakap.

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya hendak, saya hendak .....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat, saya akan beri peluang ya. Yang Berhormat dari Pokok Sena dan juga Pontian, nanti dahulu. Satu demi satunya.

Yang Berhormat Tanjong, apa yang dibangkitkan itu saya rasa kalaulah Yang Berhormat dari Senai dia bangkitkan Restoran Ah Koong sekadar contoh seperti mana yang saya pernah putuskan dahulu, biasanya saya izinkan tetapi sekiranya beliau hendak membela diri, mempertahankan kepentingan kewangan dia, itu lain cerita. Jadi, Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan ini dan saya rasa tidak eloklah. Kita ini buang masa sangat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini bukan sebagai satu contoh, ini satu substantive issue oleh kerana inilah satu sebab yang ada digunakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka dalam usulnya mengenai apa yang berlaku apabila Yang Berhormat daripada Labis.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** .... untuk merasmikan Restoran Ah Koong.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu....

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang itu substantive bukan sebagai contoh dan beliau ada mempertahankan ini sebab dia ada pecuniary interest sebab apabila saya bertanya extent of his pecuniary interest.

**Tuan Noh bin Omar:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat. Okay, Yang Berhormat Tanjong, tidak payahlah Yang Berhormat bagi huraian sebab saya sudah buat keputusan tadi itu dan saya berharap Yang Berhormat Senai tahulah had batasnya. Ya, Tanjong Karang bangun ni.

**Tuan Fu Ah Kiow:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Pengerusi....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, ada peraturan mesyuarat ini.

**Tuan Noh bin Omar:** Peraturan Mesyuarat 43. Tetapi sebelum 43, 36(5) ini, Tanjong ini nama sahaja lama jadi ahli di Parlimen, dia pun salah tafsir peraturan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** Dia bukan lawyer, dia tidak tahu apa peraturan. Okay 43. 43 ini jelas, keputusan Pengerusi adalah muktamad. Ini pun tidak faham ke? [*Tepuk*] Tidak tahu undang-undang ke? Apa ni? Baliklah, kalau ini pun tidak tahu.

**Tuan Ong Ka Ting:** [*Bangun*]

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:**

Terima kasih Yang Berhormat, nanti. Ya, terima kasih sangat. Nampaknya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang memantapkan lagi apa yang saya putuskan. Ya, Pontian.

**Tuan Ong Ka Ting:** Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, saya rasa kalau saya hendak minta penjelasan terus daripada Senai, Yang Berhormat Tanjong begitu risau, dia tidak bagi saya teruskan. Terpaksa saya bangkit, point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang ke berapa, Yang Berhormat?

**Tuan Ong Ka Ting:** Yang ke 36(6).

**Tuan Lim Guan Eng:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Tuan Ong Ka Ting:** Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli yang lain.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kepada siapa, Yang Berhormat?

**Tuan Ong Ka Ting:** Kota Melaka.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak, ini sangkaan jahat ini, dituju kepada siapa?

**Tuan Ong Ka Ting:** Kota Melaka telah buat terhadap Yang Berhormat dari Labis.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik, Yang Berhormat, saya akan buat keputusan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Sebab kita telah berulang kali, dengar dari Yang Berhormat Kota Melaka telah mengatakan bahawa .....

**Tuan Lim Guan Eng:** [*Menyampuk*]

**Tuan Noh bin Omar:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya..., Tanjong Karang.

**Tuan Ong Ka Ting:** Sebab ini point yang penting.

**Tuan Lim Guan Eng:** [*Menyampuk*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ini Kota Melaka, janganlah mencelah macam itu. Tertiblah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yalah.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, ini sangat penting kalau kita tidak selesai isu ....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya akan buat keputusan ini. Saya rasa biasanyakan peraturan mesyuarat ini, Yang Berhormat hanya boleh bangkitkan dan sayalah yang akan putuskan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Masalahnya Tuan Pengerusi, sebab ini ada kaitan dengan apa yang ditujukan oleh Tanjong kepada Senai. Ia satu perkara yang penting mesti kita tentu dahulu sebelum perbincangan itu kita teruskan. Sebab Yang Berhormat dari Kota Melaka telah bangkitkan satu perkara yang tidak benar. Tidak tepat langsung bahawa Yang Berhormat Labis pernah pergi kedai makan Ah Koong antara 2.30 hingga 6.30 petang, pada hari yang disebut itu. Itu satu perkara yang tidak tepat.

Maka sangkaan jahat telah ditujukan. Kalau kita tidak jelaskan perkara ini, mereka berdua sudah menyeleweng, cuba hendak takut-takutkan Senai macam perkara yang lain sudah bangkit.

**Tuan Lim Guan Eng:** Apa takut-takut. Apa ini!

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat ya, baik. Bertenang. Biar saya buat keputusan dahulu. Nanti Yang Berhormat, saya akan beri peluang. Yang Berhormat, walau apa pun yang dibangkitkan itu adalah sesuatu yang penting. Ini bersabit dengan kesahihan sesuatu dakwaan tetapi saya rasa kalau kesahihan itu biasanya kalau kita hendak bangkitkan 36(6), tidak kena.

Kesahihan itu kalaulah didapati tidak benar, maka Yang Berhormat Senai boleh tangkis, boleh jawab tetapi 36(6) saya rasa tidak kena. Ya, teruskan. Tetapi sebelum itu, Pokok Sena dia bangun lama ni. Ya, yang ke berapa, Yang Berhormat?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya hendak bercakap pasal salah tafsir 36(6) ini, sebab Yang Berhormat Senai dia menyebutkan tentang kehadiran, dia tidak pasal restorannya - kehadiran Menteri ke restoran. Dia seorang yang boleh prove tetapi bukan dia cakap pasal restoran dia, sebab itu kita bertanya dia ....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti, Yang Berhormat, tidak, Yang Berhormat hendak bangkitkan peraturan mesyuarat yang ke berapa?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Yang 36(6) ini. Dia bukan bercakap tentang faedah restoran, dia cakap tentang kehadiran. Kalau sekiranya restoran itu, restoran dia, dia seorang sahaja yang boleh prove. Tetapi dia bukan ....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak, Yang Berhormat, saya rasa ini pun kurang tepat pasal apa, sebab yang .....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** 35(6)

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ini keliru ini.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Ini yang buat keliru ini, 35(6) ini bukan ada faedah dia, dia cuma prove pada ketika itu menteri tidak hadir ke restoran itu, bukan dia cakap pasal restoran dia.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Itulah, Yang Berhormat.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Kita salah tafsir. Kalau dok bincang kisah salah tafsir, saya lawyer, loyar buruk. [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Senai, saya rasa 35(6) itu saya sudah buat keputusan. Yang Berhormat boleh teruskan.

**Tuan Lim Si Cheng:** Terima kasih ....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi, Yang Berhormat diingatkan masa itu terhad seperti mana yang diputuskan tadi.

**Tuan Lim Si Cheng:** Saya bukan hendak bela kepentingan sesiapa. Yang Berhormat dari Kota Melaka memastikan kerana saya rasa dia seorang yang bertanggungjawab.

**Tuan Lim Guan Eng:** [Bangun]

**Tuan Lim Hock Seng:** [Bangun]

**Tuan Lim Si Cheng:** Memastikan bahawa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan merangkap Ahli Parlimen dari kawasan Labis berada di restoran yang kita sebutkan Restoran Ah Koong antara jam 2.30 hingga 6.00 petang sebagaimana yang dikatakan oleh beliau masa

persidangan Dewan. Itu yang penting. Saya hendak dia pastikan dan kalau .....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Si Cheng:** Kalau Yang Berhormat Kota Melaka, tidak boleh memastikan ....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sabar. Ya, nak bagi jalan, Yang Berhormat?

**Tuan Lim Si Cheng:** Saya tidak mahu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi, Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak bagi jalan, itu hak dia, Yang Berhormat. *[Diganggu]* Nanti dahulu, nanti dahulu. Itu hak dia, dia tidak bagi laluan. Tetapi Yang Berhormat, masa sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Si Cheng:** Okay. Jadi, ...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, diminta gulung.

**Tuan Lim Si Cheng:** Jadi, sesuatu tindakan yang dilakukan oleh beliau cuba hendak bohongkan Dewan ini saya fikir tidak bertanggungjawab. Tuan Pengerusi, tadi saya sudah sebutkan, ahli DAP, ADUN DAP keluar dari DAP oleh kerana mereka tidak boleh menerima lagi DAP. Kerana pemimpin mereka DAP tidak jujur, tidak ikhlas, sikap mereka tidak boleh diubah lagi terpaksa mereka membuat satu keputusan untuk keluar dari DAP.

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Si Cheng:** Saya yakin pada akhirnya DAP akan tinggal dua orang sahaja. Tuan Pengerusi, sehingga .....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Bagan, bangun ini.

**Tuan Lim Si Cheng:** Tidak payah! Sehingga ahli daripada Seputeh telah tidak sanggup duduk di sebelah Yang Berhormat dari Kota Melaka. Manakah beliau sekarang?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kepong, mana Kepong? Kepong tidak ada. Jelutong pun tidak ada.

**Tuan Lim Si Cheng:** Kepong baik, Kepong tidak mahu tengok. Ahli Yang Berhormat dari

Kepong *[bercakap dalam bahasa Cina]*, dengan izin. Dia tidak mahu tengok. Dia tidak mahu tengok mereka.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ya, apa maksudnya?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Si Cheng:** Tidak sanggup tengok mereka lagi. No eye see.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Menyampuk] [Ketawa]*

**Tuan Lim Si Cheng:** Tuan Pengerusi, .....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Lim Si Cheng:** Okay, saya akan cuba. Tuan Pengerusi, Kerajaan Barisan Nasional sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat dan bertanggungjawab. Jadi, kalau Menteri tidak ada, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen ada, tetapi kepada DAP, khasnya Yang Berhormat dari Kota Melaka dan bapanya, tujuan ini tidak penting kerana semasa pihak....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya kena memberhentikan Yang Berhormat daripada berucap, sebab masa itu memang sudah cukup.

**Tuan Lim Si Cheng:** Okay, saya cuba. Kementerian menjawab soalan mereka, tetapi mereka tidak berada di dalam Dewan.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukup.

**Tuan Lim Si Cheng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Seremban.

7.31 mlm.

**Dato' Hon Choon Kim [Seremban]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin hendak memberi pandangan tentang usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sebenarnya ini lagu lamalah. Ini lagu lama, bukan benda yang baru.

Saya rasa Tuan Pengerusi pun tahu ini memang lagu yang selalu dimainkan oleh DAP dengan menggunakan surat khabar sebagai bukti dan memainkan lagu yang lama. *[Disampuk]* Tidak ada benda itu sebenarnya! Tetapi dengan niat jahat. Sebenarnya tujuan

untuk mengemukakan satu usul ini pada pandangan saya cuma sia-sia sahaja. Tidak akan datang manfaat kepada sesiapa pun. Sebenarnya buang masa Ahli-ahli Parlimen.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Dato' Hon Choon Kim:** Sila.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, bila sahabat saya dari Seremban bangun tadi, saya teringat hari ini ada satu laporan di dalam surat khabar *Utusan Malaysia* satu pengakuan oleh Setiausaha Agung DAP dia mengatakan DAP akan pupus secara perlahan-lahan dalam abad ke-21 sekiranya satu gerakan reformasi tidak dijalankan dalam tempoh dua tahun. *[Sambil merujuk kepada sebuah keratan akhbar yang dimaksudkan]*

Ini bermakna parti itu sekarang sudah jadi obsolete. Bermakna, dia minta reformasi oleh kerana attitude macam Yang Berhormat dari Kota Melaka yang menyebabkan parti itu obsolete. Adakah Yang Berhormat bersetuju? *[Disampuk]*

**Dato' Hon Choon Kim:** Saya pun ada satu keping sebenarnya! *[Disampuk][Ketawa]* Sama ceritanya! *[Sambil menunjukkan keratan akhbar yang dimaksudkan]* Sebenarnya saya amat kesal dan saya amat susah hati tengok performance yang dikemukakan dan dibuat oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka itu tadi. Tengok cara dia bercakap, caranya dan nadanya macam samseng! *[Ketawa]*

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa perkataan samseng itu jangan digunakan. *[Ketawa] [Disampuk]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Tarik balik!

**Dato' Hon Choon Kim:** Okay.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, perkataan itu memang unparliamentary. *[Disampuk]*

**Dato' Hon Choon Kim:** Saya tarik balik, tak apa. *[Disampuk]* Tetapi Yang Berhormat macam tidak cukup ajar.....tidak cukup ajar! "Mei you cincau". Yang Berhormat Tuan Pengerusi mesti faham. Dengan izin, mesti faham. Tidak cukup ajar dalam keluarga. Ini salah bapanya! *[Ketawa] [Tepuk]* Salah

bapanya! *[Disampuk]* Menggunakan surat khabar Cina, dia tidak tahu apa ceritanya! *[Ketawa] [Tepuk]* Hendak buat macam hero. Dia tidak tahu satu benda pun! *[Disampuk]*

**Tuan Lim Si Cheng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Senai bangun.

**Tuan Lim Si Cheng:** Yang Berhormat kata "tak makan ajar". Jadi, saya sebutkan adakah sesuai kalau sebutkan satu peribahasa Cina "Yau chi fu pio chi che" - "Bapa borek, anak rintik". *[Ketawa]* Sesuailah Yang Berhormat?

**Dato' Hon Choon Kim:** Amat sesuailah! *[Ketawa][Disampuk]* Amat sesuai ini, amat sesuai! Jadi, saya pun rasa sedihlah tengok Yang Berhormat macam ini. Memang sedih, bapa sudah hantar ke luar negeri, seorang graduate - Australian graduate, apa lagi macam ini? Fasal itu dia cakap dia pun sudah tahu, mesti mahu buat satu reformasi. Tetapi malangnya bapa dan anak ada, tidak boleh jadi! Tidak boleh jadi!

Fasal itu Yang Berhormat dari Kepong pun "mo ngan tai", tidak mahu tengok, *[Ketawa]*, Yang Berhormat dari Cheras pun tak mahu tengok, Yang Berhormat dari Seputeh pun tak mahu tengok.....

**Seorang Ahli:** Jelutong!

**Dato' Hon Choon Kim:** Yang Berhormat dari Jelutong pun tak mahu tengok, pergi court case - sangat sibuk dengan court case. Jadi, Yang Berhormat saya nasihatkan jangan buat macam ini. Jangan! Saya pun tak tahu apa hendak nasihatlah! Tetapi apa yang sebenarnya.....

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya Yang Berhormat, Pontian bangun.

**Dato' Hon Choon Kim:** Ya, sila.

**Tuan Ong Ka Ting:** Yang Berhormat, memang tepat Yang Berhormat kena memerhatikan ini. Sama ada Yang Berhormat dari Seremban setuju atau tidak antara niat-niat yang disebut itu, satu niat ialah mereka ini tidak tahan lagi dengan Yang Berhormat dari Labis kerana pimpinannya telah begitu matang dan begitu bertanggungjawab berbanding dengan kepimpinan DAP sehingga dua orang ADUN

mereka itu sudah masuk ke dalam MCA. Bukan salah kita, salah dia sebab reformasi tidak cukup!

Maka dengan cara itu, dia pula hendak timbulkan macam-macam putar belit yang bohong dan yang bukan-bukan sehingga cara dia buat itu akibatnya mereka akan menakutkan pelabur dan pelancong supaya tidak mahu datang ke Malaysia, macam Malaysia ini tidak selamat dan jalan rayanya semua tidak selamat, pada hal mereka ini semuanya bawa kereta. Jadi, adakah lebih perlu kita bentangkan satu usul potong gajinya, bukan gaji kita! *[Disampuk]* Setuju tak?

**Dato' Hon Choon Kim:** Saya amat setuju. Nanti saya akan sampai ke sana! *[Ketawa]* Sebenarnya dia ini pun....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tetapi nampaknya dalam sesi ini saya rasa tidak ada peluang....

**Dato' Hon Choon Kim:** Saya cuba!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** .....sebab apa yang dibangkitkan itu memang tidak ada mana-mana kementerian yang sesuai. *[Ketawa]*

**Dato' Hon Choon Kim:** Cuma hendak faham tentang usul dia tentang potong gaji. *[Disampuk]* *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Potong sama dia! *[Ketawa]*

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat dari Kota Melaka sebut, kerana bilangan kemalangan jalan raya begitu meningkat, maka dia mencadangkan Menteri Pengangkutan gajinya dipotong. Sebenarnya tidak betul. Sebenarnya kalau hendak potong gaji, dipotong gaji bapa dahulu! Potong gaji Yang Berhormat dahulu. Apa sebab saya sebut macam ini? Sebab dahulu kita hendak buat highways, siapa yang bantah? Siapa yang opposed, siapa yang tunjuk perasaan? Siapa?

**Seorang Ahli:** DAP!

**Dato' Hon Choon Kim:** DAP!

**Seorang Ahli:** Itu Cheras!

**Dato' Hon Choon Kim:** Bukan Barisan Nasional! Kerajaan Barisan Nasional hendak buat jalan yang lebih baik dan lebih selamat, tetapi malangnya.....

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun]*  
*[Menyampuk]*

**Dato' Hon Choon Kim:** Duduklah, jangan buang masa! *[Disampuk]* Duduklah, duduk! Jangan buang masa!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.... tertib!

**Dato' Hon Choon Kim:** Tak, saya tetap tidak akan beri.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Cheras....Cheras....

**Dato' Hon Choon Kim:** Saya tetap tidak akan beri! *[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Dato' Hon Choon Kim:** Jangan kacau!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.... Yang Berhormat boleh bangun minta penjelasan, tetapi sama ada hendak beri atau tidak, itu hak dia.

**Dato' Hon Choon Kim:** Sebenarnya saya masih ingat apabila jalan di Air Keroh itu dibuka.....

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, seorang peminat lagi. Bagan.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tak boleh, tak beri. Saya tak ada masa! Kalau Tuan Pengerusi izinkan saya cakap satu jam, saya boleh beri, tak ada hal! Saya masih ingat apabila mengadakan satu upacara untuk merasmikan lebuh raya (highway) sampai ke Air Keroh, Yang Berhormat dari Tanjong tunjuk perasaan. Selepas itu tidak mahu bayar cukai, tidak mahu bayar tol.

Kalau ikut cadangan Yang Berhormat, tak mahu buat tol dan tak mahu buat jalan raya, saya rasa bilangan kemalangan akan bertambah lagi! *[Disampuk]**[Tepuk]* Kalau hendak salahkan accident atau kemalangan, salahkan Menteri Pengangkutan, maknanya Yang Berhormat pun pernah mengalami kemalangan. Ingat tak Yang Berhormat dari Tanjong? Ingat tak? Sampai masuk hospital 10 hari! Tak tahu berapa hari, saya tidak ingatlah! *[Ketawa]*

Selepas itu masuk Parlimen...

**Seorang Ahli:** Pakai serban!

**Dato' Hon Choon Kim:** Pakai macam-macam hendak minta...tunjuk simpati. Jadi, apa ini.....?

**Tuan Fu Ah Kiow:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:**  
Ya, Mentakab bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Hon Choon Kim:** Sila, ini kawan. Nasib baik.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tadi kata Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Tanjong tunjuk aksi hendak ambil simpati. Sebenarnya Yang Berhormat dari parti DAP memang pelakon politik yang paling pandai seperti Yang Berhormat dari Tanjong, bila beberapa kali mereka gagal dalam projek Tanjong Satu, Tanjong Dua dan Tanjong Tiga, tiap-tiap kali mereka kalah, mereka kata hendak letak jawatan. Tetapi itu sebenarnya cuma satu lakonan sahaja hendak ambil simpati - sandiwara sahaja. Jadi, saya hendak....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:**  
Yang Berhormat, apa soalnya?

**Tuan Fu Ah Kiow:** Saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat dari Seremban setuju tak kalau kita beri satu gelaran iaitu gelaran pemenang oskar politik kepada Yang Berhormat dari Tanjong dan sebagai supporting actor kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka. Oskar politik sporting kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka? *[Disampuk]*

**Dato' Hon Choon Kim:** Saya memang sangat bersetujulah. Sebenarnya hendak cari jawapan daripada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat, saya pun ada bawa satu buku, "Inside The DAP", yang ditulis oleh rakan baik Yang Berhormat DAP. Kawan sana pun ada satu buku. *[Ditujukan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kluang yang menunjukkan sebuah buku yang sama]* Semua jawapannya ada di sini.

Sebenarnya tujuan dia bangkitkan dia marah kuat Ahli Yang Berhormat dari Labis, sebenarnya dia hendak tutup kelemahan mereka sebab DAP seperti mengakui bahawa mereka mesti buat satu reformasi, kalau tidak buat, dia akan mati, akan pupus, habis. Oleh kerana itu dia akan cari "excuse", dia akan cari alasan, mencari mana orang yang salah. Jadi, semua tujuannya ialah untuk menutup kelemahan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:**  
Yang Berhormat, sila gulung.

**Dato'. Hon Choon Kim:** Eh, cepat sangat ini? *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** 10 minit.

**Dato' Hon Choon Kim:** Lagi pun dia sebut, capak kehadiran dalam Parlimen. Sebenarnya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, dia pun tidak faham tentang tugas anggota kerajaan khususnya menteri dan juga Ahli Parlimen biasa. Ahli Parlimen dari Labis, dia menteri. Dia tidak perlu tiap-tiap hari datang ke Parlimen untuk membawa pandangan beliau dalam Parlimen, bukan macam saya, saya kena hadir tiap-tiap hari. Hadir untuk mengemukakan pandangan, berikan teguran kepada kerajaan supaya kerajaan boleh mengambil satu langkah, tetapi Ahli Yang Berhormat dari Labis tidak perlu, dia sendiri menteri, dia boleh bawa kepada kabinet apa sahaja masalah dan masalah akan diambil.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Hoo Seong Chang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:**  
Yang Berhormat, walaupun ada dua orang peminat bangun, tetapi saya rasa masa sudah cukup.

**Dato' Hon Choon Kim:** Cukuplah, beri saya peluang habis ini, banyak lagi ini. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:**  
Yang Berhormat, masa sudah habis. *[Ketawa]*  
Tidak sempat ya.

**Dato' Hon Choon Kim:** Jadi, Tuan Pengerusi, saya cuma nasihatkan beliaulah, jangan buat macam ini, ikut nasihat yang dibuat tempoh hari oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Jangan buat macam ini. You have a good future, dengan izin, *[Ketawa]* jangan buat macam ini. Masuklah MCA, kita sama-sama kerja *[Tepuk]* macam kawan Yang Berhormat, dua-dua Yang Berhormat dari Seremban pun sudah masuk Barisan Nasional sebab dia tahu tidak boleh hidup dalam DAP, DAP akan pupus.

**Seorang Ahli:** *[Tepuk]* Yaaaa....

**Seorang Ahli:** Main yo-yo.

**Dato'. Hon Choon Kim:** Sekian, saya tidak menyokong cadangan beliau.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:**  
Ya, Jelebu.

7.43 mlm.

**Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya melihat kepada

usul ini, usul yang tidak ada kualitilah, tidak payah kita bahas panjang-panjanglah.

**Seorang Ahli:** Duduklah.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Saya hendak melihat kepada tuduhan-tuduhan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen Labis. Saya hendak mengingatkan kepada satu keadaan di mana Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pada tahun 1994, kalau tidak silap saya, pun terlibat dalam kemalangan di Lebuhraya Utara-Selatan/ Kuala Lumpur-Seremban dan memang JPJ telah mengesahkan, pada waktu itu saya masih jadi pegawai JPJ. Dan saya simpati sebenarnya kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Oleh kerana tayar keretanya pancit, saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, adakah terlibatnya, Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong dalam kemalangan tersebut disebabkan oleh Menteri Pengangkutan? Apa ada kena mengena dengan Menteri Pengangkutan? Tayar baru, kereta Honda Accord pula itu, bukan Proton Saga, bukan tayar celup, tayar baru punya [Ketawa].

Jadi, janganlah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka senang-senang hendak tuduh Ahli Parlimen dari Labis ...

**Tuan Lim Guan Eng:** [Bangun]

**Tuan Liew Ah Kim:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Dengar saya cakap dulu, saya cakap dulu. Nanti 'abang' cakap dulu. 'Tiam-tiam' duduk. Jadi, adakah.....

**Tuan Lim Hock Seng:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Bagan bangun ini.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tidak payah, duduklah dulu Bagan. Bagan duduklah dahulu, Jelebu hendak cakap. Jadi, adakah wajar dan patut kita tuduh kepada Ahli Parlimen dari Labis sebab bapa accident? Begitu juga dengan kemalangan-kemalangan yang lain. Saya lihat pada suatu hari, kalau dahulu DAPlah yang menentang penggunaan lebuhraya dan sebagainya, tetapi ada satu kali itu saya ikut dia, dia hendak balik daripada Parlimen ke Kota Melaka. Speed saya, dengan izin, pada masa

itu, Tuan Pengerusi, 160 KmH kelajuannya, memang saya melanggar peraturan sebab saya pun hendak segera.

Saya tengok ada satu Proton Perdana dengan lambang Ahli Parlimennya, saya potong, dia potong saya, saya potong dia, dia potong saya, lepas itu saya beri dia jalan terus - 180 KmH ke-200 KmH saya jangkakan kelajuan kereta beliau. [Ketawa]

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Siapa dia itu?

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Saya check dengan JPJ tengok Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. [Tepuk][Ketawa]

**Tuan Lim Guan Eng:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia bangun ini, Yang Berhormat, dia bangun ini.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Lepas itu, Tuan Pengerusi saya confirm dengan dia di luar Dewan "Yang Berhormat mahu pergi mana banyak laju semalam?" "Mahu balik, ada hal!" dia bilang. Confirm! 180 KmH.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, hendak beri jalan ini?

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Duduk dulu. Duduk dulu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Beri jalanlah.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Okaylah, okaylah.[Ketawa]

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingat Yang Berhormat ini tidak patutlah, ini cerita angangan....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Aiyaa!

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan, kalau ini benar saya tidak akan nafikan tetapi ini tidak benar.....

**Seorang Ahli:** Aaaah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi ini tidak benar. Mana boleh lari sampai 200 km?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** 180.

**Tuan Lim Guan Eng:** Atau 180 kmh tidak mungkin, tidak mungkin. Kalau boleh, cuba saya punya Proton Perdana, mana boleh lari sampai 180 kmh? Bahaya tahu! [Sorak] Tetapi yang penting sekali Yang Berhormat dari Jelebu, saya ingin menyatakan, yang pertama,

tentang toll. Demonstrasi terhadap toll bukanlah terhadap lebu raya. Demonstrasinya adalah terhadap kadar toll, bukan lebu raya iaitu kadar yang terlalu tinggi dan dengan reka bentuk dan semua proses penswastaaan, bukan lebu raya.

Yang kedua, saya bukan marah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kerana kemalangan di mana bukan sahaja ahli keluarga atau saya sendiri ditimpa....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti, nanti saya habis.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti, Yang Berhormat.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, cukuplah itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi ini adalah secara spesifik.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti, nanti saya habis.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, cukuplah itu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kota Melaka, Yang Berhormat hendak beri penjelasan ataupun hendak soal?

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Cukup, cukup, cukup.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan, bukan. Saya hendak tanya dia....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi....

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Saya sudah cukup beri jalan. Cukup.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Duduk.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Duduk, duduk, duduk.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Hei, sini soallah!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti dulu, saya belum habis lagi.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Cukup, cukup, cukup.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sedikit sahaja.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Cukuplah, cukup, cukup.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Kota Melaka, tadi Jelebu sudah beri jalan....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, ya. Sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kalau hendak soal, soal terus.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya soal terus.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tidak payah, tidak payah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak payah beri ulasan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak tanya...

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Cukup, cukup.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, nanti dulu. Ada Peraturan Mesyuarat ini. Mentakab.

**Tuan Fu Ah Kiow:** (b).

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya?

**Tuan Fu Ah Kiow:** 37(b).

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Silakan.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak boleh beri penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tadi saya sudah cakap, bukan dia tidak dengar.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Suruh dia duduklah.

**Seorang Ahli:** Duduklah!

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat dari Jelebu sama ada sedar bahawa perkara ini adalah penting dan adakah beliau setuju bahawa kematian dan kemalangan jalan raya adalah satu perkara yang sangat serius dan harus diberikan perhatian, bukan secara specific tetapi secara am, adakah ini satu perkara penting dan serius?

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Okay, okay. Saya faham.

**Tuan Lim Guan Eng:** Dan bukanlah secara peribadi.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Saya faham. Tadi Yang Berhormat bercakap lain, mengatakan kesalahan accident dengan kenaikan 18% pada tahun ini disebabkan oleh Menteri Pengangkutan, sekarang Yang Berhormat sudah pusing pula. Ini apa cerita ini? *[Disampuk]*

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Seorang Ahli:** Hei, duduklah.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Saya tidak beri jalan, duduk.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Kota Melaka, dia berhak jawab.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Ini cakap dolak dalik. Janganlah macam itu Yang Berhormat Kota Melaka. Ini cakap dolak dalik macam lidah biawak bercabang dua *[Sambil menunjukkan tanda dua dengan jari]*.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun ini.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Okay, sila.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Ahli Yang Berhormat dari Jelebu, adakah Yang Berhormat sedar.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dulu.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak, saya minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, ada Peraturan Mesyuarat ini. Saya hendak tahu yang ke berapa?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Aiya, main yo-yo.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tadi, Yang Berhormat cakap 'lidah biawak'. Lidah biawak dalam bahasa Malaysia, sungguhpun peribahasa bahasa Malaysia saya bukan berapa baguslah....

**Seorang Ahli:** Aaah

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi saya tahu lidah biawak bermakna pembohong....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau begitu, bolehkah ini dibenarkan dan saya minta Yang Berhormat tarik balik.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*  
*[Menyampuk]*

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Saya tidak cakap.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa kita hendak bincang secara rasional, jangan personallah. Ini personal sangat.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dulu Yang Berhormat.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Saya cakap, bercakap dolak dalik ibarat lidah biawak bercabang dua. Itu sahaja.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tarik balik.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Apa saya hendak tarik balik. Ini perbidalan.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Peribahasa.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Ha, perbidalan boleh saya cakap.

**Tuan Noh bin Omar:** Bapak tidak faham peribahasa, anak tidak faham peribahasa.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tanjong Karang, Tanjong Karang. Saya hendak beri teguran ini.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak ada bahasa, tidak ada bahasa.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kalau Yang Berhormat semua ini terikut-ikut, saya rasa ini bukan sesuatu yang sihat dan balik kepada apa yang dibangkitkan tadi itu, lidah biawak ya? Lidah biawak, ya memang, ini pernah diputuskan dulu pada tahun 80-an dan Yang Berhormat cuba jangan gunakan simpulan bahasa yang berkenaan.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Okaylah, saya tarik balik 'lidah biawak bercabang dua'. Tidak

ada masalah, sebab itulah kita belajar Bahasa Malaysia banyak lagi, baru boleh cakap. Ini tak faham, susah.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Tadi waktu Yang Berhormat dari Kota Melaka bercakap seolah-olah bahawa Menteri Pengangkutan itulah Tuhan yang mengendalikan masalah hidup dan maut. Adakah itu gambaran Yang Berhormat dapat tadi?

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Saya memang menghayati akan isi dan intipati usul itu tadi, sebab itu saya hendak bercakap. Yang Berhormat dari Kota Melaka meletakkan Ahli Yang Berhormat dari Labis seolah-olah macam Tuhan.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:**  
[Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Pokok Sena bangun, tetapi masa sudah suntuk Yang Berhormat.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Silalah brother.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tak mengapa, dia bagi. Tuan Pengerusi, dia bagi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Walau dia bagi, tetapi masa sudah suntuk.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Sedikit sahaja.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Saya hendak minta izin daripada Tuan Pengerusi hendak tambah sedikit.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Minta penjelasan sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi jangan panjang sangat.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tak panjang, pendek sahaja. [Ketawa] Tuan Pengerusi, saya ingat kita boleh tutup kes. Sebab kalau Yang Berhormat dari Jelebu dengan Yang Berhormat dari Kota Melaka dok lawan race, macam mana kita hendak tuduh menteri tak buat kerja. Macam mana kita salahkan Menteri Pengangkutan tentang accident kalau Yang Berhormat pun dok lawan race di atas jalan. Ini saya hendak minta penjelasan, macam mana?

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Sebenarnya Yang Berhormat, saya hendak test dia, [Ketawa] berapa kereta beliau punya performance. Saya boleh agaklah Yang Berhormat boleh lari 180 KmH atas punya. Yang Berhormat jangan main-mainlah, mesti saya boleh agak. Saya sudah 8 tahun dalam JPJ, saya tahu. Saya agak dan tengok Yang Berhormat punya kereta speed berapa, saya sudah tahu.

Jadi, Tuan Pengerusi, sedikit lagi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia sangkaan jahat, Tuan Pengerusi. Mana saya lari....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tak mengapalah, kalau tidak, tidaklah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya tidak benarkan peraturan mesyuarat dibangkitkan macam itu.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Selepas ini di luar kita cerita balikhlah. [Ketawa]

Tuan Pengerusi, sebenarnya saya rasa tidak adil DAP mengatakan begini. DAP tahukah berapa collection JPJ pada satu tahun. Hampir RM2 bilion untuk negara. Kalau tahun lepas RM1.85 bilion. Ini merupakan satu pendapatan kepada negara yang amat besar. Biasalah accident, kalau tak hendak accident naik basikal sahajalah. [Ketawa] Jangan pakai kereta, jangan pakai Proton, jangan pakai Mercedes, pakai basikal sahaja, itu pun ada accident. Jalan kaki lebih selamat. [Ketawa] Ataupun pakai kereta lembu. Jangan salahkan menteri, salahkan kita. Kalau Yang Berhormat menyedari hakikat dan peraturan Islam, qada dan qadar. Fahamkah qada dan qadar? Nasib ditentukan oleh Allah s.w.t., Tuhan atau Allah punya kerja. Ajal-maut, sakit-pening semua Tuhan punya kerja. Kalau hendak accident, accident juga, macam bapa Yang Berhormat itu hari accident, siapa boleh buat. Kita kena terima, kena syukur masih hidup lagi. Jadi, apa yang kita hendak bangkitkan soal kemalangan. Memang hasrat kementerian....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:**  
[Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, walaupun Yang Berhormat hendak layan....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tak mengapa, ini correction sedikit.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** ...ini penjelasan, saya rasa masa tidak mengizinkan, sudah cukup.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Pengerusi, saya buat correction sedikit. Yang Berhormat kata orang berjalan kaki tak mati, hari itu dekat kawasan saya, dia jalan kaki, dia langgar lori berhenti, mati. *[Ketawa]*

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Berlaku. Dalam keadaan mana, dalam tempat tidur pun kita mati. Kalau hendak mati, kita akan mati di mana pun. Jadi, saya tidak setuju perkaranya macam ini dibangkitkan. Jadi, Yang Berhormat kena fikir sebab Yang Berhormat Ahli Parlimen Labis tidak datang ke Dewan. Menteri adalah juga merangkumi timbalan menteri, setiausaha Parlimen, dia boleh mengagihkan kerja-kerja dia. Bukan bermakna menteri kena hadir untuk jawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Setiausaha Parlimen pun standardnya lebih, tahu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Jadi, benda inilah sebenarnya.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Duduk dahululah, saya hendak habiskan ayat yang terakhir. Jadi, saya beri ingatlah janganlah kita condemn orang. Kita ini baik sangatkah. Saya hendak tanya, kalau baik sangat DAP itu, takkanlah dua 'roket' daripada Seremban terjun ke bawah waktu ayahanda tengok Measat II, *[Ketawa]* hari yang sama, waktu yang sama. *[Ketawa]*

Satu lagi, saya setuju dengan Yang Berhormat dari Seremban. Kalau ayahanda tengok anak cakap kurang baik, tegurlah. Jangan sokong. Dosa kita mengajar anak buat tak betul, berdosa kita. Okay, Yang Berhormat, saya menyokong. Saya tidak menyokong. Saya tidak menyokong, saya tarik balik. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Menyokong atau tidak?

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Saya tidak menyokong usul ini. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tersasul ya.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Saya membangkang sekeras-kerasnya usul ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kementerian diminta jawab. Saya rasa banyak masa telah pun....

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah, Yang Berhormat, nanti dahulu. Tidak Yang Berhormat, saya belum buat keputusan. Yang Berhormat, tadi sudah ada tiga orang berbahas.

**Tuan Lim Hock Seng:** Dari pembangkang, satu sahaja.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah, Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat Setiausaha Parlimen jawab, saya izinkan seorang lagi.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, memberi saya kesempatan untuk 'menjawab' satu-dua berkenaan tuduhan-tuduhan di sana. Mula-mula saya ingin....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya ada peluang, bagi saya cakap. Mula-mula saya ingin meminta Kerusi menyingkirkan pendakwaan dari Jelebu, oleh kerana beliau kata Ketua Pembangkang membawa Mercedes Benz menemui satu kemalangan. Sebenarnya kereta yang dibawa adalah Honda Accord. Itu satu tuduhan yang tidak betul, satu. Yang kedua,....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu. Tahukah Yang Berhormat terdapat perbezaan di antara tuduhan dengan dakwaan?

**Tuan Lim Hock Seng:** Dakwaan. Lebih tepat dakwaan tidak tepat. Yang kedua, beliau berkata beliau membawa selaju 160 kilometer satu jam, Yang Berhormat dari Kota Melaka memotong kereta dia dan beliau menyangka yang ia lari 180 kmj hingga 200 kmj, itu juga satu sangkaan yang tidak tepat. Jikalau saya bawa 160 kmj dan seorang boleh memotong saya, mungkin dia 165 kmj. Mengapa 180 kmj hingga 200 kmj. Itu satu lagi dakwaan yang tidak tepat. Belum lagi. Tadi beliau kata, lebih baik pakai basikal atau jalan kaki dia tak mati. Tetapi Yang Berhormat dari Pokok Sena pun kata, jalan kaki pun dapat maut. Jadi, dakwaan yang diberi oleh Jelebu semua tidak boleh pakai dan patut disingkirkan sama sekali, jangan peduli apa yang dia kata.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, hendak singkir apa?

**Tuan Lim Hock Seng:** Singkir dakwaan atau ucapan yang beliau kata.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Bukan hendak singkir orangkah?

**Tuan Lim Hock Seng:** Semua tak betul.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia bangun.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Penjelasan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tidak boleh. Tadi saya minta Yang Berhormat tak bagi jalan.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Takut!

**Tuan Lim Hock Seng:** Bukan takut, saya ada lagi...

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Apa kuasa Yang Berhormat mahu singkir ucapan saya?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Itu hak dia, Yang Berhormat.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Apa you punya kuasa mahu singkir ucapan saya, 'ciu naa seng'.

**Tuan Lim Hock Seng:** Itu sudah melampau.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Itu sudah terlampau. Tarik balik, Kerusi, menjalankan sesuatu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Biadab betullah.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, saya tarik balik.

**Tuan Lim Hock Seng:** Lucah!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukuplah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kena minta maaf.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tidak boleh macam ini sahaja.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini saya rasa lebih dari tarik balik dan minta maaf.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Saya tarik balik, Tuan Pengerusi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta maaf, saya rasa....

**Tuan Lim Hock Seng:** Bukan sahaja tarik balik...

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini Dewan yang mulia.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Jelebu

pun sedar juga dan dia tarik balik. Tetapi saya hendak beri nasihat sedikit, kadangkala bahasa kesat itu janganlah digunakan baik dalam apa bahasa sekali pun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya harap dia minta maaf.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat dari Kota Melaka. Yang Berhormat bangun atas apa?

**Tuan Lim Guan Eng:** Apa yang diputuskan oleh Yang Berhormat Tuan Pengerusi....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dia sudah tarik balik.

**Tuan Lim Guan Eng:** [*Menyampuk*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kalau mengikut peraturan mesyuarat, kalau seseorang itu - nanti dahulu. Kalau seseorang itu sudah tarik balik apa yang dia tersasul capak, saya rasa...

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi mesti tegas dalam perkara ini, kerana ini Dewan yang mulia, bukan dipermain-mainkan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Melainkan kalau Yang Berhormat dari Kota Melaka....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Saya tarik balik.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti. Melainkan kalau Yang Berhormat dari Kota Melaka boleh meyakinkan ataupun beritahu saya Peraturan Mesyuarat yang ke berapa, selain daripada tarik balik itu tidak memadai kena buat sesuatu lagi. Kalau tidak, Yang Berhormat, cukup.

**Tuan Lim Hock Seng:** Baiklah, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat dari Bagan bersetuju bahawa apa yang berlaku tadi, Yang Berhormat dari Jelebu "ceu naa seng" digunakan - sungguhpun dia tarik balik.....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tanjong kena tarik balik. Dia kata Jelebu 'teu naa seng'. [*Ketawa*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Di mana Ahli-ahli Parlimen MCA boleh ketawa.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, saya minta.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukuplah Yang Berhormat. Saya.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu tanya Yang Berhormat dari Bagan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat nanti dahulu. Saya tidak mahu Yang Berhormat .....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** [*Menyampuk*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, cukuplah. Janganlah gunakan ungkapan itu berulang kali. Itu memang tidak sedap di dengar.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat dari Bagan setuju bahawa perkataan yang digunakan oleh Yang Berhormat dari Jelebu dan diulangi tadi, bukan sahaja satu insult kepada komuniti Tionghua tetapi kepada semua Ahli-ahli Parlimen di sini, dan sangat malangnya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, khususnya MCA semua ketawa. Menganggap ini perkara main-main dan kecil-kecil, tidak boleh menjaga maruah Parlimen, tidak boleh menjaga maruah semua Ahli-ahli Parlimen di sini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat dari Bagan bersetuju bahawa ini adalah satu isu yang sangat malu di dalam Dewan yang mulia ini?

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, saya bersetuju bahawa kelakuan.....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Memanglah dia setuju Tuan Pengerusi. Minta penjelasan.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Kalau macam ini macam mana mahu faham?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia hendak minta jalan.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Minta jalan, minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Bagan hendak beri?

**Tuan Lim Hock Seng:** Tidak beri Tuan Pengerusi.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Kalau tidak beri, teruskan. Saya sudah tarik balik, apa yang dia dok sibuk lagi. Tuan Pengerusi sudah tegas.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya sudah membuat keputusan.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Ini orang tidak tahu cakap Melayu ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya sudah membuat keputusan - cukup. Saya tidak mahu ungkapan yang sama itu diulangi.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, pandangan dari Ketua Pembangkang, iaitu ada satu kelakuan yang sangat melampau sehingga menghina Dewan yang mulia ini adalah sama sekali tidak dapat diterima langsung dan kami sedang melihat satu kelakuan yang begitu tidak seronok sama sekali dalam Dewan yang mulia ini. Sebagai seorang manusia, kalau apa-apa yang kita buatkan bersama dan dipinda serta di bawa masuk ke dalam Dewan yang mulia ini dan sekali gus dibongkarkan segala-galanya, adakah orang ini boleh dipercayai jikalau saya berbual-bual dengan seorang Ahli Yang Berhormat dari Dewan ini berkenaan dengan sesuatu dan sebentar lagi beliau bawa dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, macam mana moral seorang Ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan yang mulia ini?

Tuan Pengerusi, dari ucapan di sebelah sana, kami bolehlah mendapat satu tafsiran bahawa orang-orang yang ditimpa maut atau ditimpa kemalangan di jalan raya adalah orang itu sendiri yang mencari maut atau mencari kemalangan dan langsung tidak berkenaan dengan pihak kementerian atau pihak.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Parit Sulong bangun.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tidak beri, saya ada banyak lagi. Nanti kalau ada masa, saya boleh beri.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya hendak menjelaskan tentang kuasa Tuhan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dia tidak beri.

**Tuan Lim Hock Seng:** Nanti kalau ada masa, saya beri.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Hei, you tidak percaya Tuhankah?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tidak payahlah tawar menawar. Ini bukan dalam satu.....

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, betul. Itu fasal saya tidak beri jalan. Kalau ada masa saya beri.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Teruskan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Jadi, apa gunanya kita berbelanja sebanyak RM34 juta untuk melancarkan satu kempen mencegah kemalangan dan amaun ini adalah cukai rakyat. Jalankan satu kempen untuk mencegah kemalangan, tetapi ada Ahli Yang Berhormat di sini yang menuduh kemalangan itu adalah sendiri yang cari dan bukan berkenaan dengan keadaan jalan, bukan kerana tidak ada tanda jalan dan bukan kerana apa-apa yang lain. Itu sangat sedihlah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menuduh Yang Berhormat dari Labis menjalankan satu perasmian sebuah kedai makanan. Kami bukan ada di sana. Kami tidak tahu pukul berapa dia pergi? Tetapi dalam surat khabar sepenuh muka ini ada satu jemputan yang ditulis dalam bahasa Cina - jemputan kepada orang ramai bahawa pembukaan rasmi kedai ini akan dilangsungkan dari pukul 2.00 hingga pukul 4.00 dan semua dijemput untuk menghadiri. Saya tidak tahulah, mungkin Yang Berhormat dari Labis merasmikan kedai itu pada awal pagi pukul 7.00 dan jemput para hadirin menghadiri jamuan makan itu pada pukul 2.00 hingga 4.00. Itu mungkin.

**Seorang Ahli:** Sudah basilah.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tetapi apa yang kami dapat adalah maklumat-maklumat dari surat khabar dan tadi ada Ahli Yang Berhormat di sebelah sana yang mengatakan "Ah, selalu

main dengan keratan surat khabar Cina". Adakah Yang Berhormat dari sebelah sana tidak ada kepercayaan kepada surat khabar? Terutama sekali *Nanyang Siang Pau* yang kami tunjukkan ini. Tidak ada kepercayaan dan tidak ada keyakinan kepada laporan inikah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin menjelaskan satu, iaitu kami.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Satu lagi, tinggal sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Habiskan ayat itu Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, satu ayat. Kami bukan membantah pelaksanaan Lebuhraya Utara-Selatan, yang kami bantah ialah cara penswastaannya kepada UEM pada masa itu. Ini pernah diputuskan oleh mahkamah tertinggi, iaitu Mahkamah Agung, sama ada betul atau tidak betul, ini akan diputuskan oleh rakyat dan bukan kami membantah untuk membina lebuhraya, sebenarnya kami mengalu-alukan lebih banyak lagi lebuhraya dibina, tetapi kami pertikaikan cara penswastaannya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen diminta menjawab.

8.07 mlm.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:** Tuan Pengerusi, sebelum saya memberi jawapan saya ingin meminta Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong kerajaan supaya bertenang dan sabar, jangan beremosi dan juga menjerit macam bapa dan anak di sebelah situ. Kita orang berbudaya dan bersopan dan saya akan memberi jawapan satu demi satu, tetapi kerana kesuntukan masa, kemungkinan saya tidak akan memberi penjelasan.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah berucap dan mempunyai kewarasan untuk menolak cadangan 'Usul tidak percaya' yang telah diperbahaskan di bawah Program Perkhidmatan Bantuan, Program/ Aktiviti - Pentadbiran dan Emolumen. Kementerian saya berpendapat bahawa Usul ini adalah merupakan satu perkara yang amat frivolous and vexatious and also tantamount to abuse of the due process of democracy, dengan izin.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Chor Chee Heung:** Dalam lain perkataan, Dewan yang mulia ini telah menyaksikan suatu misalan salah guna proses demokrasi yang paling ketara, iaitu dalam menonjolkan Usul ini. Kepada pencadang dan juga penyokong Usul ini ianya dengan sendirinya merupakan an insult to the own intelligence, dengan izin. Saya tidak tahu, apakah tujuan ataupun matlamat cadangan dalam Usul yang dikemukakan, kecuali seolah-olah untuk mendapat publisiti yang murah, itu pun pada pendapat saya, rakyat telah menjadi jemu dan bosan terhadap kelakuan yang diamalkan oleh sesetengah Ahli Parlimen Pembangkang. Tetapi ini tidak termasuk Ahli Parlimen seperti Kepong, Seputeh dan Bagan sebab mereka bertiga ini telah mencapai kematangan dan mempunyai decorum Dewan yang bertahap tinggi.

Tuan Pengerusi, tadi dalam ucapan Yang Berhormat dari Kota Melaka, beliau dengan sengajanya mencari jalan macam mana untuk memperkecilkan Yang Berhormat Menteri dan semata-matanya semua yang silap dan salah dilonggokkan ke bahu Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Satu misalan yang cukup tepat ialah kadar kemalangan dalam negara kita. Yang Berhormat Kota Melaka hingga hari ini masih tidak faham dan tidak mengetahui berapa jumlah kenderaan yang berada dalam negara kita dan kedudukan sebenarnya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hari ini negara kita mempunyai lebih kurang 7 juta buah kenderaan dan dalam perkataan lain. Pada puratanya setiap tiga orang penduduk mempunyai sebuah kenderaan. Memang jika kita ikut logik, dengan peningkatan jumlah kenderaan di negara kita, maka kemalangan juga agak meningkat. Ini satu logik yang cukup munasabah yang boleh diterima.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini lagi, matlamat kerajaan yang diputuskan pada tahun

1990 mengenai program keselamatan jalan raya ialah mengurangkan kadar kematian akibat jalan raya ke tahap 30% menjelang tahun 2000. Ini mengikut pendapat Kementerian Pengangkutan adalah satu masa yang cukup singkat dan matlamat tersebut telah ditetapkan dalam tahun 1990 sebelum kadar motorisasi betul-betul meningkat. Tahun 1995, Kementerian Pengangkutan telah pun mengetahui melalui kajian iaitu kadar 30% pada menjelang tahun 2000 adalah terlalu singkat dan memang tidak munasabah dicapai.

Tahukah atau tidak, kalau mengikut contoh, negara-negara Barat seperti Sweden dan juga United Kingdom, kedua-dua negara ini mempunyai kadar kemalangan yang begitu rendah selepas melalui pelbagai usaha termasuk kempen-kempen selama 30 tahun. Berapa tahun sahaja Malaysia baru memulakan kempen itu dan mengambil usaha-usaha lain?

Tuan Pengerusi, tambahan pula, kita hendak mencari pendekatan yang tepat iaitu untuk mengubah sikap rakyat kita dari segi mematuhi peraturan di jalan raya. Kalau sikap rakyat kita tidak diubah dan kekal seperti sekarang memang proses ini akan mengambil masa yang panjang, ini kita semua harus mengakui. Jika semua rakyat mempunyai sikap seperti Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang boleh bawa kereta hingga 165 kilometer satu jam, apatah lagi kemalangan tidakkah bertambah? Laporan ini ialah daripada Ahli Yang Berhormat dari Jelebu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, 36(6). Saya rasa itu sangkaan jahat. Saya tidak bawa kereta selaju itu. Saya rasa jangan buat .....

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, tidak tahulah, ini mengikut laporan dari Ahli Yang Berhormat dari Jelebu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tak boleh bercakap macam itu! Mesti lebih bertanggungjawablah!

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila, sila.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, kita juga harus berhati-hati sebelum kita mengeluarkan perkataan-perkataan yang tidak bertanggungjawab. Kita harus tahu juga betul atau tidak sama ada menjadi fakta atau tidak, macam tadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan LRT dibeli dan buat dengan harga yang begitu mahal dan sebagainya. Adakah Ahli Yang Berhormat

sedar, sebenarnya pembelian segala-gala koc dan juga membuat landasan LRT, keputusan ini bukan dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, ini semua dilakukan selepas kajian dibuat oleh EPU. Ahli Yang Berhormat pun tidak tahu juga perkara ini. Semua ini dia tidak faham, dia cuma lemparkan segala dakwaan seperti itu.

Tuan Pengerusi, satu lagi, tadi .....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Chor Chee Heung:** Kita hendak habiskan pada pukul 8.45 malam ini.

**Tuan Pengerusi:** Silakan. Dia tidak beri jalan Ahli Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, dalam ucapannya beliau juga melemparkan pelbagai dakwaan seperti Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sengaja membuat tanpa tender, memberi kontrak dalam kempen-kempen Keselamatan Jalan Raya kepada Syarikat Media House. Adakah Yang Berhormat dari Kota Melaka sedar, kontrak ini diberikan oleh Kabinet pada lima tahun yang lalu, pada tahun 1990 dan untuk hingga tahun 1992? Dan tambahan lagi, sejak tahun 1992 hingga hari ini kontrak itu masih dilanjutkan. Kontrak bagi mengadakan Kempen Keselamatan Jalan Raya masih berjalan atas kelulusan Kementerian Kewangan.

Adakah Yang Berhormat sedar perkara ini? Lain kali jangan bercakap jikalau tidak ada fakta. Perkara ini sudah lama dan telah berulang kali beliau menyuarakan di Dewan yang mulia ini dan saya tidak mempunyai kesempatan untuk menjawab balik dan hari ini ialah kesempatan yang paling tepat sekali.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah berucap dengan nada yang begitu emosi mengenai kurang kehadiran Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ke Parlimen untuk menjawab soalan. Saya berasa memang ada 'udang di sebalik batu' dalam Usul ini. Saya percaya, sebenarnya apa yang dikemukakan dalam Usul ini adalah merupakan satu tujuan yang agak, dengan izin, 'subtle to get back', kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan atas kejayaannya dalam politik dan juga prestasi kerjanya sebagai seorang Menteri Pengangkutan. *[Tepuk]*

Memang saya tahu, 'geram' ini telah pun disimpan agak lama, sekarang melalui Usul ini, dia melepaskan semua. Tetapi, malangnya nampak macam sudah 'backfire' sedikitlah.

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, saya juga ingin menasihatkan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sebagai ketua parti DAP, janganlah ikut orang pergi luar negeri atas tiket percuma, kali ini beliau dapat free dia pun ikut, sedangkan bila dia ada di situ, seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelebu, menyaksikan setalit MEASAT Malaysia naik, di sini dua roket dia sendiri telah tumbang dan turun. *[Ketawa]* Mereka berdua lompat masuk parti BN. Betul atau tidak? Ini adalah satu pengajaran, jangan ikut orang, bila orang beri free, tahu!

Bila pengikut dia lompat, pemimpin-pemimpin parti DAP, hanya dengan lemahnya mendakwa mesti ada berkaitan dengan politik wang dan segala-galanya.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Pokok Sena bangun di belakang itu.

**Tuan Chor Chee Heung:** Ya, cepat sedikit!

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kalau sekali Setiausaha Agung DAP pergi lawatan, dua turun, sepuluh kali pi habis! *[Ketawa]* Bagaimana kalau kita bawa sepuluh kali? *[Ketawa]*

Saya mencadangkan supaya Perdana Menteri membawa Ketua Pembangkang ini barang sepuluh kali, lepas itu habis semua. *[Ketawa]*

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena. Selepas pengalaman itu, saya percaya sampai mati tak pergi dah! *[Ketawa]* Free pun tak pergi ni! *[Ketawa][Tepuk]*

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan kelompitan dua orang ADUN ke parti BN berkaitan dengan politik wang. Sebenarnya, jangan susah hati, ini bukan dalam DAP sahaja, MCA, UMNO dan Gerakan pun juga pernah mengadakan pengalaman itu, 'this is not the end of the world, my friend', dengan izin.

Tuan Pengerusi, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban dan yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, memang benar! Saya juga pada pagi ini terbaca dalam *Utusan Malaysia* dan di sini saya juga ada muka surat berita itu. [*sambil menunjukkan keratan akhbar*].

Tuan Pengerusi, dia kata, izinkan saya untuk membaca dan quote:

“Setiausaha Agungnya Lim Kit Siang memberitahu Program Reformasi perlu dijalankan bagi menyelamatkan DAP .....

Hingga tahap ini, ‘menyelamatkan DAP!!

..... sekiranya tidak, parti itu akan berkubur dalam menghadapi cabaran politik baru pada abad yang ke-21”.

Hai, ini memang benar! Saya ingin menasihati juga Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, balik dan mengadakan satu analisa, ya!

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menyatakan kadar kehadiran Yang Berhormat Menteri Pengangkutan di Dewan yang mulia ini hanya 8%. Saya tidak tahu melalui cara apa beliau mengira angka ini dan jika perkara ini benar pun, (memang kita tidak bersetujulah) memang kita dengan sekeras-kerasnya menafikan perkara ini. Jika katalah perkara ini benar, adakah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sedar apakah program baki masa yang 92% Yang Berhormat Menteri Pengangkutan? Saya hendak tanya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya suka memberitahu, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan juga dalam kerja-kerja hariannya menjalankan tugas rasmi lain di bawah kementerian, seperti lawatan ke luar negara untuk berbincang, meminta, berjumpa dan untuk mendapat lebih banyak kemudahan seperti penambahan destinasi dan hak pendaratan bagi penerbangan nasional dan juga usaha-usaha untuk melobi supaya lebih banyak syarikat perkapalan besar menggunakan pelabuhan utama kita.

Ini adalah sebahagian besar masa keemasan seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat Kota Melaka, yang digunakan oleh Yang Berhormat Menteri, bukan macam Yang Berhormat dari Jelutong. Kalau dia tidak ada dalam Dewan, mesti di mahkamah. Itu cari wang. [*Tepuk*] Tetapi bila Yang Berhormat

Menteri tidak ada, ini kerana kerja-kerja rasminya.

Tuan Pengerusi, melalui usaha-usaha gigih Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, kita dapat melihat banyak pembangunan dan juga sumbangannya ini dalam beberapa aspek. Yang pertama, Tuan Pengerusi, pada hari ini kita dapat menyaksikan dengan jelasnya penerbangan nasional kita mempunyai penambahan hak daratan. Hak daratan ke 77 destinasi antarabangsa dalam 67 buah negara. Dalam tahun ini sahaja kita dapat melihat penambahan sebanyak 10 destinasi. Bukankah ini usaha Yang Berhormat Menteri dan juga semua anggota Kementerian Pengangkutan?

Yang kedua, Tuan Pengerusi, negara kita terdapat enam buah pelabuhan iaitu Pelabuhan Kelang, Pelabuhan Pulau Pinang, Pasir Gudang, Kuantan, Kemaman dan Bintulu. Memanglah saya percaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat penyokong kerajaan sedar. Adakah Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Tanjong sedar, prestasi dari segi ‘through put’, dengan izin, telah pun bertambah begitu hebat. Satu misal yang tepat, Pelabuhan Kelang telah mencatatkan penambahan through put sebanyak 20% dan lain-lain pelabuhan 10% pada tahun yang lepas. Dalam dua tahun ini sebanyak 18 MLO (Main Line Operator) seperti kapal-kapal kontena besar di bawah Global Alliances, Hyundai, OOCL, Grand Alliances, Han Jin, Shipping Alliances datang ke Pelabuhan Kelang untuk mengangkut kontena dan barang-barangan terus ke Eropah dan Amerika Syarikat.

Memang dua tahun yang lepas kita mempunyai tidak lebih daripada 3 MLO di Pelabuhan Kelang, sekarang pula eksport-eksport Pelabuhan Indonesia seperti Surabaya, Jakarta, Belawan termasuk Yangon, Myanmar juga pun mula melalui Pelabuhan Kelang kita. Di sini kita sendiri mengendalikan semua eksport dari negara kita masuk ke dalam kapal-kapal besar terus ke Eropah ataupun lain-lain destinasi dalam rantau ini.

Dari segi rangkaian rel atau perhubungan rel, sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuka cadangan di satu mesyuarat ASEAN, kita dapat melihat Kementerian Pengangkutan di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan begitu sibuk pergi merata-rata melawat semua negara ASEAN supaya dapat mewujudkan satu hubungan rel keretapi dari

Singapura ke Kunming, China kemungkinan dalam lima tahun kelak.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya ingin juga memberitahu Dewan yang mulia ini, semua agensi di bawah kementerian saya seperti JPJ, DCA, MAB, KTM harus juga kita lawati, diperiksa dan dikawal dari segi prestasi perkhidmatan dari masa ke semasa. Adakah DAP sebagai satu parti politik, agak Yang Berhormat Menteri dapat melawat atau mengadakan mesyuarat sebelah malam iaitu selepas sidang Parlimen? Adakah ini munasabah? Bukan macam ahli-ahli di kalangan DAP, kerja rasmi utama mereka ialah untuk mendapat publisiti melalui tohmahan juga mengkritik segala-gala tanpa mengira sama ada tohmahan itu berasas atau tidak. Asalkan mereka berpendapat rakyat menyokong mereka melalui publisiti. Kononnya., Tuan Pengerusi, semua ini di atas check and balance, dengan izin. Seolah-olahnya DAP hanya hidup atas isu-isu yang diputarbelitkan tetapi tidak melakukan sesuatu yang membina atau membawa faedah kepada rakyat dan negara.

Saya memang setuju dengan Yang Berhormat dari Senai, Yang Berhormat dari Seremban dan juga Yang Berhormat dari Jelebu, jika ahli-ahli dalam DAP berterusan dengan sikap negatif dan cara politik yang berobsolete, dengan izin, seperti yang diamalkan selama ini tidak lama lagi DAP hanya mempunyai tiga wakil sahaja dalam Dewan yang mulia ini dan saya agaklah, ini pun tidak pasti lagi tu, Yang Berhormat Kepong, Seputeh dan Bagan, itupun tidak pasti sama ada tiga orang ini akan survive atau tidak.

Tuan Pengerusi, semasa Yang Berhormat Kota Melaka berucap, tiba-tiba saya dapat mengimbas balik semasa saya di sekolah menengah mengaji Tingkatan Enam. Saya percaya salah sebuah teks yang kita harus baca ialah "Understand and Criticise", dengan izin, ini untuk general paper, kalau tidak silap saya. Di -situ kita diajar untuk memerhati sesuatu masalah dan bukan hanya melempar dakwaan atau membuat critical assessment tanpa memahami terlebih dahulu. Kita tidak criticise, kita understand dahulu, ini merupakan satu pengajaran kepada Yang Berhormat di sebelah bangku DAP ini, DAP itu, depa harus baca buku itu dahulu, understand first before you criticise, dengan izin, and don't simply throw it out. Man, sad to say your brand of politics is not doing

but criticising and shouting slogan, left, right and centre, to get attention of the voters is getting obsolete now, dengan izin.

Sebab semua ini tidak mengikut kepada peredaran masa, Tuan Pengerusi, sekarang kita harus mempunyai wakil-wakil rakyat yang rajin dan juga bekerja keras demi kepentingan rakyat dan negara. Kita harap Ahli-ahli Yang Berhormat pembangkang harus mengadakan sesi introspection, dengan izin. Sesi introspection, dengan izin, supaya mereka dapat menganalisa diri mereka sendiri. Saya kurang pasti sama ada kandungan dalam usul ini adalah symptomatic penyakit OTC ataupun otak tidak berapa cantiklah.

Tuan Pengerusi, memang diketahui oleh semua termasuk juga rakyat jelata bahawa Yang Berhormat menteri-menteri mempunyai tugas yang begitu berat dan juga bidang yang begitu luas iaitu termasuk menjawab dan membentangkan rang undang-undang di Parlimen. Oleh yang demikian kerajaan terpaksa juga melantik Yang Berhormat timbalan-timbalan menteri dan juga setiausaha-setiausaha Parlimen untuk membantu menteri dan salah satu aspek ialah menghadiri Parlimen untuk menjawab dan membentangkan rang undang-undang bagi pihak kementerian.

Oleh yang demikian, kita dapat melihat begitu ramai timbalan-timbalan menteri yang duduk di sini, tengok mereka ini jikadipukul pun tak lari juga. [Ketawa] Tunggu sampai 8.45 malam tiap-tiap malam. Ini prestasi timbalan-timbalan menteri kita ini. Tuan Pengerusi, memang saya ingin memberitahu amalan mempunyai timbalan-timbalan menteri dan juga setiausaha-setiausaha Parlimen bukan sahaja wujud di Malaysia tetapi di semua negara yang mempraktikan sistem demokrasi berparlimen dan juga termasuk negara yang bercorak Republik. Kemungkinan gelaran jawatan mungkin berlainan. Jika semua kerja-kerja dan tugas-tugas termasuk menghadiri Parlimen hanya dilakukan oleh Yang Berhormat menteri sendiri, saya percaya sehari dua puluh empat jam kerja pun tidak dapat disempurnakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya ingin, Tuan Pengerusi, izinkan saya merujuk kepada Perlembagaan Negara kita iaitu Fasal 43A(2), Fasal 43B(2) juga yang mana kedua-dua fasal ini menyatakan begitu jelas, "*timbalan-timbalan menteri dan setiausaha-setiausaha Parlimen hendaklah membantu*

*menteri-menteri pada menjalankan kewajipan-kewajipan dan tugas-tugas mereka dan bagi maksud tersebut hendaklah mempunyai segala kuasa menteri-menteri. "*

Bukankah ini jelas yang mana Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen dapat membantu kementerian ataupun membantu menteri dalam kerja-kerja, termasuk jawapan dan pembentangan rang undang-undang di Parlimen? Di sini, kalau tidak silap tafsiran saya sendiri, Yang Berhormat Menteri tidak payah datang ke Dewan pun kalau beliau betul-betul sibuk dengan tugas rasmi yang lain.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya amat berharap tingkah laku Yang Berhormat dari Kota Melaka yang seumpama ini tidak harus diulangi untuk kebaikan Dewan yang mulia ini.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, seperti yang kita semua maklum, orang-orang yang kecewa dan berputus asa tidak dapat berfikir dengan waras dan senantiasa memikirkan dan melakukan perkara-perkara yang tidak membawa sebarang faedah kepada rakyat, apatah lagi negara. Tetapi, hendak buat macam mana? Ini adalah salah satu kelemahan manusia dan melibatkan dalam politik kekacauan seperti Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Tanjong.

Kementerian saya amat berharap dalam proses mencapai kewarasan dan kematangan politik sebagai Ahli Parlimen, keputusan Dewan yang mulia ini terhadap usul ini sedikit sebanyak merupakan sebagai satu pengajaran kepada Yang Berhormat Kota Melaka walaupun malangnya semua ini memang telah membuang masa Dewan yang mulia ini. Saya harap kita semua dapat memaafkan mereka. Sekian. *[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan iaitu:

"Bahawa RM10 dikurangkan daripada emolumen Yang Berhormat Menteri Pengangkutan di bawah Butiran 010000 - Perkhidmatan Bantuan, Program/Aktiviti 010100 - Pentadbiran dan Kod 10000 - Emolumen"

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.47 dan Kepala Bekalan Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan sekali lagi terbuka untuk dibahas. Jelebu.

**8.34 mlm.**

**Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Suka saya hendak menyentuh mengenai dengan Maksud Bekalan B.47, Kementerian Pengangkutan iaitu Butiran 060000 - Pengangkutan Darat dan Program 060300 - Perkhidmatan Teknik.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita ketahui, ke arah mengurangkan kadar kemalangan lebih 30% menjelang tahun 2000, sewajarnya bahagian ini melalui PUSPAKOM Snd. Bhd. yang telah diberikan amanah untuk menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan-kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam penyeliaannya hendaklah dipertingkatkan.

Kita berharap dengan terbinanya 31 buah pusat pemeriksaan yang menelan belanja lebih kurang RM200 juta setakat ini dan pertambahan kakitangan di kalangan pemeriksa kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam, kita berharap kementerian ini akan dapat menumpukan kawal selia kepada soal-soal pemeriksaan yang dilaksanakan oleh pihak PUSPAKOM.

Tuan Pengerusi, berdasarkan kepada kemalangan yang berlaku, kemalangan juga melibatkan soal-soal kenderaan pengangkutan perdagangan dan juga perkhidmatan awam. Oleh kerana itulah kita menyarankan supaya di bawah program ini, perkhidmatan teknik akan lebih menumpukan soal-soal perkhidmatan teknik dan juga penyeliaan ke atas tugas pemeriksaan yang akan dilakukan oleh PUSPAKOM.

Saya berharap cadangan yang telah dianjurkan kepada pihak kementerian untuk mengadakan dan melakukan pemeriksaan 12 bulan sekali ke atas kenderaan-kenderaan milik Persatuan Pengangkutan Kontena Malaysia (CHAM) akan dapat dikaji semula. Kita mendapat maklumat bahawa terdapat permohonan daripada pihak CHAM untuk memohon persetujuan pihak kerajaan supaya kenderaan-kenderaan Jenis Treller Kontena milik ahli syarikat ini (CHAM) dapat diperiksa

sekali dalam 12 bulan. Ini akan menimbulkan beberapa permasalahan.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa Malaysia sekarang ini menuju ke era negara maju dan berteknologi tinggi dan di dalam masa yang sama, kita hendak merubah peraturan yang sedia ada untuk mengurangkan ataupun memeriksa kenderaan-kenderaan perdagangan ini 12 bulan sekali, sedangkan peraturan yang sedia ada ialah 6 bulan sekali.

Jadi, inilah yang harus kita lihat supaya ianya tidak akan dilaksanakan dan kita berharap kekalkan keadaan yang lama sebab kita khuatir sekiranya CHAM berjaya di dalam tuntutan mereka, apa kata dengan pemilik kenderaan dan syarikat-syarikat yang lain yang mempunyai kontena dan sebagainya?

Kontena mempunyai berbagai-bagai kelemahan sekiranya tidak diperiksa mengikut bilangan bulan yang berkenaan. Kita dapat mengenal pasti bahawa kerosakan-kerosakan yang biasa berlaku kepada kontena dan juga lain-lain kenderaan treler ialah berdasarkan brake system, king pinnya, wheel hub bearingnya, supporting frame dan juga twist lock, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Ini merupakan tempat-tempat yang selalu dipastikan kerosakan akan sentiasa berlaku sekiranya pemeriksaan tidak akan dibuat mengikut masa yang telah ditetapkan.

Kita maklum bahawa menteri mempunyai kuasa di bawah seksyen 129 Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu Akta 333 untuk membuat dan membentuk kaedah, tetapi kita minta supaya perkara ini (permohonan CHAM) tidak akan dapat dikaji kerana pemeriksaan berkala sebanyak sekali dalam 6 bulan itu adalah cukup memadai bagi semua kenderaan.

Kita melihat bahawa terdapat beberapa kes yang melibatkan treler kontena terbalik. Misal kata yang telah disiarkan melalui surat-surat khabar pada bulan Ogos, September dan sebagainya. Malah, saya minta izin menyatakan bahawa dari *Utusan Malaysia* yang disiarkan pada 28.10.96, "*Treler bawa muatan Konsert Jacko terbalik*". Ini berlaku di lebuhraya di mana lori treler milik Syarikat Multi Modal Freight Sdn. Bhd dipercayai dalam perjalanan dari Pasir Gudang untuk ke Padang Besar, Thailand telah terbalik dan ini sudah confirm bahawa masalah king pinnya yang rosak. Begitu juga dengan lain-lain kes accident di Kepong,

Lebuhraya Sungai Besi dan sebagainya yang melibatkan kontena treler dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa pemeriksaan yang berkala itu haruslah dikekalkan.

Tuan Pengerusi, pemeriksaan yang lebih kerap akan memastikan bahawa treler berkenaan akan sentiasa dalam keadaan baik.

Ini akan mengurangkan 'breakdown' di tengah jalan kerana kerosakan treler yang bersaiz besar itu di tengah-tengah jalan akan menyebabkan berlaku kesesakan lalu lintas.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menekankan soal Pendaftaran Pelesenan Kereta Motor, Butiran 060200. Sebagaimana yang kita maklum, berdasarkan kepada pendapatan negara daripada Jabatan Pengangkutan Jalan pada tahun lepas lebih kurang RM1.5 bilion adalah datang dari kepala ini, aktiviti ini. Aktiviti pendaftaran kenderaan, aktiviti tukar milik, aktiviti lesen kenderaan motor (LKM), aktiviti pendaftaran pertukaran enjin dan sebagainya. Jadi, saya mohonlah walaupun kini masih di dalam proses bahagian ini akan di 'privatise'kan, ianya hendaklah menumpukan kepada soal-soal keselamatan.

Saya ingin mencadangkan supaya kementerian memikirkan tanda-tanda keselamatan kepada pendaftaran nombor plat kereta yang berdasarkan kepada spesifikasi yang ada pada chasis dan nombor enjin berdasarkan juga kepada roadtax ataupun LKMnya dan kita berharap melalui syarikat yang akan mengambil alih pendaftaran kenderaan ini akan dapat memikirkan dan memerhatikan faktor-faktor yang boleh membuatkan sesuatu kenderaan itu melakukan kesalahan di segi kesalahan-kesalahan di atas jalan raya dan juga masalah-masalah yang timbul daripada kelonggaran mengenai dengan sistem pendaftaran yang ada.

Kita masih melihat bahawa terdapatnya kenderaan-kenderaan yang diimport melalui scrap iron yang didatangkan daripada Jepun dan sebagainya yang datang melalui kontena di pelabuhan telah didapati didaftarkan dengan cara yang gelap oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Jadi, kita mengharapkan supaya pengawalan dan juga kawal selia ini haruslah ditekankan oleh pihak kementerian melalui jabatan yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi mengenai pengujian dan pelesenan pemandu. Kita

maklum berdasarkan kepada jumlah kenderaan yang ada, ada lebih kurang 7 juta sekarang ini dan pemilik lesen yang hampir 500 ribu, setakat hari ini, (CDL) kita berharaplah sistem pengujian yang ada pada hari ini akan dapat lebih dikuatkuasa dan dipertingkatkan kualitinya dan saya sebelum itu ingin mengucapkan tahniah kepada JPJ Negeri Melaka di atas kemampuan mempertingkatkan sistem pengujian yang dibuat berdasarkan kepada sistem kotak hitam kepada kereta-kereta yang digunakan untuk ujian dan juga kereta-kereta yang digunakan untuk belajar iaitu learners manual, dengan izin, dan testy manual.

Saya berharap JPJ akan mengambil inisiatif ini sebagai satu langkah ke arah lebih memodenkan sistem pengujian yang sedia ada melalui sirkit ujian yang telah dibina di merata pelusuk tanah air supaya ianya akan dapat dikuatkuasakan. Mengenai sistem-sistem pemberian markah dan sebagainya, haruslah dikemaskinikan supaya masalah kelemahan pengujian tidak akan terdapat di atas soal kelulusan ataupun kegagalan seseorang calon memandu itu.

Kita melihat kepada permasalahan-permasalahan betapa susahnyanya untuk mendapatkan lesen memandu dengan sistem yang akan dilaksanakan mulai tahun hadapan, dengan adanya sistem percubaan kepada pemandu-pemandu, insya-Allah segalanya akan dapat mengatasi masalah kecuaiannya yang biasanya berlaku kepada setiap pemilik kenderaan dan pemandu-pemandu. Di samping itu, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya, bilakah JPJ akan melaksanakan kursus semula kepada pesalah-pesalah yang telah dikenal pasti bagi dilatih semula dan diberikan reorientation, dengan izin, kepada mereka yang telah melakukan kesalahan berulang melalui sistem KEJARA yang dibuat dahulu.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, mengenai dengan pengurusan pejabat. Saya difahamkan di bawah kepimpinan.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup ya.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Habiskan ayat, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tidak cukup masa dah Yang Berhormat ya.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Bangunan pejabat baru, sedikit sahaja, Tuan Pengerusi ya.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya. Boleh.

**Tuan Yunus bin Rahmat:**.....di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang sedia ada, dan saya difahamkan telah banyak bangunan-bangunan baru pejabat-pejabat JPJ negeri dan cawangan telah dibangunkan di seluruh negara mengikut kumpulan-kumpulan yang ditentukan, kumpulan A, B dan C dan kita faham bahawa JPJ telah membelanjakan lebih daripada RM127 juta untuk bangunan-bangunan dan alat kelengkapan di JPJ diadakan.

Jadi, saya berharaplah dengan peruntukan yang akan dibekalkan ini, JPJ dan juga agensi-agensi lain di bawah kementerian akan dapat membelanjakan dengan berhemat dan akan dapat mengatasi masalah-masalah yang sedia ada yang masih berlaku. Terima kasih dan saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Bolehkah saya minta Yang Berhormat kementerian menjawab, oleh kerana kita, oh ya, okay. Baiklah Yang Berhormat, tidak apa, besok sambung. Mesyuarat bersidang semula ya.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.*